



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA

THIRD SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA

THIRD MEETING

ISSN 0304-1697

JILID III

BIL. 3

HARI RABU

14 DISEMBER 1988



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA THIRD SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA THIRD MEETING

Kandungan

Mukasurat

Perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan
(1989), 1988 (samb)

3

Usul Anggaran Pembangunan, 1989

28

Perbahasan di atas Anggaran Pembangunan 1989

33

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KETUJUH
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KETIGA**

HARI RABU, 14 DISEMBER, 1988

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Datuk Mohd. Shaari bin Yusuff,
D.S.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,
D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N.,
J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar,
P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Omar,
P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Sum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N.,
P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli,
P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff,
K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid,
P.K.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teok Teik Huat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang) – Ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Pindaan) 1972.
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – Ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Pindaan) 1972

TURUT HADIR

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.42 pagi.

DOA.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Mak Mandin.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkit dalam perbahasan tersebut.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih atas soalan-soalan yang berbangkit termasuk cadangan-cadangan yang berguna. Akan tetapi ada satu perkara yang mungkin di sini saya ingin sentuh, yang mana saya dapati telah lagi sekali menunjukkan bagaimana fikiran, pandangan yang cetek dan sempit yang selalu ditunjukkan oleh pihak pembangkang, khususnya Yang Berhormat dari Pengkalan Kota yang telah membandingkan perbelanjaan sebanyak \$1.3 juta yang telah diperuntukkan untuk aktiviti kedai tuak yang dibandingkan dengan \$1.6 juta yang telah diperuntukkan untuk aktiviti pelancongan.

Jadi, kalau Yang Berhormat Pengkalan Kota boleh mengambil masa untuk meneliti aktiviti kedua-dua ini iaitu beliau boleh jelas bahawa di bawah aktiviti kedai tuak — \$1.3 juta yang diperuntukkan untuk aktiviti itu ada termasuk peruntukan untuk *emolument* atau bayaran gaji dan upahan dan \$1.6 juta yang diperuntukkan khas untuk aktiviti pelancongan adalah jumlah yang diberi untuk menjalankan aktiviti dan tidak ada berkaitan dengan perbelanjaan untuk bayaran gaji dan lain-lain.

Dalam hal aktiviti kedai tuak sebenarnya Tuan Speaker, dalam lima tahun kebelakangan ini, pihak Kerajaan dapat melalui aktiviti kedai tuak satu keuntungan. Kalau kita boleh lihat kepada perbelanjaan bagi tahun 1983 hingga 1987 iaitu jumlah 5 tahun kebelakangan ini sebanyak \$6.37 juta telah dibelanjakan untuk aktiviti kedai tuak dan jumlah hasil yang telah dikutip dalam masa yang sama iaitu 5 tahun kebelakangan ini adalah \$6.824 juta. Bermakna bahawa dalam 5 tahun

yang kebelakangan ini, pihak Kerajaan telah mendapat satu kelebihan sebanyak \$449,356.00 melalui aktiviti kedai tuak. Jadi tidaklah benar bahawa aktiviti kedai tuak ini tidak ada keuntungan kepada sesiapa juga.

Tuan Speaker, dalam hal kedai tuak juga pada masa sekarang pihak Kerajaan masih sedar bahawa masih ada terdapat segelintir penduduk-penduduk Pulau Pinang yang sedang berharap kepada kedai tuak untuk mendapat sedikit keseronokan. Oleh kerana itu (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Balik pukul isteri.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Bukan semua yang balik pukul isteri, ada juga yang tidak melawat kedai tuak pun balik pukul isteri.

Tuan Speaker, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang hendak menutup terus kedai-kedai tuak dan walau bagaimanapun pihak Kerajaan bersetuju bahawa mutu layanan, mutu perkhidmatan khususnya dari segi kebersihan persekitaran kedai-kedai tuak harus diperbaiki dan pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan untuk mewsastakan kedai-kedai tuak ini. Walau bagaimanapun, saya ingat perbincangan yang lebih lanjut dan kajian yang lebih terperinci harus diteliti terlebih dahulu.

Dalam hal pelancongan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa kalau kita dapat lebih peruntukan memang merupakan lebih aktiviti, tetapi dalam hal ini apa yang mustahak Tuan Speaker, adalah bukan sahaja *amount* yang telah diberi tetapi bagaimana kita boleh menggunakan apa yang diperuntukkan dengan maksimumnya supaya hasil dan faedah yang akan terdapat melalui perbelanjaan yang telah diperuntukkan ini boleh dimaksimakan. Dalam perkara ini, kalau kita pandangan pencapaian dalam beberapa tahun yang lalu ini dalam pembangunan pelancongan di Pulau Pinang, kalau kita mengambil statistik kepada angka-angka yang berkaitan dengan ketibaan pelancong asing terus atau *direct tourist arrivals* bagi tahun ini, daripada bulan Januari hingga bulan Oktober telah tercatat sebanyak 142,761 pelawat atau pelancong asing dan kalau dibanding dengan masa yang sama bagi tahun

lepas, tahun 1987 yang mana jumlah angka ialah 1,228,078 pelawat. Ini telah menunjukkan bahawa bagi tahun ini telah mencapai satu peningkatan sebanyak 11%, dan pihak Kerajaan mempunyai penuh keyakinan bahawa 11% ini boleh dicapai sebagai satu pertambahan bagi tahun 1988. Bertambahnya bilangan pelancong terus daripada luar negeri adalah kerana di Pulau Pinang telah diwujudkan satu *atmosphere* atau satu keadaan yang mana kita dapat kerjasama yang erat antara pihak Kerajaan Negeri juga pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pihak swasta. Oleh kerana sektor awam dan sektor swasta masing-masing telah bekerjasama dengan rapat. Sejak tahun 1985 sektor swasta telah bertindak dengan begitu positif sekali kepada program-program penggalakan dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh Kerajaan seperti *Penang Festival* tahun 1986. Tahun ini "Tahun Melancong ke Pulau Pinang 1988". Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang bekerja rapat dengan sektor swasta untuk membantu merancang program-program Tahun Konvensyen Pulau Pinang bagi tahun 1989 dan juga untuk membuat siap sedia bersama dengan Kementerian Persekutuan dalam program-program untuk melancong ke Malaysia tahun 1990. Semua aktiviti-aktiviti ini telah membantu menggiatkan lagi galakan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang ulung.

Tuan Speaker, dalam hal pelancongan juga ada beberapa perkara yang telah dititikberatkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk keselamatan para pelancong di Pulau Pinang. memang pihak Kerajaan sedar dalam hal ini dan usaha sedang dijalankan untuk menambah Unit-unit Polis Pelancong di Pulau Pinang supaya dengan mengadakan lebih rondaan, lebih kawalan bahawa keselamatan para pelancong akan dijamin apabila mereka tiba dan melawat Pulau Pinang.

Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang perlu ditambah khususnya di sekeliling pantai yang telah dibangkit oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Telok Bahang, memang adalah dalam perancangan jawatankuasa saya di bawah bidang *product development* atau pembangunan prodak pelancongan memang telah dan akan mengambil kira segala cadangan bukan sahaja dalam perkara keindahan atau keselamatan tetapi akan juga diambil kira dan bersiap sedia untuk meningkatkan mutu tempat-tempat-pelancongan dan juga untuk mencari atau menambah tempat-tempat untuk menarik lebih ramai para pelancong.

Jadi Tuan Speaker, begitulah apa yang saya ingin menjawab dalam perbahasan ini dan pada akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1989.

Sekian.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Encik Zakaria bin Bakar):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dan juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada dua hari yang lepas.

Tuan Speaker, di samping itu ingin juga saya mengambil peluang untuk menjawab beberapa-beberapa perkara yang ada kaitan dengan jawatankuasa yang saya pengurusan. Tuan Speaker, antara perkara yang telah dibangkitkan ialah mengenai seruan atau pun rayuan Yang Berhormat ADUN daripada Permatang Pasir supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat berhati-hati dan menyiasat dengan mendalam sebelum memberhentikan bantuan bulanan kepada penerima bantuan daripada jabatan.

Tuan Speaker, ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia pada hari ini bahawa sebenarnya selama ini pun Jabatan Kebajikan Masyarakat memanglah berhati-hati dan menyiasat dengan mendalam sebelum diberhentikan bantuan bulanan kepada mana-mana penerima bantuan. Sebenarnya Jabatan Kebajikan Masyarakat sebelum mengambil keputusan untuk memberhentikan setelah pihak jabatan merasakan puashati bahawa bantuan kepada orang-orang yang menerima itu patut diberhentikan. Antara perkara yang diteliti ialah biasanya dari segi pendapatan sosio ekonomi. Sekiranya kita dapati bahawa pendapatan daripada keluarga itu sudah meningkat daripada tahap yang telah ditetapkan oleh jabatan, maka peruntukan akan diberhentikan.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa bukanlah menjadi dasar Kerajaan ataupun jabatan untuk menjadikan negeri ini sebagai *Welfare State*. Jadi kita tidaklah berhasrat untuk menyambung terus-menerus. Apabila kita dapati orang-orang menerima bantuan itu setelah berusaha, berdiri atas kaki sendiri, maka bantuan ini akan diperhatikan.

Mengenai perkara kedua yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pasir yang meminta supaya diadakan peruntukan untuk membayar bantuan sekolah, khasnya yuran

peperiksaan kepada murid-murid sekolah miskin. Ingin dimaklumkan di sini bahawa daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah bantuan sekolah, ada juga kita memberi yuran peperiksaan kepada orang-orang yang dirasakan perlu khususnya untuk peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Tuan Speaker, ada juga perkara yang dibangkitkan yang ada kaitannya dengan keadaan kesesakan dan ketidakselesaan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, yang berada di Lebuh Pantai sekarang ini. Kerajaan memang sedar bahawa keadaan pejabat ini adalah paling tidak memuaskan. Kesesakan disebabkan kesempitan ruang. Oleh sebab itu, kita telah mengambil keputusan supaya Insyaallah apabila Jabatan Ukur yang berada di bahagian atas bangunan itu berpindah, maka keseluruhan bangunan itu akan digunakan untuk dijadikan pejabat bagi pentadbiran hal-ehwal Agama Islam bagi Negeri Pulau Pinang. Ini kita rasakan perlu kerana pertambahan beberapa kakitangan yang telahpun diluluskan.

Tuan Speaker, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pasir supaya diadakan satu Kompleks Agama Islam Negeri. Pandangan ini adalah satu pandangan yang baik dan Alhamdulillah. Insyaallah, jika diizinkan kita akan membuat satu kajian yang mendalam sebelum perkara ini dilaksanakan. Saya percaya apabila aktiviti kita ditingkatkan kita memerlukan Kompleks-kompleks untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan agama. Perkara ini kita akan melaksanakan dari semasa ke semasa.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan Tuan Speaker ialah mengenai program bimbingan pelajar di mana peruntukan kewangan hanya diberi sebanyak \$50,000.00. Kita sedar bahawa peruntukan ini adalah tidak mencukupi tetapi ingin saya katakan bahawa sekiranya kita rasakan bahawa peruntukan ini tidak sesuai dan tidak mencukupi untuk sepanjang tahun, maka kita akan berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan daripada sumber-sumber lain supaya kegiatan program bimbingan pelajar yang mula kita jalankan mulai tahun lepas itu dapat kita jalankan dengan lebih pesat lagi, kerana kita dapati pada tahun lepas melalui program bimbingan pelajar banyak aktiviti-aktiviti ke arah membentuk peribadi pelajar menjadi pelajar yang sihat telah mendapat sambutan

yang baik bukan sahaja daripada sekolah-sekolah tetapi juga daripada ibu bapa. Oleh itu, inginlah saya memberi jaminan bahawa perkara ini akan kita teliti dan Insyaallah dapat kita laksanakan.

Tuan Speaker, saya lagi sekali ingin menekankan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan.

Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tetapi Tuan Speaker, saya tidak ada apa-apa jawapan sebab siapa pun tak tanya kepada saya. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, saya ingin hendak jawab sedikit sebanyak apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota. Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota banyak bercakap tentang *crisis of confidence* ataupun krisis keyakinan. Ini semua kita telah dengar banyak kali. Saya ingat mereka kena cari *speech writer* yang barulah Tuan Speaker, sebab semua dia ulang kembali, *replay*. kalau tengok pun *speech writer* yang sama juga. Jadi Tuan Speaker, saya nak tunjukkan bahawa apa yang dikatakan *crisis of confidence* ini bukan disebabkan oleh Kerajaan tetapi disebabkan oleh pihak pembangkang.

Yang pertama sekali, kita lihat di Pulau Pinang. Jumlah pelaburan daripada bulan Januari sampai bulan Disember 1987 iaitu dalam masa 12 bulan tahun lalu, kita ada jumlah pelaburan \$167,138,076.00. Pada bulan Januari sampai Jun 1988 iaitu 6 bulan tahun ini, ada pertambahan \$192,060,386.00. Ada pertambahan dalam masa 6 bulan sahaja ada pertambahan lebih kurang \$30 juta lebih. Ini menunjukkan bahawa tahun sudah 12 bulan dengan tahun ini 6 bulan, ada pertambahan. Dari segi pembelian tanah industri tahun 1987 — 12 bulan, kita ada 31 buah syarikat beli tanah kawasan 23.74 hektar. Daripada bulan Januari sampai bulan Ogos 1988, — 8 bulan, kita ada 60 syarikat beli tanah luasnya 85.07 hektar. Jadi tahun sudah dengan tahun ini ada pertambahan. Tetapi apa yang serupa? Serupanya Perdana Menteri serupa, Timbalan Perdana Menteri serupa, Ketua Menteri pun serupa, Speaker pun serupa (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

DAP pun serupa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

DAP tak serupa, sebab yang masuk dalam - ketua pembangkang dan Ahli daripada Bukit Gelugor dan Kampong Kolam. Itu yang tak serupa. Bila itu tak serupa, pelaburan pun naik.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Seberang Jaya berkata ini DAP ini tidak serupa. Tetapi saya ingin tanya sama ada UMNO serupa? Oleh kerana UMNO telah menjadi, *Team A* dan *Team B*. Ini ada serupa juga.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Pulau Pinang tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Seberang Jaya sangat bangga dengan prestasi atau kemajuan ekonomi Pulau Pinang ini, tetapi dari kenyataan-kenyataan atau sumber-sumber di surat khabar, kami boleh mengetahui bahawa lebih pelabur suka melabur di Negeri Kedah dan Negeri Selangor jika dibandingkan dengan Pulau Pinang. Macam mana mahu jawab bahawa pelabur-pelabur semua lebih berkeyakinan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Ada lagikah? Cukup?

Ini Berapit, mana ada DAP ada serupa? Satu pakai *badge* lain tak dak pakai? Itu tak pakai? O.K. Dalam Dewan ini cuba tengok UMNO semua serupa tetapi DAP dalam Dewan ini cuba tengok, 2 tak dak! Itu berlainlah.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Itu siapa yang jadi ini? Ini Kerajaan Barisan Nasional, bukan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Ya!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Mengapa mahu jadi macam ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Apa fasal?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Siapa mahu jadi (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Kalau buat tak dak betul, dalamlah!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Mana tak betul? Ini Kerajaan tak betul!

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

You cakap Kerajaan tak betul. Yang Berhormat, saya mahu cakap, *you* pun tak betul! So?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Siapa betul?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Dua-dua tak betul.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Dua-dua betul? (ketawa). Tetapi itu saya mahu cakap, Tuan Speaker. Jadi apa yang ada beza, — itu beza dia. Bila ini dua tak ada, pelaburan sudah naik. Saya mahu tunjuk angka, saya bukan mahu bohong, Tuan Speaker. Lagi pula, ini dia cakap tentang Kedah. Saya tak tahu lah apa sebab Bagan Jermal semalam pun cakap fasal Kedah. Hari ini pun cakap fasal Kedah. Dia nak pergi Kedahkah? Jadi itu dia boleh pergi tengoklah saya pun tak dak angka. Saya pun tak mahu cakap sebab saya pun tak mahu jadi macam DAP, tak dak angka mahu cakap.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Off hand lah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Off hand tak boleh. Ini Dewan yang mulia,

cakap mesti betul, mesti ada angka. Itu bezanya. Lagi pun bila kita tengok, sudah dua orang tak dak, pelaburan sudah naik, bukan di Pulau Pinang. Kalau kita ambil sumber MIDA daripada bulan Januari sampai bulan Julai, tahun 1988 ada permohonan untuk melabur di Malaysia — 519 permohonan. Ini hanya 7 bulan sahaja. 519 permohonan, ini menunjukkan 180% tinggi daripada tahun 1987. Ada 2,187 juga *equity* asing telah masuk Malaysia. Ini 639% tinggi daripada tahun 1987 dan ada 1,163 juta *equity* tempatan telah menanam modal. Ini 265% tinggi daripada tahun 1987. Ini menunjukkan pada tahun 1987 rendah, tahun 1988 tinggi. Tahun 1987 ada ketua pembangkang, tahun 1988 tak ada. Jadi mana betul kata ada *crisis of confidence*? *Crisis of confidence* memang ada tetapi *crisis of confidence* kepada pihak pembangkang, Tuan Speaker.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada dua hari yang lepas. Di samping itu juga saya ingin mengambil kesempatan ini memberi sedikit penjelasan ataupun memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang berkaitan.

Pertama sekali, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi sokongan ataupun kerjasama bagi menjayakan rancangan-rancangan yang telah disediakan oleh jawatankuasa saya.

Tuan Speaker, Ahli Permatang Pasir telah mengemukakan tentang industri-industri kampung. Industri ini adalah berpotensi di mana dengan menggunakan bahan-bahan kampung ataupun tempatan yang telah menghasilkan pendapatan dan juga wujud peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk kampung yang berdekatan. Jadi dengan kerjasama dan juga sokongan daripada ADUN Yang Berhormat yang berkenaan, maka rancangan latihan dalam Bengkel Teknologi Desa di kawasan beliau atas bantuan pihak Kerajaan telahpun dijalankan dengan memuaskan. Maka saya ingin mengambil peluang ini menyeru kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sekiranya berminat untuk mengadakan latihan seperti ini di kawasan masing-masing, silalah berhubung dengan

pihak Jabatan Tenaga Rakyat.

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Prai pun akan ambil peluang dalam perbahasan berkaitan dengan jawatankuasa saya. Nampaknya prestasi beliau ada baik. Beliau bukan sahaja selalu kritik Kerajaan bahkan selalu mengemukakan cadangan-cadangan ataupun pandangan-pandangan yang *constructive*. Maka sikap ini patut dapat dipuji.

Tuan Speaker, beliau pun telah mengemukakan beberapa perkara yang pertama berkaitan dengan latihan kemahiran. Tuan Speaker, Jawatankuasa Tenaga Rakyat bersama-sama dengan beberapa agensi ataupun Jabatan Kerajaan seperti MARA, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pertanian, Kementerian Buruh dan PDC, kursus-kursus dan latihan-latihan telahpun dijalankan ataupun sedang dijalankan kepada belia-belie ataupun penganggur-penganggur. Selain daripada itu Kerajaan bersama-sama dengan pihak sektor swasta telahpun menjalankan satu projek iaitu melatih sumber pekerja. Setakat bulan Oktober sebanyak 34 buah syarikat-syarikat termasuk kilang-kilang ataupun hotel-hotel pun telah mengambil bahagian dan 242 peserta-peserta pun telah mengambil bahagian dan untuk menjalankan projek latihan seperti ini pihak Kerajaan pun telah meluluskan sebanyak \$136,000.00 bagi menjalankan projek latihan ini.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun dalam Rang Undang-undang Perbekalan tidak memperuntukkan disebutkan akan tetapi, jikalau jawatankuasa saya memerlukan apa-apa peruntukan, pihak Kerajaan akan sedia untuk meluluskan. Jadi tujuan untuk mengadakan program seperti ini ialah untuk membekalkan pekerja-pekerja atau penganggur-penganggur lebih banyak kemahiran supaya mereka dapat mencari kerja dengan lebih mudah di tempat-tempat mana pun ataupun berdikari.

Berkaitan dengan Pusat Latihan, Tuan Speaker, kini kemudahan latihan kemahiran ini boleh didapati di Institusi Latihan Perindustrian Perai dan satu institusi dirancang oleh Pihak PERDA yang akan dibina di Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan. Oleh kerana industri elektronik merupakan satu industri yang lebih maju di Pulau Pinang, maka kajian sedang dijalankan berkenaan melengkapkan lebih kemudahan-kemudahan latihan elektronik di Institut Latihan Perindustrian Perai dan juga di tempat-tempat di manapun.

Satu perkara berkaitan dengan perhubungan dengan apa pekerja-pekerja, sebenarnya adalah begitu rapat. Tuan Speaker, dimaklumkan bahawa jabatan-jabatan di bawah Jawatankuasa Tenaga Rakyat seperti Jabatan Pos dan Tenaga Rakyat, Jabatan Buruh, Jabatan Perhubungan Perusahaan sentiasa bekerjasama untuk memelihara kebajikan pekerja-pekerja mengikut Undang-undang Buruh yang sedia ada. Sekiranya pihak pekerja menghadapi masalah dalam pekerjaan, mereka boleh menghubungi dengan jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi. Masalah mereka dapat dibincang dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Speaker, berkaitan dengan masalah pengangguran. Ini satu perkara yang besar bukan saja Pulau Pinang ada pengangguran, negeri lain pun ada. Jadi Pulau Pinang di bawah pimpinan bijaksana Y.A.B. Ketua Menteri sudah pun melawat beberapa negara asing dan telahpun mendapat banyak pelabur-pelabur yang datang ke Pulau Pinang untuk melabur. Selain daripada mendirikan banyak kilang-kilang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Ini satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Jadi Tuan Speaker, saya berharap kedua-dua pihak termasuk pihak pembangkang jikalau kita bekerjasama, saya percayalah kita akan dapat mendatangkan lebih banyak faedah kepada pekerja-pekerja di Negeri Pulau Pinang.

Sekian, sekali lagi saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya juga bangun untuk mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1989. Saya juga sependapat seperti rakan-rakan saya. Pada hari ini, kita dapati sejak kelmarin lagi kita lihat ramai rakan-rakan kita termasuk sahabat kita di sebelah sana membincang dan memberi pendapat mengenai Rang Undang-undang Perbekalan. Tadi pihak Berapit kata "Cuba buktikan kalau ada, tidak serupa." Saya bila dengar macam itu, cabar minta bukti. Saya cukup "syok". Sekarang saya nak tunjuk satu bukti. Pihak pembangkang, dia punya ingatan — dalam kepala otak dia, kerja lain tak ada, kerja dia bangkang. Baik pun bangkang, tak baik pun bangkang, elok pun bangkang, tak elok pun bangkang. Puji ini saya nampak (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tadi Yang Berhormat Telok Kumbar berkata

di sini parti pembangkang, baik pun bangkang, tak baik pun bangkang. Saya minta dia menunjuk satu perkara yang mana baik kita bangkang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Kita buat titi, titi tak bagus. Kita buat KOMTAR, KOMTAR tak bagus.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak sempat saya nak jawab, ada kawasan-kawasan saya tolong jawab, sebagai satu contoh.

Ahli Kawasan Perai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Hal titi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat di situ, itu dia kata sempit bukan kerana apa-apa kerana Mercedes Benz tidak boleh masuk. Bila Mercedes Benz tidak boleh masuk, dia kata sempit.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Saya masih ingat, dulu Jambatan Pulau Pinang tak pernah bersetuju, bangkang memanjang. Sampai Ketua Menteri kita tutup mata — pejam, macam orang lena. Tetapi sebenarnya dia sedang berfikir, apa patut jawab pada orang selalu tak setuju ini. Hari ini sudah berubah pula — jambatan minta kurang tol, pun tak setuju juga. Bangkang juga kerana tol itu mahal. Kalau tol itu murah pula tak lama, apa nak bangkang pula kita tak tahu. Jadi kerja dia, itu yang kita tunjuk. Kerja dia tak kisah, dapat duit ke, tak dapat duit ke, rugi pun dia marah, untung pun dia marah. Ini kerja dia. Ini yang satu daripadanya perbezaan yang nampak.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Bubuh di dalam, baru dia nampak (ketawa).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tetapi yang ada baik sedikit. Ini saya nak kata ada baik sedikit.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Ada baik juga.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ada juga baik, bukan semua tak baik, ada baik sedikit. Saya teringat Y.A.B. selalu menyebut Mahaguru. Rupa-rupanya betul. Tak ada Mahaguru, dia gigit pun tak kuat. Sebelah ini semua baik. Jadi nak tunjuk ada lagi Mahaguru, dua lagi tak datang. Puak Mahaguru, ini orang kata — wakil Mahaguru. Yang ini semua baik, Wakil Prai nombor satu baik. Dia menentang pun cara lembut. Nombor satu baik bagi saya. Bagan Jermal baik. Dia puji, dia minta. Saya nak bagi, jangan susah hati. Saya nak bagi. Dia puji, dia minta, dia puji dia minta. Dia tegur kita, dia minta. Tapi tak berapa nampaklah, dia nak gigit kita, tak ada. Kebun Bunga pun baik, Batu Lanchang, cukup baik sama dengan Prai (ketawa). Saya kata betul-betul. Jawi di nak belajar macam Berapit, baru nak belajar. Jadi apa yang saya nampak hari ini, baik sedikit daripada yang tidak adalah. Elok sangatlah, saya ingat lebih baik jangan ada Mahaguru, takut kita terpesong.

Bagi jawapan, saya tengok banyak yang bercakap itupun pada peringkat awal berasa gerun. Saya kata, apa sudah jadi Mr. Thevarajah. Ini komplek banyak ini, terutama sekali wakil dari Kawasan Permatang Pasir (ketawa). Bahasa baku "Pasir" tak boleh kata "paser".

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):
'Pasiak'.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak boleh kata "pasiak" tak boleh. Pasir. Dia bunyi 'jalan batik', terkejut kita, macam mana punya bentuk jalan sampai nampak macam batik. Kemudian kata, tak ada parit. Bila minta nama jalan, diberi nama jalan. Rupa-rupanya saya siasat, dia nak minta tambah. Kita bagi, kerana dia bukan bertujuan untuk nak hentam, dia ceritakan keadaan kurang baik di sana. Ada yang baik, ada yang tidak baik. Saya bersetuju sangat kalau dia kata — misal kata kawasan Padang Menora, Jarak, Ara Kuda. Jalan itu bagi pihak Jabatan Kerja Raya. Pada pendapat Jabatan Kerja Raya setelah kita *repair* memuaskan, tetapi ada lagi lubang-lubang, lubang-lubang kecil. Kita boleh bagi jaminan. Lubang itu hilang pada hari Khamis ini ataupun Jumaat. Dia tutup. Bukan hilang tak ada lubang. Dia tutup, tampal lubang. Kalau ada duit, kita terus turap masa akan datang. Yang lain, misal kata tak ada parit bagi kawasan Jalan Permatang

Pasir — yang sebenarnya kerana simpanan jalan itu terlalu kecil. Tak cukup, Nak buat parit, boleh buat, tapi kita kena *acquire* tanah. Kalau semua pakat setuju, tangguh program yang lain, kita *acquire* tanah itu untuk buat parit, kita buat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Jangan.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Kalau kata jangan, kita kena cari jalan lain.

Sebenarnya Tuan Speaker, kita tidak ada niat untuk menindas mana-mana kawasan. J.K.R. tidak pernah buat sedemikian rupa. Apa yang berlaku kepada kita, peruntukan yang kita memerlukan bagi menjalankan kerja seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai memakan belanja yang terlalu besar. Jadi bagi kita, pertama sekali kita pilih kawasan-kawasan yang sangat teruk. Kalau kita tanya kepada semua Yang Berhormat, semua akan kata kawasannya teruk. Saya tidak percaya akan bangun kata — kawasan saya tak teruk — saya tak mahu lagi. Tak ada. Semua akan bercakap kata — kawasan saya teruk. Tetapi yang boleh menentukan kawasan mana yang lebih teruk ialah jawatankuasa kita. Jawatankuasa kita tidak akan pilih bulu. Faham dak pilih bulu? Bukan bulu itu, bukan. Kalau yang itu nak tahu kena tanya pakar bahawa ataupun — di belakang saya seorang lagi, pakar bahasa — kalau nak tahu apa pilih bulu. Kita tidak ada. Kita akan buat kawasan yang paling teruk sangat. Selepas itu sampai kawasan yang kurang teruk. Yang marah kepada kita ini kawasan Bagan Jermal, kata jalan dia teruk, jalan dia teruk — kalau banding dengan dalam kawasan (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, bukan teruk sahaja, sibuk sangat.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Oh, — sibuk. Sibuk samalah *standard*nya dengan kawasan Ayer Itam. Ayer Itam cukup sibuk. Jadi hari ini kerana kawasan Ayer Itam lebih teruk daripada kawasan Bagan Jermal, kita buat Ayer Itam dulu. Kalau nak kita *argue* betul-betul, nak tengok sebagai saksi, kita nak membuktikan betul atau tidak, saya bersedialah. Kalau kawasan Ayer Itam dengan Kawasan Bagan Jermal,

kawasan mana yang lebih teruk? Saya nampak kawasan Ayer Itam lebih teruk, sebab itu kita buat kawasan Ayer Itam dulu. Sekarang nak sampai ke kawasan Bagan Jermal. Jangan susah hati (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Paya Terubong dulu Yang Berhormat, Paya Terubong.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Paya Terubong, maaf, bukan Ayer Itam (ketawa).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Lain tahun baru Ayer Itam.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Saya ingat Y.B. ada minum sedikit tuak (ketawa).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Saya tarik balik, bukan Kawasan Ayer Itam, Kawasan Paya Terubong.

Tuan Speaker, contoh Bagan Jermal, wakil DAP. Yang sebenarnya kita patut ingatlah J.K.R. ialah satu jabatan yang bertanggungjawab, boleh kata dalam semua bidang. Tanggungjawab yang paling berat. Dia ini ibarat macam buah pinggang. Kalau buah pinggang rosak — habis. Hidup pun dia masih boleh bernafas, tetapi habis, faham dak?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Jantung dan buah pinggang. Mana satu yang mustahak?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Jantung itu macam Jabatan Ketua Menteri-lah. Saya bagi bandingan Jabatan J.K.R., J.K.R. kurang sedikitlah daripada jantung. Dia macam buah pinggang. Tak ada buah pinggang, kalau hidup pun susah. Pertanian — perut. Tak dak perut makan keluar, makan keluar. Jadi saya bagi ibarat macam itu. Jadi J.K.R. bertanggungjawab setiap

masa kerja memikirkan macam mana nak menyelesaikan masalah. Bukan kerja dia, nak merancang sesuatu di Pulau Pinang ini. Jabatan Kerja Raya kita memikirkan bagaimana nak menyelesaikan masalah. Sudah tentu sebagai manusia masalah tidak akan habis. Selesai satu, timbul satu. Selesai satu, timbul. Kita tolong, terima kasih. Esok ada lagi satu. Kita akan cari jalan — tolong. Terima kasih. Esok datang lagi satu. Itu kerja J.K.R.

Kita akan bersedia menghadapi masalah tetapi janganlah cari, macam kita kata tadi, dia tak *study* betul-betul. Dia datang, dia hentam. Dia tak mahu sebut jalan, kerana saya dah 'kejit' mata kata — jalan boleh dapat pasal kamu baik, saya lagi. Dia cakap pasal loji, dia tengok *roller* itu ada tulis J.K.R. orang punya. Tetapi tulis J.K.R. kita kena ingat pula, bila J.K.R. *condemn*, dia *condemn*lah. *Condemn* J.K.R. ini, bukan *condemn* sampai hancur. Dia *condemn* tapi boleh bergolek lagi. Kontraktor dia nak beli, dia punya pasallah. Kita dah *condemn* tetapi kalau kita nak cabar-men-cabar, benda ini tak patut *condemn* tetapi kamu *condemn*? Sila cabar saya. Kita cabar, cabar sampai habis. Lepas ini, jangan esok datang, kata saya cabar. Tak bolehlah. Sekarang ini, sekarang ini nak cabar, tak mahu?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak mahu.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak mahu tak apa. Tak mahu, jalan dapat. Sebabnya saya nak tunjuk, kita *condemn* ada macam-macam *reason*, macam-macam sebab. Pertama sekali boleh jadi disebabkan perbelanjaan (*maintenance*) terlalu mahal, jika dibandingkan dengan beli alat baru. Macam kita katalah Wakil Bagan Jermal beli televisyen baru. Televisyen dah pakai 8 tahun, televisyen itu rosak. Empat kali rosak, tukar dak? Beli baru dak, pasal apa?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kalau mampu.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Bukan pasal ada mampu. Kalau pasal ada mampu, dia punya fikiran tidak betul. Dia punya pendapat selalu tak betul. Yang sebenarnya, kalau

kita beli baru, dia boleh tahan lagi 10 tahun ataupun 8 tahun. Kalau kita pakai yang lama itu juga dalam tempoh 8 tahun juga sama juga dengan tempoh barang yang kita beli baru, belanjanya untuk 8 tahun itu lebih mahal daripada barang baru. Jadi itu satu daripada sebab-sebab yang boleh saya nak tunjuk. Banyak lagi sebabnya. Sebab dari sipembeli pun kita tak tahu, boleh jadi dia beli dua, sana satu, sini satu, dia buka *spare part* dia sambung. Kita tak tahu kita tengok dia keluar atas jalan sahaja. Kemudian kita *attack*. Tetapi kalau *study* betul-betul, siasat betul-betul, ada bukti — pegawai Kerajaan dalam J.K.R. buat salah. O.K.lah. Tetapi bila tunjuk macam mana ini, saya kena jawab. Saya ingat, kita terimalah sama-sama. *You* tanya sedikit, saya jawab sedikit, cukuplah. Boleh?

Kemudian mengenai elaun. Janganlah, bagilah peluang dia orang dapat elaun.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Overtime.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ya, overtime, bagilah peluang di dapat *overtime*. Nak suruh dia kerja kuat, nak suruh dia kerja cepat, nak suruh semua cepat, semua siap, *overtime* — tahan. Kalau tanya saya dan kalau saya ada kuasa penuh saya akan kata teruskan. Mesti bagi *overtime*. Kita kenalah ingat pula yang dapat *overtime* ini siapa dia? Yang gaji murah ini. Barang sudah naik mahal, Exco tak ada *overtime*. Bagilah peluang orang ini, dia kerja pun kuat sedikit. Dia bukan mahu kerja macam tu, tetapi dia tak dapat kerja lain, dia kena kerja itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, boleh?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kalau dia betul-betul kerja, dari pagi pukul 8.00 hingga pukul 6.00 atau 7.00, dia patut mendapat *overtime*? Kalau pagi tak mahu kerja, duduk sehingga malam sahaja mari kerja. Itu tak patut dapat *overtime*. Betul tak?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Saya ingat kalau dia duduk—sahaja sampai malam, bagi berhentilah. Tak payah bagi *overtime*. Kita bagi berhenti terus. Kadang-kadang kita ini macam ini, kita lalu, tengok waktu dia baru sahaja habis bekerja. Saya lebih suka dia berhenti di depan kita, berihat, kalau dia sudah betul-betul sudah letih. Jangan dia tipu kita. Bila kita sampai, dia buat kerja. Kita hilang, dia berhenti bekerja. Tetapi kalau dia kerja betul, kita sampai waktu itu dia letih, mahu rehat, nak hisap rokok, dia berhenti. Itu lebih baik daripada dia tipu kita. Kita sampai dia kerja, kita tak ada, dia tak kerja. Jangan kita tengok sangat, kadang-kadang kita lalu tengok waktu dia rehat, nak hisap rokok, kita dah kata dia tak buat kerja langsung. Ini tak kena. Bagi saya, saya sokong dan saya harap perkara ini diteruskan. Bila bangkit perkara ini jangan takut kerana itu tanggungjawab kita dan ada perbekalan untuk mereka. Contohnya, misal kata kerja kuari dia kena kerja sampai malam untuk nak ambil keluar batu dan sebagainya. Jadi nak suruh dia kerja sampai malam, macam mana? Walaupun kerja baru muka *resurface* jalan dalam kawasan Bagan Jermal, misal kata, dia mahu cepat. Mahu cepat kerja jangan kerja sampai malam—macam mana? Kalau orang dah kata suruh kerja sampai malam, tak usah bagi *overtime*? Patut kita bagi ataupun kerja-kerja yang perlu tindakan segera, tiba-tiba mesti kerja. Macam mana kita nak buat, nak siksakan dia. Kita pun kadang-kadang tunggu lagi seminggu lagi nak Dewan Undangan, baru nak *start* nak buat soalan. Patut soalan itu disediakan. Untuk tahun depan kita mesti bersedia dah soalan-soalan, tetapi kita tunggu *last minute*. Tetapi sebab kita pandai cakap, orang lupa, kata kita tidak bersedia. Contohnya, bahan-bahan yang *attack* Kerajaan, yang *attack* Barisan Nasional semua cerita lama. Macam Wakil Seberang Jaya kata *replay*. Bila *replay*, ini, dia tak *study* betul-betul. *Record* sudah tembus. Cap apa? Bukan saya kata. = Jadi, banyak lagi macam kita kerja-kerja kecemasan, kerja-kerja perhiasan—banyak dan bagi saya, saya harap J.K.R. terus kalau kerja yang patut bagi *overtime*, bagi *overtime*.

Mengenai jalan, saya nak tunjuk macam mana Ketua Menteri kita punya baik hati. Jalan Bagan Jermal iaitu Jalan Raja Uda — jalan ini adalah satu jalan yang memerlukan belanja yang begitu besar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Sebab rosak banyak.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Bukan dia rosak. Sebab keadaan di tempat itu. Kalau kita baru muka atau kita tar balik sekali lagi dengan tingginya dua kaki (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Dua inci.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ya, dua inci. Saya silap, *you* betul, *you* kontraktor, sebab saya tahu *you* kontraktor.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Nak *test* kamu.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Dia kata mahu *test*, 2 inci itu nampak rendah tetapi bila sudah jadi jalan, dia sudah lebih tinggi daripada bahu jalan. Nanti kamu jawab pula, — taruh bahu jalan bagi sama tinggi dengan jalan. Dia akan lebih tinggi daripada kawasan kiri dan kanan pekan. Hujan sedikit sahaja, naik air akan jadi banjir. Air naik akan diisytiharkan kawasan banjir. Apa nak buat? Minta peruntukan kena korek parit. Kalau korek parit pula, kena ikut pelan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Nak sambunganya bukan senang. Belanjanya pula, jumlah dua itu kalau nak buat lebih kurang \$1 juta. Oh! sangat banyak bagi kawasan Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak ada pilihan lain.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Saya tak mahu. Apa yang kita buat dengan tiba-tiba nasib kita baik, bukan nasib wakil Bagan Jermal baik. Nasib rakyat kawasan itu baik. Ada satu cadangan, cadangan pula satu orang datang nak cadang, kata dia boleh buat jalan dengan harga murah yang baik dan sebagainya. Dia tunjuk. Jadi Jawatankuasa kita kata, kita bagi percubaan. Tempat lain pun boleh, tempat Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban selalu dia minta. Tetapi oleh kerana nak cuba mengatasi supaya muka jalan

ini supaya jangan semakin lama semakin tinggi boleh menyebabkan banjir, kita buat percubaan di situ. Kalau nasib kamu baik, kamu jadi orang baik. Sampai habis Dewan sebelum tahun 1989, jalan itu boleh buat. Itu pun kalau Ketua Menteri setuju. Tapi bila bisik, Ketua Menteri kata boleh setuju, tetapi kalau kamu nakal '*no way*' tak ada.

Tuan Speaker, ini nak tunjuk macam mana Ketua Menteri kita, dia bukan kisah — kawasan Melayu, kawasan Cina, kawasan India, dia tak kisah, sama ada kawasan Gerakan, MCA, DAP, dia tak kisah. Yang dia tahu rakyat susah mesti tolong. Tiba-tiba kawasan itu kebetulan DAP menang, tetapi oleh kerana nak jaga kawasan itu supaya rakyat puashati, kita boleh bagi pertolongan. Jangan tepok lagi, nanti kamu, esok jadi nakal atau petang ini jadi nakal, saya tarik balik (ketawa).

Jadi saya nampak untuk penjelasan yang sebenarnya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, J.K.R. selalu memberi perhatian yang serius. Kalau kita tengok peruntukan yang kita bagi tahun 1989, kawasan daerah Bukit Mertajam, banyak, kerana kita tahu kata sepertimana Yang Berhormat Kawasan Permatang Pasir bangkitkan masalah-masalah itu kita bagi lebih sedikit daripada kawasan daerah Bukit Mertajam dan begitu juga daerah Seberang Perai Selatan. Kita utamakan dua daerah ini. Di Daerah Barat Daya tetap ada, dan semua daerah ada. Daerah Timur Laut yang indah, pun ada juga peruntukan. Sepatutnya tak payah, Timur Laut ini. Tetapi kita ada juga peruntukan. Juga Seberang Perai Utara. Pendek kata, semua kelima-lima daerah. Kalau kita tengok jawapan saya kepada Yang Berhormat Kawasan Penaga. Kita sudah bagi peruntukan-peruntukan bagi daerah-daerah.

Mesjid Seberang Jaya yang dibangkitkan, *you* nak masuk tender ke? Nak cuba masuk tender? Fasal apa?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak ada lesen.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak ada lesen? Hai dulu kontraktor macam-mana sekarang tak ada lesen? Kena *terminate* ke?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tidak. Jabatan tak mahu bagi.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tak mahu bagi? Seberang Jaya tak dapat elak walaupun kita tak seronok. Ini nak cerita sedikitlah. J.K.R. bukan bertujuan nak *terminate* orang. J.K.R. tak ada niat langsung nak tengok, "Oh, orang ini tak buat kerja, kita hentam dia, bagi *out*, jangan dapat kerja." Bila *terminate* kena gantung dua tahun. Tidak ada niat langsung. Setiap kali bila menghadapi masalah kita panggil kontraktor, kita bincang. Kita tanya dia, boleh atau tak boleh buat. Yang selalu yang masuk *the lowest* yang tadi Yang Berhormat Kawasan Telok Bahang kata. "Boleh tidak boleh, kita tolong?" Kita tolong. Bila dia dapat, dia diberi tender tersebut kerana dia yang paling rendah, kita panggil dia sekali lagi. J.K.R. panggil dia, "Boleh tak boleh buat? Kalau tak boleh buat, jangan tandatangan." Sudah diberi keputusan oleh *tender board*, kita tanya sekali lagi "Boleh tak boleh?" Dia jawab, "Boleh, jangan bimbang." Dia cerita. Jadi nak percaya, tak percaya? Cerita dia boleh jadi betul, boleh jadi tidak betul, tapi kalau cerita dia munasabah dengan akal kita, kita kata — betul, *O.K.* jalan. Dia jalan sekerat jalan, dia *punctured*, *punctured* pun kita tak *terminate* lagi. Kita panggil, kita tanya apa sebab, sampai empat kali dia tak boleh juga, baru masa itu saya kata-Mr. Thevarajah kita *terminate*. Orang tanya — kita jawab, sebab kita ada rekod. Berapa haribulan kita panggil, berapa kali kita panggil, kita bagi soalan dan sebagainya. Yang susah hati kita ini, kita tahu dia akan rugi \$60 ribu. Kita kata jangan buat, kamu buat kamu rugi \$60 ribu kerana kamu tidak mengikut kehendak-kehendak J.K.R. Kamu rugi \$60 ribu. Pegang \$60 ribu itu belanja untuk dua tahun, berehat sekejap. Berhentilah, biar kami *terminate*. Dia nak buat juga, kita nak kata apa? Kalau kita kata tak mahu dengar cakap dia, dia pergi DAP. DAP esok datang, pasal apa *terminate* dia ini? Pasal apa buat dekat dia ini? Pening juga, kerana dia kerja cari yang itu. Jadi apa yang kita nak beritahu di sini orang yang kena *terminate* kita paling kurang, tiga kali kita panggil. Kalau orang yang tak kena tiga kali itu, dia boleh jumpa kita bagi jadi tiga kali. Sebab itu kadangkala nasib kita kurang baik, bila dia tersangkut kerja-kerja itu *delay*, kerja-kerja itu terlambat. Terlambat bukan kerana J.K.R. yang melambatkannya, terlambat kerana seperti perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang, saya kena cerita sedikit. Kontraktor yang buat Mesjid Titi Teras, kita dah panggil kali yang keempat. Dia bagi jaminan dalam tempoh dua minggu ada perubahan. Kalau tak ada perubahan, saya tak tahulah. *Committee* saya kena bincang pula bagaimana nak buat. Saya takut mesjid tak siap tahun hadapan, nanti timbul pula masalah. Kita dah panggil empat hari sudah, kali yang keempat. Itu dia tanggungjawab yang Jawatankuasa selalu memikirkan masalah semua pihak, masalah rakyat, masalah kontraktor. Pendek kata masalah semua orang. Tiap-tiap keputusan yang kita nak buat, kita beri pertimbangan. Seberang Jaya kita nak kena *terminate*, kalau siapa berminat, kalau Yang Berhormat berminat masuklah tender. Berkenaan yang lain, Titi di Telok Bahang yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kawasan Telok Bahang, kita bagi, dia masuk tender, dia dapat. Kebetulan nasib dia kurang baik, bila sudah dapat nilai yen sudah meningkat, harga besi meningkat, dengan tiba-tiba meningkat. Dia kata kalau dia buat, dia rugi lebih kurang \$40 ribu, dia tak sanggup buat. Bila dia tak sanggup buat, kita kena panggil tender sekali lagi kerana *tender board* memberi kepada beliau dan beliau tidak dapat buat kerana harga besi melambung dengan tiba-tiba pada masa kita memberi tawaran kepada dia untuk dia menjalankan kerja. Jadi bagi saya, habis sahaja Dewan kita akan buat mesyuarat. Kita akan panggil sekali lagi tender kerana dia tak sanggup nak buat. Itu tanggungjawab Pusakabumi, tanggungjawab merekalah nak gantung atau tak gantung, itu bukan kerja kita. Gantung itu bukan kerja J.K.R. Jangan salah faham, bukan kerja J.K.R. tukang gantung, orang lain tukang gantung. Kerja dia, tak boleh buat, dia *terminate*. Jadi titi ini saya memberi jaminan bahawa awal tahun 1989 akan kita mula, akan kita panggil tender untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. Nasib kita kurang baik, nak buat bagaimana? Dah terjadi macam itu. Kadang-kala ada nasib baik. Kontraktor pun macam itu, nasib dia kurang baik, dia jatuh sedikit. Nasib dia baik, dia naik. Dia ini pun macam kita jugalah. Kadang-kadang sihat, kadang-kadang sakit.

Jadi saya rasa itulah sahaja yang dapat saya beri jawapan. Saya sekali lagi memberi sokongan kepada usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Rang Undang-undang Perbekalan, saya turut menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk meng-

ambil bahagian menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 12 Disember, 1988 yang lalu. Saya ingin juga mengambil peluang dan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berhubung dengan masalah-masalah di bawah Jawatankuasa Tanah.

Tuan Speaker, sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada 12 haribulan yang lepas di muka 5 para 11 di mana jelas dinyatakan bahawa cukai tanah merupakan satu-satunya punca hasil negeri yang terbesar. Sudah tentulah menjadi tanggungjawab Pejabat-pejabat Tanah di seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai agensi yang mengutip hasil yang utama kepada Kerajaan Negeri untuk mengutip seberapa banyak hasil. Bukan sahaja hasil semasa tetapi juga hasil tunggakan-tunggakan yang terkumpul sehingga masa kini.

Bagi menjawab pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Kawasan Permatang Pasir dan Yang Berhormat daripada Kawasan Paya Terubong, suka saya nyatakan bahawa di dalam fikiran pegawai-pegawai Pejabat Tanah selalunya untuk nak mengutip cukai tanah. Bila masuk tahun baru, mulai dua haribulan Januari, kita mula ingat nak kutip cukai tanah sahaja. Jadi dalam usaha kita untuk membantu Kerajaan Negeri, saya tak tahu nak kata apalah Pejabat Tanah ini, nak kata jantung ke, nak kata buah pinggang ke tetapi saya suka nyatakan bahawa tugas utama Pejabat-pejabat Tanah adalah untuk mengutip cukai tanah. Kami berbangga kerana hasil tanah itu merupakan hasil terbesar walaupun kami tidak boleh dibawa melawat ke mana-mana. Nak pergi Macau pun, sana tak ada.

Tuan Speaker, dalam usaha kita untuk mengutip cukai tanah seberapa banyak yang boleh mulai tahun 1987 kita telah menghantar secara terus bil-bil tanah kepada pemilik-pemilik tanah. Sehingga hari ini sebanyak 115,000 pemilik-pemilik tanah telahpun kita hantarkan terus bil-bil cukai tanah kepada mereka dan kita masih mempunyai seramai 42,000 lagi tuan-tuan tanah yang tidak dapat dikesan. Walau pun begitu kita belum 'give-up'. Kita mempunyai keazaman kuat untuk terus mengesan di manakah beradanya tuan-tuan tanah ini. Usaha-usaha kita sedang dibuat dengan kerjasama J.K.K.K. yang terdapat di

dalam Negeri Pulau Pinang. Saya juga mengharap-kan peranan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa kita berjumpa dengan rakyat kita mengingatkan tanggungjawab tuan-tuan punya tanah bahawa mereka bertanggungjawab untuk menjelaskan cukai-cukai tanah dan cukai-cukai tanah ini hendaklah dijelaskan sebelum 31 Mei tiap-tiap tahun. Kita telah mengeluarkan bukan notis, kita telah mengeluarkan surat biasa sahaja mengingatkan tuan-tuan tanah supaya membayar cukai tanah. Kita belum mengambil tindakan yang tegas. Kita telah menurunkan biasa. Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri telahpun menurunkan kuasa kepada Pentadbir-pentadbir Tanah di Negeri Pulau Pinang di mana mereka dibenarkan untuk memanggil tuan-tuan punya tanah yang mempunyai tunggakan yang banyak \$10 ribu ke atas untuk berbincang dengan tuan-tuan tanah berkenaan. Kaedah-kaedah ataupun cara-cara bayaran secara ansuran. Hasil daripada penurunan kuasa ini kegigihan Pentadbir-pentadbir Tanah setelah berbincang dengan tuan-tuan tanah yang berhutang, kita dapati jumlah kutipan tunggakan cukai telahpun meningkat. Keseluruhan daerah kita telah dapat kutip dengan banyak. Walaupun begitu, kita juga telah mengambil tindakan kepada orang-orang tidak langsung tidak mahu. Bila kita jemput untuk berunding tetapi mereka tidak hadir maka kita telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara di mana tuan-tuan tanah yang mempunyai tunggakan yang banyak setelah diberi peluang untuk berbincang, setelah diberi peluang untuk membayar secara ansuran, maka kita telah mengambil tindakan untuk merampas. Kita telah merampas beberapa keping tanah di Daerah Timur Laut kerana kegagalan tuan punya tanah untuk menjelaskan tunggakan yang berjumlah \$70 ribu atau \$80 ribu pada satu-satu lot.

Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, setelah kita mengambil tindakan perampasan terdapat tuan-tuan tanah yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan balik. Jadi Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, kita peka, kita faham dan kita bukanlah satu pentadbiran yang tidak bertimbang rasa. Kita telah meluluskan semula pemberian milik kepada yang berkenaan, tetapi setelah dikenakan ganda sebanyak dua kali — jika tidak salah ingatan saya — jumlah cukai yang berhutang, sekadar \$74 ribu, tetapi apabila diluluskan semula tuan tanah yang berkenaan dikehendaki membayar sebanyak \$154 ribu.

Tuan Speaker, berhubung dengan tungga-

kan cukai tanah yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan baik saya daripada Paya Terubong mengenai dengan Badan-badan Berkanun umpamanya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Letrik Negara, saya suka memaklumkan bahawa kita sedang mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan yang berkenaan. Usaha-usaha sedang dibuat dan saya yakin dan percaya Badan-badan Berkanun yang berkenaan akan mengambil tindakan yang segera untuk menjelaskan tunggakan-tunggakan yang terdapat. Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Kawasan Paya Terubong dan Ayer Itam, saya sukalah memaklumkan bahawa kita bukan sahaja mengambil tindakan kepada tuan-tuan tanah perseorangan, kita juga mengambil tindakan kepada Jabatan-jabatan. Tetapi kita tidak merampas tanah kerana mereka jabatan-jabatan ini merupakan agensi Kerajaan. Jadi kita tidak bolehlah merampas tanah P.D.C., rampas tanah M.P.P.P. kerana mereka adalah sebahagian daripada kita dan masalah ini bukan didiam begitu sahaja. Tindakan sedang diambil oleh jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Speaker, berhubung dengan Akta Hakmilik Strata yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong, suka saya memaklumkan bahawa Akta Hakmilik Strata telah dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang semenjak 1 Jun 1985. Setakat ini sebanyak 37 permohonan pecah bahagi bangunan telah diterima. 28 permohonan telah diluluskan dan sebanyak 278 hakmilik strata telah dikeluarkan bagi 9 permohonan yang telah diluluskan itu. Sebanyak 1,445 hakmilik strata bagi 19 permohonan lagi yang telah diluluskan itu akan dikeluarkan.

Mengenai Seksyen 8, Akta Hakmilik Strata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum menguatkuasakan kerana terdapat banyak bangunan-bangunan bertingkat yang telah dibina sebelum berkuatkuasa Akta Hakmilik Strata. Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan untuk mewujudkan satu pasukan petugas bagi tujuan ini.

Tuan Speaker, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 15 minit untuk minuman ringan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.26 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Phor):

Tuan Speaker, saya bangun dan mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan pertanyaan mengenai beberapa perkara yang bersangkutan dengan pentadbiran Kerajaan Tempatan. Saya akan cuba memberikan penjelasan kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan dan saya harap pihak-pihak yang bertanya akan berpuashati.

Mengenai keadaan kesesakan lalu-lintas yang telah dibangkitkan, suka saya memaklumkan di sini bahawa pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah memasang satu sistem kawalan lalu-lintas atau *area traffic control*, dengan izin di 16 persimpangan di kawasan bandaraya untuk melicinkan lalulintas. Sistem ini telah berjaya mengurangkan kesesakan lalulintas sebanyak 15% hingga ke 25% walaupun terdapat tambahan kenderaan bermotor sebanyak 100% tiap-tiap tahun sedangkan kebanyakan jalan-jalanraya dalam bandaraya tidak dapat dilebarkan lagi.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan ialah mengenai projek-projek gotong-royong yang hanya dihadkan untuk badan-badan bukan politik. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan telah menerima terlalu banyak permohonan untuk projek-projek gotong-royong dan beberapa kali daripada kawasan-kawasan yang sama oleh beberapa pertubuhan individu. Oleh yang demikian, pihak yang berkenaan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang terpaksa membuat satu dasar mengenai perkara ini untuk mengelakkan dari berlakunya pertelingkahan. Maka pihak Majlis telah memutuskan bahawa permohonan untuk projek-projek gotong-royong hanya akan dipertimbangkan dari Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Pertubuhan-pertubuhan Masyarakat,

Pertubuhan-pertubuhan Penduduk dan Ahli-ahli Majlis.

Tuan Speaker, mengenai penutupan telaga-telaga air di Jalan Perak dan Jelutong Barat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, air di telaga-telaga ini telah dikenalpasti oleh Jabatan Kesihatan dan Perubatan sebagai mengandungi kuman *E. Coli* yang menyebabkan wabak penyakit berjangkit. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak ada pilihan lain melainkan menutup telaga-telaga berkenaan untuk menyelamatkan orang ramai yang tidak bersalah daripada apa-apa bencana yang buruk yang mungkin berlaku sekiranya telaga-telaga ini digunakan untuk menanam taukeh. Sebagai langkah *alternative* pengusaha-pengusaha taukeh ini akan dibekalkan dengan air-air paip untuk meneruskan perusahaan mereka. Pihak Berkuasa Air akan memastikan bekalan air adalah mencukupi bagi kegunaan penduduk-penduduk yang terlibat. Kerajaan juga telah mengadakan dialog-dialog dengan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini.

Terima kasih, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Yang pertama sekali saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, dan yang keduanya saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Yang pertama sekali mengenai projek pen-swastan di atas tanah Kerajaan. Ini seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapannya. Kemudian dibangkitkan pula oleh Ahli Bagan Jermal tetapi saya rasa senang hati kerana selepas dia berkata, dia jawab sendiri — dia kata dia faham apa sebab perkara itu jadi begitu. Memang benar, oleh kerana masalah bank, masalah *squatters*, masalah urusan plan dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya rasa sistem ini merupakan sistem yang praktikal. Kalau dahulu kita hendak buat rumah, kita terpaksa pinjam daripada Kerajaan Pusat, kita buat sendiri di atas tanah kita dan akibatnya hutang ataupun tunggakan daripada penghuni-penghuni mula ada dan terūś ada. Jadi dengan cara ini iaitu di bawah sistem baru bukan sahaja ia akan menguruskan kewangan itu, badan-

badan kewangan seperti bank dan sebagainya tetapi kita yakin kalau pihak-pihak lain yang menguruskan soal kewangan ataupun pinjaman ini, penghuni akan lebih bertanggungjawab sebab dia tahu Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa baik hati dengan rakyat. Kalau boleh dia hendak bagi semua sebab itu mereka mengambil kesempatan sedikit. Walaupun begitu kita tidak juga memberi peluang langsung, mana-mana yang patut diambil tindakan dan bila kita ambil tindakan ada juga pandangan-pandangan yang mengatakan kita cengil sedikit. Bukan cengil sebab ini wang daripada *Federal*, kita kena bayar balik. Jadi terpaksa kita kena ambil tindakan yang sepatutnya.

Mengenai kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan perumahan seperti tanah lapang, balai raya, surau, ini juga kita sentiasa memberikan perhatian yang serius. Ada tempat-tempat yang kita nampak sudah ada surau misalnya tetapi surau di situ buruk. Jadi kita tidak paksa pemaju buat surau tetapi membaiki surau, misalnya di kawasan Kubang Semang (ganguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Permatang Pasir.

Ahli Kawasan (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Dia kata 'Ya', lepas itu dia terkejut, dia kata Permatang Pasir pula. Permatang Pasir, saya hendak *test* dia. Dia pun tidak ingat, di kawasan mana.

Jadi di Kawasan Permatang Pasir dan Seberang Jaya, P.D.C. sudah ada rancangan membuat surau. Jadi kita meminta pemaju supaya mendermakan kepada kedua-dua kawasan itu. Ada juga tanah-tanah lapang yang kemudiannya didirikan balai raya, *kindergarten* dan sebagainya mengikut kemampuan dan kewangan yang ada kepada kita.

Mengenai tunggakan memanglah ada dan walau macam manapun dari segi peratusannya dapat kita kecilkan sedikit. Jadi kalau kami ambil tindakan, akhbar pun janganlah besarkan benda itu ataupun Wakil Rakyat janganlah 'tembak' deras sangat sebab duit itu bukan hendak masuk ke poket sesiapa, balik kepada Kerajaan dan kita bayar balik kepada pusat. Kalau tunggakan tidak ada, saya rasa banyak lagi kemudahan-kemudahan yang dapat kita buat di projek-projek perumahan

itu seperti surau yang saya katakan tadi, balai raya, *kindergarten* ataupun tempat rekreasi anak-anak kita. Jadi saya rasa itulah sahaja yang ditimbulkan. Jadi itulah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan.

Terima kasih, Tuan Speaker.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahasan cadangan saya untuk bekalan tahun 1989. Nampak saya sungguhpun beberapa banyak perbahasan telah dibuat, pandangan baik, pandangan yang barangkali saja dibangkitkan di dalam masa Dewan ini, sokongan yang penuh telah didapati untuk Anggaran Perbekalan Tahun 1989. Sungguhpun mengikut biasa sahabat saya dalam pihak Kerajaan semua menyokong terus dan sebahagian daripada Ahli-ahli di dalam Dewan ini mengikut biasalah menyokong atau tiada halangan sepertilah mereka menyokong dengan sedikit dan memberi pandangan lebih atau kritik mereka. Nampak saya anggaran yang kita ada untuk perbekalan tahun 1989 telah mendapat persetujuan saudara-saudara sekalian semua ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah menjawab kepada isu-isu, perkara atau pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan atau pihak pembangkang yang mana isu-isu besar dan kecil juga telah diambil pertimbangan dan perhatian. Jika ada lagi banyak perkara yang telah berbangkit mengikut biasa pun Kerajaan tentulah ambil perhatian dan pertimbangan. Jika pandangan ini ada dilakukan, kita terus boleh bawa perkara ini menjadi satu dasar atau menjadi satu keputusan Kerajaan untuk menjalankan projek-projek untuk memberi faedah yang lebih bermakna kepada rakyat kita di dalam Negeri Pulau Pinang tetapi adalah dua atau tiga perkara yang saya ingat kita saja boleh ambil perhatian dan rujuk kepada pihak berkenaan. Macam perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit berkenaan dengan bantuan kepada Tabung Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Mereka telah bawa perkara ini sebagai satu contoh yang mana rakyat Negeri Pulau Pinang tidak ada lagi keyakinan dengan Kerajaan Negeri. Tetapi di dalam jawapan soalan lisan, saya telah memberi keterangan

bahawa ini ialah satu jawatankuasa bukan jawatankuasa Kerajaan tetapi satu Jawatankuasa Awam dan kita mestilah ambil perhatian kepada pandangan-pandangan 26 ahli di dalam jawatankuasa itu dan pandangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit yang mana beliau mengakhiri ucapan beliau, katanya senanglah kalau kita bagi \$2,000.00 kepada semua keluarga sebelum Tahun Baru Cina.

Tuan Speaker, jawapan saya ialah kita harap bolehlah selesai perkara ini dalam awal tahun 1989. Ini awal tahun, bukan tengah tahun tetapi ada lagi perkara yang berbangkit, macam kita dapat tahu kelmarin Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman bagi pihak STAR telah bagi satu cek lebih \$109,000.00 kepada Tuan Yang Terutama sendiri. Inilah jadi hal yang mana jawatankuasa itu mestilah lagi mengubah pertimbangan mereka. Tetapi kalau kita ambil contoh itu yang mana Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit kata, kita bagilah kepada mereka yang telah dikenali susah di dalam mangsa itu, \$2,000.00 satu keluarga. Apa yang kita dapat tahu ialah (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, minta penjelasan. Ada silap faham. Ini mungkin jawapan pun tidak betul sedikit. Apa yang saya bercadang ialah sebelum buka sekolah, Jawatankuasa Tabung ini bolehlah membahagikan wang \$200,000.00 kepada semua yang terlibat. Bukan \$2,000.00 satu keluarga.

Ketua Menteri:

Itu lebih baik. Satu contoh yang lebih senang sebab tadi saya kata, apa yang saya dengar \$2,000.00 kepada sekeluarga. Apa yang kita dapat tahu adalah lebih 1,400 orang yang berkaitan dengan mangsa ini, tentulah bilangan keluarga kurang. Tetapi kalau kita hendak bagi kepada semua orang iaitu 1,400 orang, \$2,000.00, itu tentu jumlah yang kita mesti digunakan lebih daripada \$2 juta dan apa yang kita kutip hari ini ialah \$1,200,000.00 lebih dan lagi tambah \$100,000.00 yang kita baru-baru dapat, adalah \$1.3 juta. Itulah menunjukkan macam mana Ahli Kawasan Berapit yang sungguhpun dia rasa susah, dia sedih kepada orang yang menjadi mangsa tetapi apa yang kita mesti kaji ialah macam mana jawatankuasa itu memberikan bantuan mengikut adil dan patut dan mengikut kewangan yang kita ada. Bukan saja saya cadang. Saya boleh cadang \$2,000.00, \$4,000.00, \$5,000.00. Siapa pun boleh cadang tetapi kuatkuasa tanggungjawab kita ialah mengikut apa yang kita ada, apa yang kita ingat, patut dan adil.

Tuan Speaker, serupa dengan anggaran perbekalan ialah mengikut apa yang kita boleh dapat, apa yang kita boleh gunakan untuk belanjawan tahun hadapan. Saya haraplah Yang Berhormat Ahli-ahli di dalam Dewan ini mestilah faham Kerajaan Negeri selalu mengikut tugas kita dengan sungguh-sungguh sekali dan tidak payah lagi saya ulang balik kepada politik dan lain-lain. Kalau mahu, banyak politik saya boleh ulang balik.

(Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) masuk ke dalam Dewan.)

Ketua Menteri:

Barulah Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota mari. Dia sekarang Kelas I, dia boleh mari sampai pukul 12.00 tengahari (ketawa). Kelas II, dia mari awal sedikit.

Tuan Speaker, kita boleh ulang politik. Banyak politik boleh ulang. Sebagai ada perkataan yang saya dengarlah kata dia KOMTAR ialah satu Rancangan Gajah Putih (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Gajah putih yang liar.

Ketua Menteri:

Liar lagi. Liar saya ingat, dia baru tambah. Kelmarin, bila dia bercakap gajah putih sahaja. Apa yang saya dapat tahu, gajah putih ialah perkataan penjajah, iaitu satu rancangan atau pembangunan gajah putih ialah satu bangunan atau rancangan yang tidak digunakan. Itu mengikut fikiran penjajah tetapi kalau mengikut fikiran atau kebudayaan orang Asean, di Thailand ialah satu gajah yang mana kita menyokong dengan setia (ketawa). Sebab itu Tuan Speaker, tidak payah lagi (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mengenai gajah putih.

Tuan Speaker:

Sila duduk!

Ketua Menteri:

Ini perkataan yang kita dengar di dalam Dewan ini sebab itu susah saya hendak tambah,

hendak bincang perkataan ini, ada betulkah atau tidak betul? Tetapi saya lagi sedikit kelu yang mana Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit tunjukkan. Baiklah kita simpan nama-nama penjajah bagi jalan sebab kita mestilah hormat dengan masalah penjajah dan sebab itu Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Buat satu bantahan. Saya tidak sebut kepada Yang Berhormat itu penjajah. Itu saya ingat Yang Amat Berhormat, saya minta dia tarik balik. Saya langsung tidak sebut (ketawa).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ini tuduhan yang liar, sangat jahat. Saya minta dia tarik balik!

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Yang sangat apa? (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya minta dia tarik balik, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tarik apa?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya. Oleh kerana saya tidak sebut kita menghormati penjajah. Itu tuduhan yang liar. Saya minta dia tarik balik kalau dia ada menghormati (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, itu bukan bahasa biadap (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, tetapi dia putarbelitkan ucapan saya. Sebagai seorang Yang Amat Berhormat, saya ingat

itu memang tidak sesuai. Saya minta dia tarik balik, kalau dia ada (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ingat kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit hendak tarik balik apa-apa perkataan beliau, ini pun sudah masuk rekod. Sebelum beliau mengucapkan apa-apa (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Kalau betul, boleh cek rekod.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sebelum beliau bercakap apa-apa, dia mesti timbang dahulu tetapi apa yang saya dengar, dia mahu jalan-jalan yang mengikut nama penjajah disimpan. Sebab itu saya tidak tahu sama ada dia menghormati penjajah atau tidak, tetapi nampak saya barangkali (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Yang Amat Berhormat hendak tahu hormat atau tidak hormat – jangan menuduh saya tidak hormat.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila jangan ganggu.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Bukan, saya mahu penjelasan.

Tuan Speaker:

Penjelasan, dia tidak benarkan.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, sebab itu bila saya dengar apa Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota kata, saya ingat barangkali dia menghormati dengan penjajah tetapi kalau Yang Berhormat Kawasan Berapit sekarang dia tidak menghormati dengan penjajah, sekarang saya dapat keterangan tetapi bila beliau cakap, dia boleh cakaplah simpan nama orang yang masa penjajah. Bukan saya hormati dengan penjajah tetapi simpan sahaja. Itu

boleh. Tetapi kalau kita ambil dua pihak yang kita dengar, kita nampaklah apa yang jadi mereka tidak berapa tentu dengan apa-apa yang mereka cakap. Lagi saya boleh kata, saya sungguh-sungguh duduk sini dengar ucapan Yang Berhormat. Saya tidak bangun bagi susah kepada Yang Berhormat parti pembangkang. Saya duduk, saya dengar, saya timbang.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai, sampai hari ini, kalau saya ikut apa yang beliau cakap, saya tidak tahu dia menyokong dengan Jawatan-kuasa Buruh dan Tenaga Rakyat atau tidak. Di satu pihak ucapan beliau, dia kata tidak guna. Lagi satu pihak, beliau telah sebut baik. Ini jawatan-kuasa digunakan dan kita mesti lagi bagi peruntukan kepada jawatankuasa.

Tuan Speaker, sebab itu kita ambil perhatian, pandangan-pandangan yang dibuat, pandangan-pandangan yang ada laku, kita tentulah boleh ambil keputusan yang mengikut pandangan itu. Tetapi pandangan-pandangan yang tidak berapa terang atau tidak dilakukan tentulah Kerajaan ketepikan. Ini saja saya telah sebut.

Tuan Speaker. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota ada bawa satu perkara berkaitan dengan satu Projek Pusat Belia di Pengkalan Kota. Dalam Dewan ini beberapa kali dahulu, bagi pihak Kerajaan sebagai Ketua Menteri, saya telah memberi keterangan yang anggaran kewangan-kewangan yang kita ada peruntukan untuk projek-projek kecil ialah untuk kawasan-kawasan Ahli Dewan Undangan dan kesemuanya untuklah kesenangan rakyat kita – projek-projek yang kecil. Kewangan ini bukan digunakan oleh Ahli Dewan Undangan tetapi untuk rakyat mengikut kawasan-kawasan yang digunakan. Semua projek pembangunan kecil diambil pertimbangan dan diluluskan oleh Jabatan Kemajuan Negeri dengan bantuan Pejabat-pejabat Daerah dan berdasarkan kepada faedah setiap projek kepada rakyat dan keperluan rakyat.

Setakat ini belum ada bukti penyalahgunaan atau pembaziran peruntukan projek-projek kecil. Namun demikian, peraturan perbelanjaan bagi peruntukan projek-projek kecil ini akan dikaji semula oleh Pegawai Kemajuan Negeri dan Bendahari Negeri untuk memperkemarkan lagi, jikalau perlu.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Kawasan Pengkalan Kota (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh beri penjelasan? Penjelasan sedikit.

Ketua Menteri:

Saya hendak jelas, cukuplah.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, jangan ganggu.

Ketua Menteri:

Sekarang saya hendak beri penjelasan sebab beliau telah bawa beberapa perkara dan saya sendiri berharap pegawai-pegawai yang berkenaan yang tadi saya sebutkan ambil perhatian kepada perkara-perkara yang telah berbangkit semacam \$350.00 atau \$300.00 untuk satu kamera atau \$3,000.00 untuk satu Pusat Belia di Pengkalan Kota. Saja dia tidak puashati dengan rancangan yang dijelaskan oleh Kerajaan melalui (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tidak puashati oleh kerana itu Pejabat GERAKAN.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila jangan ganggu.

Ketua Menteri:

Bukan melalui permohonan Yang Berhormat sendiri tetapi daripada rakyat.

Tuan Speaker, kalau perkara-perkara yang berbangkit telah diambil perhatian kepada pegawai-pegawai yang saya sebut, saya haraplah pegawai-pegawai yang berkenaan mesti jaga dengan baik dengan permohonan-permohonan yang ada sebab ini pun kita mesti kawal dengan rapi. Apa yang berlaku ialah kita mesti masa sekarang menjaga dengan apa-apa yang kita belanjakan sebagai projek kecil atau sebagai peruntukan yang kita luluskan. Asasnya Tuan Speaker untuklah keyakinan rakyat di macam mana kita hendak timbang *deficit* \$8 juta lebih yang sekarang kita cadangkan.

Tuan Speaker, macam mana kita hendak

percaya dengan Kerajaan Yang Berhormat Ahli-ahli parti-parti pembangkang telah kata kita lagi tidak boleh percaya dengan Kerajaan. Tuan Speaker, apa kata kita lagi tidak boleh percaya dengan Kerajaan. Tuan Speaker, apa yang berlaku ialah tahun 1986, kita cadang di sini satu *deficit* \$8,334,360.00 tetapi apa yang jadi selepas kawalan yang rapi oleh Kerajaan di akhir tahun 1986, bukan kita ada satu *deficit* tetapi kita ada lebihan \$5,341,913.46. Untuk tahun 1987, kita telah cadangkan satu *deficit* \$9,570,090.00 dan apa yang jadi mengikut kawalan Kerajaan — pentadbiran yang baik — kita di akhir tahun 1987 adalah \$3,090,876.68 berlebihan, bukan dikurangkan. Tahun 1988 kita belumlah lagi menutup akaun kita. Inilah rekod Kerajaan yang mana rakyat boleh percaya dengan tujuan Kerajaan mengawal perbelanjaan atau anggaran belanjawan yang kita sekarang cadangkan. Inilah rekod, bukanlah mahu dasar gajah putih. Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, beri penjelasan mengenai *deficit*.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk! Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mahu buat tuduhan, beri peluang memberi penjelasan.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ulang, sekarang saya golong perbincangan. Apa yang tentunya (gangguan).

(Ahli Kawasan Pengkalan Kota keluar meninggalkan Dewan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Dia balik, dia tidak boleh tunggu.

Ketua Menteri:

Ini yang biasa.

Ahli Kawasan Berapit pun telah cuba hendak

menuduh dengan Tuan Speaker tetapi apa yang jadi ialah pada Persidangan Dewan ini yang lalu, Yang Berhormat Ahli-ahli pembangkang telah bawa satu usul. Tuan Speaker, dengan *gentleman* telahpun melepaskan kerusi beliau. Tetapi apa yang jadi bila kita bahas, Kerajaan telah menolak bukan Kerajaan, Dewan ini telah menolak, dengan usul itu. Tetapi siapa yang bawa usul itu, semuanya telah keluar. Tuan Speaker, inilah menjadi hal (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tidak bagi peluang untuk membincangkan usul itu.

Tuan Speaker:

Jangan ganggu Berapit. Sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Dia tidak bagi peluang. Bukan kita tidak mahu bahas. Kita mahu bahas tetapi dia tidak bagi peluang, ditolak!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk! Sekarang penyokong pun tidak ada.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, di sinilah kita mesti bahas dengan teliti, mesti dengar ucapan-ucapan. Kita mesti pilih perkataan-perkataan kita yang baik, yang betul — janganlah rasa saya suka menuduh dengan parti pembangkang atau apa-apa.

Tuan Speaker, yang mana kita boleh bekerjasama, yang mana yang baik, kita kata baik. Macam soalan yang berbangkit yang saya telah jawab di mana mereka telah bawa perkara dalam Taiwan yang mana mereka tidak percaya dengan Ketua Menteri sebab beliau telah menuduh dengan parti pembangkang.

Tuan Speaker, saya kata, saya tidak menuduh. Apa yang jadi ialah saya bagi penjelasan dan keterangan kepada pelabur yang ingin melabur dari Taiwan ialah kalau ada orang berkata dalam negeri di Malaysia ada diskriminasi dan lain-lain, itu selalu berbangkit oleh parti-parti pembangkang sebab kita dalam Malaysia adalah satu negara berdemokrasi dan perkataan itu pun biasa, parti pembangkang pun ada katalah diskriminasi dan

lain-lain. Itu sesungguhnya sebenarnya apa yang kedudukannya betul atau tidak betul, sebab selepas jawapan soalan lisan, di dalam ucapan Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota yang mana beliau pun telah keluar. Dia kata dalam satu hari sahaja ada Yang Berhormat yang pakai perkataan diskriminasi ialah Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Beliau kata beliau menyokong, dan suka apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bilakah Kerajaan ingin menukar Dasar Ekonomi Baru, semua pihak termasuklah parti pembangkang mestilah kita ambil pertimbangan pandangan-pandangan mereka. Beliau telah menerima itu tetapi beliau kata dia menyokong dengan Dasar Ekonomi Baru tetapi ada *sense of discrimination* dan diskriminasi.

Tuan Speaker, ini menunjukkan apa yang saya jelas kepada pelabur-pelabur dari Taiwan, bukan menuduh tapi saya bagi keterangan kalau mereka datang ke Malaysia adalah setengah-setengah orang kata ada diskriminasi atau tidak. Yang selalu melakukan parti pembangkang ada membawa perkara semacam itu. Apa yang jadi ialah di dalam rombongan dibawa oleh Menteri yang berkenaan ke Taiwan, kita hendak bagi keterangan kepada pelabur-pelabur. Saya minta izin sebab buku ini semua dalam Inggeris:

- (i) *"Equity policy in relation to new investment. Foreign investors are permitted to hold whatever level of equity of up to 100% if the company exports 80% or more of production irrespective of whether or not the company's products compete with products presently being manufactured locally for the domestic market."*
- (ii) *"Foreign investors whose applications are received by MIDA during the period from 1st October, 1986 up to 31st December, 1990 are also permitted to hold whatever level of equity of up to 100% on meeting the following conditions, that the company exports 50% or more of its production."*

Bila kita telah memberi keterangan polisi-polisi yang baru ini adalah beberapa soalan yang berbangkit yang mana pelabur-pelabur ingat hendak tahu, adakah diskriminasi dan apa yang dijawab oleh Kementerian yang berkenaan ialah kita tidak ada diskriminasi tetapi apa yang ber-

bangkit selalu adalah sebagai satu negara yang ada polisi demokrasi tentu ada bangkang, yang selalu kata ada diskriminasi.

Tuan Speaker, ini bukan saya hendak menuduh. Itu saja kita hendak memberi keterangan dan ini perkataan yang berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota sungguh-sungguh tunjuk inilah sebenarnya kedudukannya politik yang kita ada di dalam negara kita.

Tuan Speaker, akhir sekali, rekod pegawai-pegawai perkhidmatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut apa yang saya telah jawab yang mana kita kawal anggaran perbelanjaan tahun-tahun 1986 dan 1987, sungguhpun kita cadangkan dengan satu *deficit*, kalau kita jaga dengan belanjawan yang kita ada di tahun depan. Saya harap di hujung tahun 1989, kita boleh lagi lapor satu soalan yang baik sekali. Sebab itu saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli yang telah menyokong terus terang atau yang menyokong setengah-setengah hati. Saya harapkan kita bersetuju dan menyokong dengan usul saya.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

(Ya).

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

(Ya) sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang berada di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Jadual Kepala B.1 Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan — \$18,568,050.00 (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya bangun untuk merujuk kepada maksud Bekalan Kepala B1 — Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan, muka surat 31, Butiran 11000 — Gaji dan Upahan, Aktiviti 1 — Ketua Menteri.

Tuan Speaker:

Boleh.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Baik, terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, penjelasan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tidak payah. Saya ingat saya sudah habis. Habis ucapan nanti boleh jawab.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Sebentar saja.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Baik, boleh penjelasan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Bilik ketua pembangkang di mana? Di sini atau di Kemunting? Di mana bilik itu?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya ingat pertanyaan ini tidak payah saya jawab, semua orang pun fahamlah. Tuan Speaker, sekian sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Tuan Speaker, penjelasan.

Sebenarnya daripada Berapit sendiri yang memutarbelitkan percakapan kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Saya ada rekod, terutama yang dibangkitkan kepada Butiran 11000 tadi, tidak ada kena-mengena dengan cakap-cakap Ahli Kawasan Berapit yang bermaksud Y.A.B. Ketua Menteri memutar-

belitkan ucapan beliau di atas perkataan 'penjajah'. Saya merekod dengan teliti.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat dari Penaga, itu tidak berkaitan dengan tajuk. Sila duduk!

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Saya hendak menetapkan bahawa kedudukan itu benar.

Tuan Speaker:

Sila duduk! Itu tidak berkaitan.

Bahawa jumlah wang sebanyak (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, belum jawab lagi. Mahu jawab ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Mahu jawab apa?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Oleh kerana saya telah bangkitkan masalah (gangguan).

Tuan Speaker:

Tidak ada orang mahu bahas. Siapa ingin membuat bahasan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tidak payah jawab.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Mana boleh tidak payah jawab?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit dan nampak saya dia tidak puashati dengan apa yang saya kata. Saya sabar, tetapi saya bukan kata dia hormati saya. Saya hendak tahu pihak Pengkalan Kota dan Berapit — mana interpretasi yang kita mahu ikut? Mengikut interpretasi gajah putih,

mengikut penjajah atau interpretasi mengikut Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit. Tetapi tidak mengapalah hari ini dia tidak suka dengan saya sedikit tetapi saya ingat perkara yang beliau berbangkit sesungguhnya tidak berkaitan dengan yang digunakan di dalam anggaran-anggaran yang tersebut, khususnya Kod 27000 dan 28000 dan saya haraplah kewangan yang kita telah anggarkan untuk Dewan Undangan Negeri tahun 1989 serupa dengan tahun 1988. Alat-alat *microphone* dan masalah mengeluarkan *hansard* dengan cepat itu, saya haraplah balik kepada Tuan Speaker dan jawatankuasanya tetapi anggaran yang ada, adakah mencukupi.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah wang sebanyak \$18,568,050.00 untuk Kepala B.1, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(ya).

Kepala B.2 — Tanah dan Galian — \$1,606,930.00 untuk Kepala B.2, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.3 — Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut — \$775,840.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$775,840.00 untuk Kepala B.3, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.4 — Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya — \$809,430.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$809,430.00 untuk Kepala B.4, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.5 — Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara — \$1,056,410.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,056,410.00 untuk Kepala B.5 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.6 — Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah — \$867,890.00.

Bahasa jumlah wang sebanyak \$867,890.00 untuk Kepala B.6, adakah menjadi sebahagian

daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.7 — Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan — \$804,430.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$80,430.00 untuk Kepala B.7, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.8 — Parit dan Taliair — \$6,909,050.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$6,090,500.00 untuk Kepala B.8, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.9 — Hutan — \$593,800.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$593,800.00 untuk Kepala B.9, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.10 — Kebun Bunga — \$796,740.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$796,740.00 untuk Kepala B.10, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.11 — Kedai Tuak — \$1,300,900.00
..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa di bawah Bekalan B.11 — Kedai Tuak di mana \$1.3 juta telahpun diperuntukkan bagi tahun 1989. Di bawah Butiran Kod 11000 — Gaji dan Upahan di muka surat 78.

Tuan Speaker, semalam semasa membahaskan Rang Undang-undang ini di peringkat dasar atau Bacaan Yang Kedua, Ahli dari Barisan Nasional menyarankan Kerajaan menutupkan kedai tuak ini.

Tuan Speaker, UMNO terdiri daripada kaum Melayu, saya boleh faham oleh kerana mengenai Agama Islam tetapi dari Orang Tionghua, saya

tidak boleh terima. Tuan Speaker, saya harap semua Ahli di Dewan ini boleh sabar sedikit dan *respect sensitivity* kaum-kaum yang ada di negara kita. Saya harap semua kaum boleh *respect sensitivity* orang Tamil — Orang India, oleh kerana minum tuak ada sedikit (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota, sila rujukkan kepada Peraturan 70 — butir-butir sahaja hanya boleh dibincangkan tetapi tadi Yang Berhormat bincang dengan dasar (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini adalah pendahuluan sahaja. Sabar sedikit. Saya akan sampai kepada Kod 11000 — Gaji dan Upahan.

Tuan Speaker, mengenai kedai tuak ini yang diadakan di Pulau Pinang ada satu juga terletak di kawasan saya Pengkalan Kota di mana ada di Jalan Macallum. Saya membangkitkan mengenai kedai tuak itu di tempat saya dan juga di tempat lain oleh kerana keadaan kedai tuak tidak dikawal dengan baik oleh kerana kedai itu cukup kotor dan keadaan yang tidak sihat untuk mereka yang tiap-tiap hari pergi ke sana untuk minum.

Saya harap Yang Berhormat Exco berkenaan boleh melihat sendiri dan tengok sendiri apa keadaannya. Itu adalah satu perkara. Perkara yang kedua ialah di kedai tuak itu adalah *black market*. *Black market* ada dijual oleh kerana pada petang jikalau bekalan tuak datang, ada orang yang beli dengan *plastic bag*. *Plastic bag* bawa keluar. Tunggu kedai tuak itu tutup. Selepas tuak semua habis, dia orang jual di luar kedai (*out side*) itu. Ini adalah melanggar undang-undang dan melanggar syarat (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Beritahu Kastamalah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya sudah bangkitkan isu ini tetapi sampai sekarang — sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Saya sudah bangkitkan isu ini

tetapi tidak ada apa-apa tindakan. Oleh hal itu saya harap Ahli Exco yang berkenaan boleh menyiasat dan memberi kawalan yang lebih rapi dan baik untuk semua kedai itu.

Yang ketiga, mengapa kita tidak bersetuju untuk menutup kedai tuak itu? Oleh kerana kita memanggil tutup kedai tuak itu barangkali ada orang yang mengeluarkan *moonshine* dan jikalau *moonshine* dikeluarkan, saya ingat nyawa boleh hilang. Ada berlaku di Lunas, Kulim, Kedah dan beberapa tempat. So saya harap Kerajaan terus membiarkan kedai tuak itu terus dihidup tetapi *up grade standard* kedai tuak itu (gangguan).

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Air condition? (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Air condition tidak payahlah tetapi bagi suasana yang lebih sedikit dan dari segi itu saya sudah menyeru Kerajaan untuk diswastakan dan saya harap satu kajian dibuat terhadap perkara itu.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Bagi kita ini dalam jawatankuasa. Saya jawab ini masalah. Saya ucapkan terima kasih dan Kerajaan tentulah ambil perhatian dan ini telah masuk dengan apa yang kita telah janjikan. Di sini saya ingat Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah membawa perkara yang telah berbangkit dan saya harapkan pegawai-pegawai dan kakitangan tersebut mengambil kajian. Tetapi apa yang berlaku ialah sesungguhnya Kerajaan buat masa sekarang menimbang sama ada boleh atau tidak boleh kita menswastakan kedai-kedai tuak. Tetapi ini satu masalah yang kita mesti timbang dengan baik dan masa sekarang tidak lagi dapat apa-apa permohonan dari pihak swasta untuk mengambil penswastakan kedai-kedai tuak.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada maksud Bekalan B.11 — Kedai-kedai Tuak —

Butiran 28000 — Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang diberi. Aktiviti 1 — Pentadbiran Am.

Tuan Speaker, saya ingat saya ada menghantar sepucuk surat kepada Y.A.B. Ketua Menteri meminta beliau menggunakan jasa baik beliau supaya sebuah kedai tuak di Jalan Aston, Bukit Mertajam tidak ditutup tetapi malangnya kedai tuak itu pada masa sekarang telah ditutup. Oleh kerana itu orang-orang yang pergi ke kedai itu tidak dapat menikmati minuman tuak di sana, dan kebanyakan mereka yang pergi di sana ialah orang-orang yang berpendapatan rendah dan orang tua. Jadi kalau pada masa sekarang mereka terpaksa pergi ke Pekan Bukit Tengah iaitu dari Pekan Bukit Mertajam ke Bukit Tengah adalah sangat jauh dan sungguh bahaya. Jadi saya mintalah Kerajaan sedaya upaya boleh mencari satu tapak untuk mendirikan sebuah kedai tuak di Pekan Bukit Mertajam.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, Kerajaan bolehlah mengambil pertimbangan.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,300,900.00 untuk Kepala B.11, adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.12 — Jabatan Kerja Raya — \$15,883,220.00 (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Butiran 28000 — Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang diberi. Aktiviti 2 — Rekabentuk Penyelidikan, Pembinaan dan Penyelenggaraan Binaan-binaan.

Tuan Speaker, saya menerima satu jawapan bertulis daripada Yang Amat Berhormat berkenaan dengan satu projek di Taman Tan Sai Gin yang mana projek itu ialah untuk mengatasi banjir di sana. Mengikut jawapan Yang Amat Berhormat wang peruntukan itu telah dikeluarkan tetapi malangnya projek itu sehingga hari ini belum dimulakan lagi oleh kerana mengikut alasan yang diberi iaitu pihak kontraktor gagal memulakan kerja dengan tidak memberikan apa-apa alasan.

Oleh kerana itu saya meminta satu penjelasan apakah tindakan Kerajaan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini oleh kerana wang peruntukan telah dikeluarkan dan wang itu telah pergi ke mana? Ini perkara yang pertama, saya ingin bangkitkan di sini.

Perkara yang kedua, iaitu berkenaan dengan pembangunan satu pasar di Taman Selamat, Bukit Mertajam. Mengikut apa yang saya dapat jawapan dari pihak Kerajaan iaitu pihak Kerajaan telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan saya juga dinasihatkan supaya saya membangkitkan perkara ini dalam Dewan Rakyat. Jadi saya ada membangkitkan perkara ini di Dewan Rakyat yang lepas dan apa yang dapat saya jawab ialah dengan izin, Tuan Speaker. Saya baca:

"Dari semakan yang dibuat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi membina sebuah pasar baru di Taman Selamat, Bukit Mertajam Seberang Prai Tengah. Kementerian ini juga mendapati bahawa projek berkenaan tidak termasuk di dalam senarai projek-projek pembangunan di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan dan diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima."

Tuan Speaker, saya tidak tahu siapa membuat bohong, sama ada Kerajaan Negeri bohong atau Kerajaan Pusat bohong. Oleh kerana mengikut jawapan Kerajaan Negeri, satu permohonan telah dihantar kepada pihak Kerajaan Pusat tetapi mengikut jawapan Kerajaan Pusat, tidak ada sebarang permohonan. Jadi saya ingat perkara ini sangat serius, macam mana kita boleh percaya Kerajaan ini kalau kedua-dua pihak macam main bola — tendang sana, tendang sini. Ini satu krisis keyakinan (ketawa). Jadi saya harap boleh dapat jawapan.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit. Saya ada dua perkara mengenai dengan Butiran 28000, muka surat 87. Nombor satu, untuk Rekabentuk Penyeliaan Pembinaan dan yang lagi satu iaitu Taman Tan Sai Gin. Ini pun beliau telah sebab apa perkara ini berbangkit, tetapi sesungguhnya

ini tidak berkaitan dengan anggaran perbekalan kita tahun 1989 iaitu berbalik kepada anggaran yang dahulu tetapi ini pun jadi contoh yang mana saya telah sebut iaitu pegawai-pegawai mesti bekerja dengan rapi tetapi banyak pihak, pegawai-pegawai dan kakitangan tidak boleh menjaga masalah yang berbangkit sebab kontraktor telah gagal. Inilah yang membuang masa dan memberikan kita kesusahan sebab kita mesti lagi memberikan satu *tender* baru atau kita mesti menamatkan *tender* yang berkenaan ini. Inilah satu contoh yang macam mana susahnyanya Kerajaan 100% mengawal dengan perkara-perkara yang berbangkit.

Masalah yang kedua ialah yang betul sebab ini kita bahas masalah Anggaran Kerajaan Negeri bukan Anggaran Kerajaan Tempatan. Di sini Taman Selamat ialah di Majlis Perbandaran Seberang Perai dan mengikut Perlembagaan yang kita ada, ini ialah satu perkara yang berkaitan dengan dua pihak iaitu Pihak Kerajaan Tempatan di bawah Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Kerajaan Tempatan di pihak Kerajaan Persekutuan. Saya harapkan Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit janganlah susah hati, lagi mohonlah kepada Kementerian berkenaan — Kementerian Persekutuan untuklah memberikan satu peruntukan pasar yang di tempat di kawasan Taman Selamat, dan jika Majlis Perbandaran Seberang Perai ada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, barangkali cepatlah mereka boleh membina pasar itu. Apa yang saya dapat tahu, Majlis Perbandaran Seberang Perai pun ingin kalau tidak ada peruntukan yang sebenarnya barangkali perkara ini mestilah kita pertimbang bolehkah mereka menjalankan projek ini dengan pihak penswastaan.

Tuan Speaker, tetapi ini sesungguhnya tidak berkaitan dengan anggaran yang kita ada.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah wang sebanyak \$15,883,220.00 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.13 — Hal Ehwal Ugama — \$2,851,520.00. Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,851,520.00 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.14 — Kebajikan Masyarakat — \$1,681,610.00 (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya mohon mengambil bahagian dalam perbahasan kepada Maksud Bekalan 14 — Kebajikan Masyarakat yang mana peruntukan \$1.6 juta telah diperuntukkan. Saya hanya mahu membangkitkan (gangguan).

Tuan Speaker:

Muka surat?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Muka surat 96 di Kod 11000 Gaji dan Upahan.

Tuan Speaker, saya hanya mahu membangkitkan dua, tiga perkara untuk pertimbangan dan perhatian Kerajaan. Perkara yang pertama apabila saya telah beberapa kali hadapkan perkara ini, apabila satu perkara malapetaka yang berlaku di Pulau Pinang di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menghantar kakitangan atau *field officer* untuk menyiasat dan untuk mengambil nama-nama dan lain-lain *particular* orang-orang yang berkenaan. Tetapi apa yang saya akan bangkitkan di sini ialah yang tidak sesuai semua di mana semua kakitangan yang dihantar kebanyakannya ialah orang Melayu. Di Georgetown adalah kawasan saya, adalah satu kawasan yang penuh sesak dengan orang Tionghua. Apabila dihantar kakitangan Kerajaan orang Melayu untuk pergi ke tempat itu untuk siasat, barangkali orang tua itu tidak tahu Bahasa Malaysia dan beberapa kali ada pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat panggil saya tolong untuk hantar *interpreter*. Saya harap Kerajaan boleh pertimbangkan perkara ini dan hantar satu kumpulan yang dari semua segi. Semua bahasa dan semua *dialogue* untuk menjalankan kerja dengan lincin.

Yang Kedua Tuan Speaker, adalah mengenai malapetaka juga. Oleh kerana sekarang apabila satu malapetaka berlaku atau rumah runtuh atau kebakaran di mana banyak mangsa-mangsa yang tidak sempat pergi apabila malapetaka itu berlaku. Biasanya masyarakat atau *community* menghantar mangsa-mangsa itu kepada dewan-dewan dan kongsi-kongsi *community*. Oleh kerana itu saya harap Kerajaan Pulau Pinang boleh timbang untuk menambahkan jika ada lebih rumah-rumah sementara untuk mangsa itu. Oleh kerana pada masa itu mangsa-mangsa tidak tahu apa mahu buat, mana

mahu pergi? Itu adalah satu pertimbangan dan saya harap Kerajaan boleh juga memberi perhatian dan keutamaan.

Yang ketiga adalah saya menyeru Kerajaan menimbang untuk mengadakan satu tabung khas *special fund* seperti yang diadakan di *ferry tragedy*, tetapi itu bukan sahaja diderma dari rakyat jelata tetapi dari Kerajaan. Kerajaan tubuh pertubuhan ini dan jika boleh, jika orang mahu derma sekalipun, tetapi Kerajaan mesti mahu *initiate* satu tabung yang *long term* bukan untuk satu masyarakat *ad hoc* sahaja. Saya harap Kerajaan boleh menimbang usul ini dan oleh kerana pada masa malapetaka mangsa-mangsa tidak tahu apa mahu buat.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Perkara ini sesungguh pun di bawah tajuk Kod 11000 di dalam muka surat 96. Perkara yang berbangkit kita ambil perhatian dan ini tidaklah ada apa-apa langkah yang ada dalam bekalan.

Tuan Speaker:

Bahawa jumlah sebanyak \$1,681,610.00 untuk Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.15 — Perancang Bandar dan Desa — \$548,990.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$548,990.00 untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.16 — Kewangan Negeri — \$9,387,710.00.

Bahawa jumlah \$9,387,710.00 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.16 — Kewangan Negeri — \$9,387,710.00.

Bahawa jumlah \$9,387,710.00 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.17 — Haiwan — \$1,371,480.00

Bahawa jumlah wang sebanyak \$1,371,480.00 untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Kepala B.18 – Pertanian – \$2,332,170.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak \$2,332,170.00 untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada jadual?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal I.

Tuan Speaker:

Fasal I adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Fasal II.

Tuan Speaker:

Fasal II adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama sesuatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

(Ya).

Dewan bersidang semula.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1989/1988 telahpun dipertimbangkan sefasal demi

sefasal oleh Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibaca bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

(Ya).

Yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

(Ya) sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbekalan 1989 (1988) maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

6. USUL-USUL:

(A) Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$42,371,780.00 tertera di dalam Anggaran Pembangunan 1989, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan II Tahun 1988 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1989 itu."

Tuan Speaker, Usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah \$42,371,780.00 bagi tahun 1989 mengikut kehendak Seksyen 4(10) Akta Pembangunan, 1966, seperti terpakai kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang sama.

Tuan Speaker, bagi tahun 1989 kita mesti menjangka bahawa kedudukan kewangan dunia masih tidak menentu dan mengelirukan dan kesan

ekonomi antarabangsa ke atas ekonomi kita masih lagi serius. Dengan keadaan yang begini, dalam merancang program-program pembangunan bagi tahun depan, tahun 1989, Kerajaan akan men-cadangkan perbelanjaan pembangunan yang se-sungguhnya berdasarkan kepada prestasi sebenar yang dicapai oleh jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tahun 1988.

Tuan Speaker, bagi sepanjang tahun 1988, perbelanjaan berjumlah \$38,782,220.00 telah di-luluskan bagi kumpulan wang pembangunan. Ada-lah dijangka bahawa hanya \$27,147,520.00 atau 70% akan dibelanjakan menjelang akhir tahun ini.

Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebab-sebab prestasi yang tidak memuaskan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan adalah kerana masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1988. Sebahagian dari-pada peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1988. Sebahagian daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek tertentu di dalam anggaran perbelanjaan 1988 terpaksa di-kaji semula dan bagi tahun 1988, Kerajaan Perse-kutuan tidak dapat memberi bantuan di bawah "Pemberian Pertambahan Hasil" kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini bermakna selama dua tahun berturut-turut, Kerajaan Negeri tidak mem-perolehi bantuan dari pemberian pertambahan hasil dari Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, adalah jelas perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1988 bergantung kebanyakannya dari hasil punca-punca Kerajaan Negeri sendiri, untuk projek-projek pembangunan.

Tuan Speaker, cadangan perbelanjaan yang berjumlah \$42,371,780.00 bagi tahun 1989 me-lalui Kumpulan Wang Pembangunan Negeri akan diperolehi dari punca-punca seperti yang tertera dalam muka surat 217 Kertas Bilangan 11 Tahun 1988. Dari jumlah ini, \$11,400,010.00 diperolehi daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan dan \$10,070,300.00 adalah disediakan melalui imbu-han balik melalui pemberian Persekutuan. Lain-lain perbelanjaan pembangunan yang berjumlah \$20,901,470.00 akan dibiayai sebagai perbelanjaan secara langsung daripada punca-punca Kerajaan sendiri.

Tuan Speaker, bagi tahun 1989, sejumlah \$18,239,150.00 diperuntukkan di bawah Maksud P.101 — di bawah Pejabat Ketua Menteri dan

Pejabat Setiausaha Kerajaan. Dari jumlah ini, hanya \$5,400,000.00 disediakan untuk Rancangan Perumahan Kos Rendah, yang mana sebanyak \$4,400,000.00 adalah melalui pinjaman dari Kera-jaan Persekutuan. Dengan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang terhad itu, Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan pemaju-pemaju perumahan dari sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam Program Penswastan Perumahan. Memandangkan prestasi ekonomi dalam sektor perumahan kita yang begitu lembab, Kerajaan Negeri telah juga mengarahkan Perbadanan Pem-bangunan Pulau Pinang supaya membina lebih banyak projek-projek rumah kos rendah jenis *cluster* yang mana didapati sangat disukai oleh rakyat kita dari golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memberi peruntukan sejumlah \$1,000,000.00 setahun un-tuk memperbaiki keadaan rumah-rumah yang sedia ada. Ini adalah perlu kerana kos penyelenggaraan yang tinggi dan kutipan yang tidak mencukupi dari penghuni. Sungguhpun kita telah mengekal-kan kadar penyelenggaraan seberapa rendah yang mungkin, terdapat sebilangan penghuni sekim perumahan Kerajaan yang mengabaikan tanggung-jawab sosial dan sivik mereka dalam membuat pembayaran balik ansuran bulanan mereka. Tunggakan mereka kepada Kerajaan kini ber-jumlah \$7,000,000.00. Kerajaan Negeri meman-dang berat mengenai masalah ini. Bukan sahaja sebilangan besar daripada mereka yang memper-olehi rumah tersebut telah melanggar perjanjian sewaan dan belian, malah mereka juga telah gagal dalam tanggungjawab sivil mereka mengekalkan hasil yang dijangka oleh Kerajaan. Ini bererti wang yang telah ditentukan untuk membina lebih ba-nyak rumah kos rendah bagi faedah lebih ramai lagi rakyat telah tidak diperolehi. Tindakan undang-undang adalah sedang diambil untuk merampas rumah-rumah yang terlibat dari mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab dari segi sosial itu.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.101, Butiran 6, sejumlah \$1,500,000.00 diperuntukkan bagi projek pembangunan masyarakat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur kepada penduduk luar bandar. Projek-projek ini termasuk pembaikan dan pem-binaan lintasan, jeti, pemetung dan jambatan serta kemudahan rekreasi. Kerajaan akan terus berbuat apa sahaja yang boleh untuk memperbaiki

taraf dan mutu kehidupan penduduk kita yang tinggal di luar bandar. Kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur yang disediakan oleh Kerajaan akan membantu penduduk luar bandar menambah pendapatan mereka dan seterusnya memperbaiki sumber ekonomi masing-masing. Dalam konteks ini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung akan diminta untuk mengenalpasti perkhidmatan infrastruktur yang penting yang diperlukan oleh rakyat di kawasan-kawasan luar bandar. Pejabat-pejabat Daerah akan menyediakan peta-peta daerah yang dikemaskini, mengumpul dan mengemaskini data-data sosio-ekonomi dan mewujudkan sistem yang lebih berkesan untuk mengawasi pelaksanaan kemajuan projek-projek di setiap daerah. Melalui sistem pengumpulan dan perancangan maklumat yang berasaskan "Buku Merah Dua", Pejabat-pejabat Daerah diharap akan lebih mampu untuk mengenalpasti dan mengawasi kemudahan-kemudahan sivik dan infrastruktur di daerah masing-masing.

Tuan Speaker, sejumlah \$7,000,000.00 secara pinjaman adalah disediakan di bawah Maksud P.101, Butiran 45 kepada Pihak Berkuasa Air untuk membiayai sekim bekalan airnya untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dalam negeri ini bagi pertumbuhan masa akan datang. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah \$1,500,000.00 untuk pengambilan tanah. Peruntukan bagi lain-lain butiran di bawah Maksud P.101 adalah berjumlah \$2,839,150.00.

Tuan Speaker, selaras dengan Dasar Pertanian Negara untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap Pembangunan Ekonomi Negara, Kerajaan Negeri akan terus meninggikan produktiviti dan meningkatkan kehidupan para petani, nelayan dan penternak dalam negeri ini. Penduduk di negeri ini yang sentiasa bertambah, yang kini telahpun menjangkau seramai 1.2 juta, akan menjadi penggerak kepada petani-petani kita untuk memaksimumkan penggunaan tanah mereka supaya mengeluarkan lebih banyak hasil makanan untuk penduduk yang semakin meningkat itu. Di bawah Maksud P.102, sejumlah \$1,504,700.00 disediakan untuk Jabatan Pertanian bagi tahun 1989. Di bawah Maksud P.102, Butiran 9, sejumlah \$541,640.00 disediakan untuk memperkukuhkan khidmat pembangunan pertanian yang mana adalah penting bagi menjayakan projek-projek pertanian. Peruntukan ini akan digunakan untuk melengkapkan beberapa buah pusat latihan pertanian, menyediakan latihan serta melawat

sambil belajar oleh petani-petani dan pegawai-pegawai pembangunan, untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi berbagai aktiviti-aktiviti pembangunan dan juga menyediakan petak dan ladang bimbingan demonstrasi yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan teknologi pertanian.

Tuan Speaker, sejumlah \$374,600.00 disediakan untuk Butiran 12 bagi program memperkenalkan dan memajukan tanaman yang terpilih seperti barangan makanan, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan juga pemeliharaan lebah di kawasan tertentu. Tujuan utama projek-projek begini ialah untuk menunjukkan pentingnya konsep pertanian berkelompok kepada petani kita dan juga menggalakkan mereka menerima sekim yang serupa. Selain dari itu, sejumlah \$78,000.00 disediakan di bawah Butiran 21 untuk program pengurusan dan pengawalan serangga yang akan digunakan untuk membeli alat-alat dan jentera untuk mengawal penyakit serangga-serangga.

Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Taliair di bawah Maksud P.103 diperuntukkan sejumlah \$4,712,030.00 bagi tujuan melaksanakan berbagai projek dalam tahun 1989. Kerajaan Negeri berazam untuk mencapai pembangunan pertanian yang lebih lagi di negeri ini dan projek-projek negeri akan ditambah dengan peruntukan sebanyak \$5,200,000.00 yang disediakan di bawah Belanjawan Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Di bawah program ini seluas 11,000 hektar kawasan pertanian akan mendapat faedah dan program-program begini akan mempercepatkan proses memodenkan sektor pertanian di negeri ini ke arah pengurusan ladang secara estetik dan penggunaan jentera untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh di dalam sektor ini. Sejumlah \$1,256,000.00 disediakan untuk Projek Pencegahan Banjir bagi melindungi kawasan seluas 1,750 hektar kawasan di luar bandar dan 36.5 hektar bagi kawasan kediaman dan perdagangan, dari banjir.

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan bagi Jabatan Kerja Raya ialah \$14,734,930.00 dan dari jumlah ini sebanyak \$9,582,810.00 akan dibelanjakan bagi projek jalan-jalan negeri. Sejumlah \$3,499,990.00 adalah dicadangkan di bawah Butiran 39. Ini untuk membolehkan Kerajaan Negeri memulakan pembinaan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah yang baru, yang mana adalah dalam keadaan yang

sangat uzur. Pembinaan pejabat ini akan mempunyai pengaruh penting atas perancangan masa hadapan pembangunan Seberang Perai Tengah keseluruhannya. Berkaitan dengan ini, sejumlah \$2.2 juta akan diperuntukkan untuk pembinaan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah yang baru ini. Untuk memungkinkan kemudahan-kemudahan asas sosial yang lebih baik disediakan untuk orang ramai di Seberang Perai Selatan dan Utara, Kerajaan Negeri mencadangkan pembinaan Dewan Serbaguna di daerah-daerah yang berkenaan. Adalah diharapkan apabila Dewan Serbaguna ini siap pada akhir tahun 1989 nanti, rakyat di Seberang Perai Selatan dan Utara akan menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan tersebut bukan sahaja untuk maksud kegiatan-kegiatan sukan seperti badminton dan sepak-takraw, juga sebagai tempat bermesyuarat dan lain-lain kegiatan sosial termasuklah majlis-majlis perkahwinan.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga akan terus memperbaiki kemudahan-kemudahan di Dewan Sri Pinang demi untuk kepentingan sosial dan sivik masyarakat di Pulau Pinang ini khususnya. Berkaitan dengan ini sejumlah \$850,000.00 adalah disyorkan untuk mempertingkatkan sistem *acoustic* di Dewan Sri Pinang. Bagi Daerah Barat Daya pula, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar akan pembinaan Pusat Ilmu Falak Pantai Aceh dan pembinaan Pejabat Kadi yang mana telahpun bermula. Peruntukan bagi kedua-dua projek ini bagi tahun 1989 adalah sebanyak \$450,000.00 dan \$200,000.00 berturut-turut.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.109, sejumlah \$933,790.00 diperuntukan kepada Jabatan Haiwan. Pemberian lembu, kerbau, kambing, ayam dan itik akan diteruskan dalam tahun 1989 mengikut permintaan dari penternak kita. Di bawah Butiran 12 — Projek Ternakan Bersepadu, sejumlah \$200,000.00 diperuntukan untuk melaksanakan Sekim Ternakan Berkelompok Anak Itik Telor dan Projek Ternakan Rusa. Adalah dijangka iaitu hasil dari pelaksanaan projek-projek ini, penternak di kawasan luar bandar akan memperoleh pendapatan yang lebih baik dan menguntungkan. Ini juga akan menghasilkan cara hidup yang lebih baik kepada penternak-penternak Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, peruntukan sebanyak \$398,040.00 disediakan di bawah Maksud P.114 — Jabatan Perhutanan. Adalah dirasakan peruntukan yang dicadangkan itu akan dapat memungkin

Jabatan Hutan meneruskan tugasnya melaksanakan Program Perhutanan Sosial yang mana termasuklah memajukan pusat-pusat rekreasi hutan dan Muzium Perhutanan. Kawasan Perhutanan Lipur di Pantai Keracut, Sungai Tukun, Telok Kampi, Bukit Mertajam, Telok Bahang dan Hutan Simpanan Relau akan terus dimajukan. Jabatan Hal-Ehwal Agama di bawah Maksud P.115 diperuntukkan sejumlah \$1,150,140.00 dalam tahun 1989.

Tuan Speaker, jumlah ini termasuklah peruntukan untuk menyiapkan pembinaan Pusat Ilmu Falak dan Pejabat Kadi di Daerah Barat Daya, yang mana merupakan projek-projek sambungan daripada tahun ini, tahun 1988. Sejumlah \$250,000.00 juga dicadangkan untuk pembinaan Pejabat Kadi di Daerah Seberang Perai Utara.

Bagi Jabatan Kebun Bunga di bawah Maksud P.116, peruntukan sebanyak \$199,000.00 telah dicadangkan. Ini akan membolehkan Jabatan Kebun Bunga terus maju dan memperbaiki kemudahan-kemudahan am, kemudahan-kemudahan hortikultur dan projek pembekalan pokok-pokok hiasan. Peruntukan untuk Anggaran Pembangunan 1989 yang berjumlah \$42,371,780.00 adalah berdasarkan kepada prestasi yang sebenarnya oleh jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dalam masa tempoh sepuluh tahun yang lalu.

Tuan Speaker, kecuali bagi tahun-tahun 1982 dan 1983 di mana perbelanjaan pembangunan ialah sebanyak \$80,889,890.00 dan \$99,389,109.00 berturut-turut, perbelanjaan pembangunan yang sebenarnya bagi lain-lain tahun adalah di antara \$25,000,000.00 hingga \$45,000,000.00 sahaja. Kejayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan ini banyak bergantung kepada sikap rakyat kita. Kita mestilah bekerja keras untuk mengekalkan semangat rakyat kita supaya lebih produktif dan sedia bersaing dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Kita mestilah juga sentiasa memperingatkan rakyat kita betapa pentingnya untuk terus mewujudkan kestabilan dan keamanan di kalangan mesyuarat kita untuk membolehkan negeri ini terus menumpukan perhatiannya bagi membangunkan ekonomi dan sosial rakyat.

Tuan Speaker, adalah perlu bagi rakyat supaya sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan Kerajaan supaya projek-projek pembangunan boleh dilaksanakan mengikut jadual. Rakyat perlu

memahami bahawa projek-projek pembangunan yang disediakan itu adalah untuk kebaikan kehidupan dan kebajikan masyarakat pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, saya percaya rakyat akan terus memberi sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi sepertimana yang telah diberikan oleh mereka kepada Kerajaan pada masa-masa yang lepas. Kerajaan Negeri berazam untuk melaksanakan kesemua projek-projek yang telah diluluskan dalam tahun 1989 mengikut jadual demi untuk terus meningkatkan taraf hidup dan mutu kehidupan yang lebih baik bagi rakyat kita. Walau bagaimanapun, kita mestilah berhati-hati dalam membuat perbelanjaan memandangkan kedudukan kewangan yang masih genting lagi. Oleh yang demikian, keutamaan telah diberi kepada projek-projek yang difikirkan ditimbangan sangat penting dan mustahak sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri yakin sungguhpun terdapat kesukaran begini, kita masih boleh meneruskan projek-projek Kerajaan Negeri yang telah ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Sesungguhnya sedikit lebihan yang terdapat dalam anggaran menunjukkan harapan kita melaksanakan projek-projek tambahan apabila lebih wang diperolehi.

Tuan Speaker, memandangkan keadaan kewangan di seluruh dunia yang masih tidak menentu, kita mesti mencapai pertumbuhan ekonomi dengan memastikan perbelanjaan awam dilakukan dengan penuh berhati-hati supaya ianya dapat mengerjakan penyertaan yang lebih dari sektor swasta.

Tuan Speaker, kecuali kita telah mengambil segala langkah yang sepatutnya untuk memastikan menyediakan hasil atau *economic cake* akan terus bertambah, kita tidak akan berkeupayaan memenuhi berbagai permintaan di pelbagai sektor pembangunan. Kerajaan telah memberi seberapa banyak perhatian yang mungkin bagi memastikan pencapaian yang sama rata peningkatan taraf hidup di kalangan masyarakat kita keseluruhannya. Perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak mendatangkan hasil akan diawasi dan dikawal rapi oleh Perbendaharaan dan jabatan-jabatan akan diminta memberi justifikasi dari masa ke semasa atau perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dibuat mengikut peruntukan yang ditetapkan.

Tuan Speaker, semenjak beberapa tahun yang lalu, Dewan ini telahpun diberitahu mengenai

kesan buruk ekonomi antarabangsa terhadap ekonomi kita. Terdapat kritik-kritik terhadap belanjawan pembangunan Kerajaan oleh mereka yang tidak mahu menerima hakikat bahawa ekonomi dunia telah menjejaskan dengan teruknya ke atas kemajuan negeri ini. Keadaan yang masih tidak menentu dalam pasaran saham di seluruh dunia dan di dalam negara ini telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa peringatan kita sebelum ini adalah terbukti benar dan amaran yang diberi adalah wajar. Melalui pengalaman yang kita perolehi di dalam mengawal dengan ketat peruntukan kewangan bagi pembangunan, adalah jelas bahawa kita mestilah terus mengamalkan kawasan yang lebih bagi mengekalkan keseimbangan belanjawan pembangunan kita. Kita hendaklah mengamalkan sikap supaya membuat perbelanjaan mengikut peruntukan yang terdapat sahaja dan memastikan tiap-tiap perbelanjaan yang dilakukan itu benar-benar berfaedah. Kita mesti terus berhati-hati walaupun ada tanda keadaan ekonomi beransur pulih.

Tuan Speaker, tahun 1989 adalah merupakan suatu tahun yang kritikal yang mencabar bagi Negeri Pulau Pinang. Meskipun terdapat tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi, kita hendaklah terus menjangkakan kadar pertumbuhan yang rendah dan masalah pengangguran yang baru pula. Walaupun ini merupakan masalah negara, di peringkat negeri kita mestilah juga sama-sama menanggung sebahagian daripada beban ini. Kita mesti kurangkan belanja tetapi bekerja lebih kuat.

Tuan Speaker, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan daripada projek-projek untuk tahun 1989 akan menyediakan kemudahan dan sokongan untuk terus meningkatkan kegiatan-kegiatan pertanian dan perindustrian yang mana dengan tidak secara langsung membantu di dalam mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di negeri kita. Untuk mendapatkan faedah maksima daripada projek-projek ini, adalah penting bagi sektor swasta digalakkan untuk menambah pelaburannya dan memastikan pengeluaran yang maksima supaya lebih banyak peluang-peluang pekerjaan diwujudkan dan kadar pengangguran dikurangkan. Melalui usaha-usaha bersama dan ketekunan bekerja dari semua pihak, kita yakin bahawa kita akan terus maju dalam pembangunan kita walaupun dalam keadaan kesukaran ekonomi sekarang.

Tuan Speaker, adalah jelas bahawa perkhid-

matan awam kita mesti terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka. Objektif Kerajaan Negeri mestilah ditumpukan sepenuhnya kepada meningkatkan lebih lagi pertumbuhan ekonomi kita. Dalam konteks ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada kakitangan awam yang berkhidmat sama ada di dalam Persekutuan, Negeri atau Badan-badan Berkanun kerana menunjukkan semangat dedikasi yang kuat di dalam kerja mereka dalam tahun-tahun yang lepas. Adalah menjadi harapan kita supaya semangat dedikasi pegawai dan kakitangan Kerajaan ini akan terus dikekalkan bagi mencapai hasil-hasil yang maksima di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan 1989.

Akhir sekali, saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah membolehkan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan jayanya untuk kebaikan rakyat kita. Kerajaan Negeri akan terus berazam dengan sepenuhnya berkhidmat untuk kepentingan semua rakyat kita. Kita akan berusaha untuk mengekalkan perpaduan negara bagi membawa keamanan kepada semua rakyat yang tinggal di dalam Negeri Pulau Pinang. Kita akan terus membina satu masyarakat yang bahagia, adil dan saksama kepada semua.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan hingga jam 2.45 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.22 tengahari.

Dewan disambung semula pada jam 2.47 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Siapa yang ingin mengambil bahagian? Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$42,371,780.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan 1989 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi maksud-maksud yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1989 itu.

Tahun 1987 dan 1988 terbukti pemulihan keseluruhan ekonomi Pulau Pinang, khususnya dalam sektor pembuatan yang menunjukkan peningkatan pengeluaran barang-barang elektronik, elektrik, tekstail, industri-industri berasaskan getah dan kayu. Terdapat juga kemajuan positif dalam prestasi sektor pelancongan dan aktiviti yang berkaitan. Kenaikan nilai matawang asing yang berterusan terhadap nilai ringgit dan juga usaha-usaha penggalakan yang agresif telah meningkatkan sektor pelancongan dan ini telah menghasilkan pertambahan 7.9% dalam bilangan ketibaan pelawat dalam tahun lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Pengerusi dan Jawatankuasa Pelancongan Peringkat Negeri atas peranan mereka yang berjaya dan positif sebagai agensi pembangunan utama bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya mengucapkan tahniah kepada mereka semua yang telah membantu negeri mengatasi kemelesetan dan jayanya serta membantu rakyat kita menghadapi keadaan yang rumit. Langkah selanjutnya ialah memandang tahun 1989 sebagai tahun bercabaran supaya kita dapat memperkuatkan kedudukan kita dan lebih bersedia untuk menghadapi sebarang krisis ekonomi di masa depan.

Kemerosotan ekonomi baru-baru ini patut menjadi suatu ajaran terutamanya bagi Pulau Pinang yang kekurangan sumber-sumber alam dan ekonomi kita begitu terdedah kepada keadaan pasaran dunia kerana ianya bergantung kepada sektor pembuatan. Demi untuk terus mencapai progres ekonomi dan sosial yang lebih, kita harus mempelbagaikan ekonomi kita dalam merancang pembangunan negeri, memaksimumkan kegunaan sumber tanah kita yang terhad, memperbaiki kemudahan-kemudahan, terutamanya di kawasan-kawasan kurang maju, mengadakan satu sektor perkhidmatan dalam bidang ekonomi kita, mening-

katkan kualiti alam sekitar demi menggiatkan pertumbuhan industri pelancongan sambil memelihara kebajikan rakyat kita pada amnya dan meningkatkan usaha dalam melatih rakyat kita untuk memenuhi syarat-syarat dalam permintaan-permintaan untuk pekerja-pekerja serta kakitangan mahir. Rakyat kita merupakan satu aset yang tidak terilai dalam melaksanakan program-program sosio-ekonomi negeri. Tujuan kita ialah bekerja rapat dengan Kerajaan Pusat untuk membina satu masyarakat Malaysia yang berdikari, sihat, bersatu-padu, mesra dan progresif.

Dalam perbahasan saya atas Anggaran Pembangunan 1989, saya ingin menitikberatkan subjek-subjek berikut:-

1. Perlunya untuk mempelbagaikan ekonomi Pulau Pinang.
2. Meningkatkan kualiti alam sekitar di dalam negeri demi perkembangan industri pelancongan sambil memelihara kebajikan rakyat kita.

Saya menyokong seruan dari Y.A.B. Ketua Menteri untuk memodenkan sektor pertanian.

Ekonomi negeri kita sebenarnya sangat bergantung kepada sektor pembuatan. Bagi mengatasi keadaan mudah terpengaruh oleh keadaan pasaran dunia dan persaingan dari negara-negara jiran, rakyat kita perlu bertindak secara positif terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan pelbagai ekonomi negeri kita. Kebanyakan industri-industri kita adalah berorientasi eksport, tetapi kini keperluan untuk membekal kepada pasaran tempatan semakin meningkat, terutamanya dalam industri makanan. Malaysia jual susu kepada Singapura dengan harga 55 sen seliter. Setelah ia dibungkus dan dipamirkan di kaunter pasaraya di Singapura atau supermarket harga runcitnya ialah \$3.50. Malaysia mengimport barang-barang makanan sejumlah \$3.5 juta untuk kegunaan tempatan setiap tahun. Ikan-ikan dalam akuarium di rumah kita juga makan makanan yang diimport. Usahawan-usahawan tempatan kita harus mendapat daripada Kementerian Pertanian satu senarai makanan-makanan import dan daripadanya mengenalpastikan barang-barang yang disukai ramai dan boleh dibuat di sini dengan sedikit bantuan dan kepakaran dari luar negeri sekiranya perlu. Saya yakin bahawa kalau orang Thai boleh melakukannya tentu kita pun boleh.

Pada pendapat saya adalah tidak bermanfaat bagi Pulau Pinang meneruskan tanaman padi kerana ia mengambil kawasan tanah yang luas dan juga adanya masalah-masalah tikus, serangga, penyakit dan banjir. Lebih baik tanaman padi diserahkan kepada negeri-negeri yang luas tanahnya seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang dan seterusnya ataupun kepada Lembah Menam Chao Phraya. Sawah-sawah padi kita dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang telah wujud boleh dengan mudahnya ditukar menjadi kolam-kolam untuk akuakultur dengan syarat masalah banjir diatasi terlebih dahulu. Selain dari ikan dan udang untuk kegunaan tempat dan eksport, terdapat juga pasaran besar bagi anak-anak ikan (*fry*) yang dikehendaki oleh industri-industri akuakultur di Taiwan, Thailand dan juga negara kita. Permintaan untuk bekalan daging putih, (*white meat*) juga kekal kerana ia boleh dimakan oleh semua kecuali "*vegetarian*". Petani-petani kita kemudian boleh mengumpulkan perhatian kepada akuakultur, "*floriculture*", buah-buahan, sayur-sayuran dan juga boleh menggunakan tanah mereka untuk tanaman campuran "*mixed farming*" atau mengusahakan kilang-kilang berasaskan pertanian supaya tanah pertanian mereka dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Berkenaan tanaman pisang atau buah-buahan, 3 biji pisang atau pisang raja di Negeri England harganya adalah lebih £1. Kalau kita mencapai *progress* untuk pembungkusan atau membina bot-bot *banana* atau bot-bot pisang yang dikeluarkan di Negeri Dominica, ini satu pasaran yang besar untuk buah-buahan tempatan kita.

Saya telah difahamkan bahawa banyak cadangan-cadangan projek-projek perumahan swasta di kawasan-kawasan separuh bandar belum dapat diluluskan lagi. Atas sebab kekurangan tanah di Pulau Pinang dan juga perlunya untuk membawa pembangunan dan progres ke kawasan-kawasan luar bandar, saya ingin merayu kepada Kerajaan Negeri untuk menetapkan suatu dasar tanah yang lebih bebas supaya mencapai pembahagian harta yang adil di kawasan-kawasan luar bandar. Kita harus merancangkan luar bandar ke arah abad ke 21 dan penggunaan tanah di Pulau Pinang secara maksima.

Untuk menyokong sektor pembuatan dalam ekonomi kita, industri-industri bersekiil kecil dan sederhana boleh menyediakan perkhidmatan tam-

bahan dan barangan yang diperlukan. Banyak di antara industri-industri ini walaupun memainkan peranan yang penting tetapi tidak diperakukan oleh pihak-pihak berkenaan. Penukaran kegunaan rumah-rumah di desa sukar mendapat kelulusan kerana Pihak Berkuasa Tempatan masih mengamalkan undang-undang kecil yang kuno. Masalah kedai motor adalah satu contoh yang baik. Rumah-rumah kedai terlalu mahal untuk dibeli atau disewa untuk tujuan membuka kedai motor. Sebuah rumah kedai jenis B di Relau tidak boleh diluluskan untuk tujuan kedai motor kerana tingkatnya dibuat daripada kayu. Kelulusan hanya boleh diberi kalau tingkat kayu ditukar kepada konkrit. Rumah-rumah kediaman akan menghadapi bantahan daripada rumah-rumah jiran kerana kecemasan bunyi dan debu diakibatkannya. Dalam keadaan ini banyak kedai-kedai motor terutamanya mereka yang berada di kawasan-kawasan separuh bandar dan luar bandar tidak dapat dilesenkan dan terpaksa beroperasi secara haram walaupun mereka memberi perkhidmatan. Pembangunan bandar-bandar atau estet-estet perumahan baru harus menyediakan bangunan-bangunan dengan harga berpatutan untuk industri-industri bersekil kecil dan sederhana. Zon Perdagangan Bebas juga harus menyediakan tanah bagi pembinaan bangunan-bangunan untuk industri ini yang memberi perkhidmatan tambahan kepada kilang-kilang besar.

Pulau Pinang sebagai sebuah pulau dan berhampiran dengan Lautan Hindi serta kedudukannya di atas satu *'continental shelf'* harus berusaha sedaya upaya untuk mempertingkatkan industri perikanan. Rakyat seharusnya memberi lebih sokongan kepada Kerajaan dalam menggalak dan melatih nelayan-nelayan untuk menceburi diri dalam penangkapan ikan laut dalam. Saya merasa sungguh sedih mendapati bahawa daripada 100 yang mendaftarkan diri cuma dua sahaja yang telah bermula mengusahakan penangkapan ikan laut dalam selepas latihan. Walau bagaimanapun ini adalah satu permulaan sahaja dan saya yakin kalau latihan ini diadakan di Pulau Pinang ia akan lebih berjaya dengan kerjasama dan sokongan para nelayan kita.

Pulau Pinang juga perlu dipopularkan sebagai pelabuhan singgahan bagi lebih banyak bot-bot perikanan laut dalam supaya kita juga boleh memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan kita untuk pembaikan-pembaikan bot, mengecat semula, pemunggaran, menyediakan kemudahan-kemudahan pendinginan, pembungkusan dan pengetinan.

Akhirnya, satu lagi bidang yang mempunyai banyak potensi untuk diperluaskan ialah sektor perniagaan dan perkhidmatan dalam ekonomi kita. Pulau Pinang telah dikenalpasti sebagai pusat wilayah utara untuk Semenanjung Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Selain dari mempunyai reputasi antarabangsa sebagai satu pusat pelancongan yang popular, Pulau Pinang juga harus meningkatkan peranannya sebagai pusat membeli-belah, perdagangan, kewangan dan perkhidmatan di rantau ini. Rakyat kita boleh dilatih demi memenuhi permintaan di masa hadapan untuk kemahiran khusus dan pengetahuan teknikal. Kadar pembangunan dalam bidang elektronik akan sentiasa berkehendakkan pekerja-pekerja dan kakitangan yang berupaya mengikut langkah progresnya. Oleh itu, rakyat kita termasuk kakitangan-kakitangan awam dan politikus-politikus harus menyediakan diri mereka menghadapi Abad ke 21 yang akan merupakan satu Zaman Teknologi Tinggi bagi Pulau Pinang. Dengan ini, *development will definitely supercede politik in this* Dewan yang mulia.

Aktiviti kemanusiaan kalau tidak dikawal dengan baik akan mendatangkan kesan yang buruk ke atas alam sekitar. Ini adalah sebab dalam usaha mencari kehidupan yang lebih mewah, beliau selalunya lupa bahawa urbanisasi dan pembangunan boleh menyebabkan kemerosotan alam sekitar kita. Punca-punca utama pencemaran alam sekitar di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

1. Ketiadaan nilai-nilai estetik dan ketidak-sedaran akan warisan kebudayaan dan senibina Pulau Pinang yang unik di kalangan mereka yang menjejaskan pemandangan bandar dan jalan dengan rekabentuk-rekabentuk yang rendah tarafnya;
2. Kecacatan alam semulajadi dengan pemotongan tanah-tanah bukit atas kontor lebih daripada 200 kaki, pencemaran sungai-sungai dan laut akibat daripada ketiadaan pengawalan atas aktiviti-aktiviti pemajuan dan kerja-kerja tanah;
3. Pembuangan sisa-sisa yang tidak dirawat atau dirawat dengan tidak sempurna ke dalam longkang-longkang, sungai-sungai dan laut;
4. Pengeluaran asap-asap, sisa buangan dan bunyi daripada kenderaan dan industri-industri.

Untuk membolehkan kita menyaksikan pertumbuhan lebih lanjut dalam industri pelancongan

kita serta menjaga kebajikan penduduk-penduduk Pulau Pinang pada amnya, adalah mustahak bagi rakyat kita supaya sentiasa memberi perhatian berat atas kualiti alam sekitar kita.

Dari segi alam sekitar pembinaan dan pandangan jalan, saya ingin merayu para perekabentuk supaya menyesuaikan kerja mereka dengan persekitaran. Pelanggan-pelanggan mereka juga harus faham bahawa Pulau Pinang mempunyai satu warisan senibina yang harus dipelihara supaya bandar kita masih memiliki tarikan yang unik. Amalan "*fung sui*" atau "pantang" untuk menentukan warna bagi sesebuah bangunan boleh mengakibatkan pencemaran pemandangan. Papan-papan tanda yang buruk juga boleh merosakkan pandangan jalan yang cantik. Kita perlukan lebih banyak taman-taman, gili-gili yang distandardisasikan, pokok-pokok tepi jalan dan kebun-kebun yang dilanskap untuk memberi sedikit keindahan semulajadi kepada hutan batu-bata. Gili-gili pejalan kaki (gangguan).

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Penjelasan Tuan Speaker, apa itu gili-gili? (ketawa).

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Pavement. I am using a Bahasa word.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Bahasa baku?

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Ya, bahasa baku.

Gili-gili pejalan kaki harus diperbaiki demi keselamatan pejalan-pejalan kaki di bandar. Kita di Pulau Pinang bernasib baik dapat mewarisi pokok-pokok jalan yang banyak ditanam pada masa British. Tujuan kita ialah untuk mengekalkan atau membaiki taraf yang mereka tetapkan.

Penduduk-penduduk Pulau Pinang baru-baru ini telah menjadi lebih sedar akan kesihatan fizikal. Ini boleh dibuktikan oleh kepopularan walkaton, jogathon, ridgethon, tai-chi, aerobik dan lain-lain. Seramai 1.6 juta pelawat mengunjungi Kebun Bunga Pulau Pinang setiap tahun dan lebih 400,000 orang adalah pejalan-pejalan, pelari-pelari dan pelatih-pelatih tai-chi. Jambatan Pulau Pinang

telah menjadi tempat bagi marathon-marathon peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Kedai-kedai sukan didirikan dengan banyaknya di merata bandar dan setengah penduduk Pulau Pinang benar-benar berjalan atau berlari hingga mereka terjatuh mati. Pulau Pinang harus berusaha mewujudkan satu alam sekitar yang lebih bersih dan segar supaya menggalakkan lagi rakyatnya menjadi sihat dan kuat. Pengawalan yang lebih keras atas pencemaran alam sekitar dan penekanan atau pembangunan daerah, metropolitan, bandar dan taman-taman berjiranan perlu dikuatkuasakan.

Singapura telah membuktikan bahawa kebersihan pantai-pantai dan sungai-sungainya dapat dipelihara dengan penguatkuasa yang lebih keras dan pengetahuan teknikal. Rakyat Pulau Pinang haruslah sedar bahawa pantai-pantai kita merupakan suatu aset yang tidak ternilai kerana ia dapat menarik pelancong-pelancong asing yang melarikan diri dari musim sejuk di negara mereka untuk bercuti di negara-negara tropika. Penggalakan sukan-sukan laut yang popular akan terganggu sekiranya laut kita tercemar. Usaha yang lebih giat perlu dilakukan oleh rakyat dan pihak-pihak berkenaan untuk memastikan kualiti alam sekitar pantai dan sungai yang lebih baik.

Untuk memelihara pertumbuhan industri pelancongan kita dan hak untuk tinggal dalam satu masyarakat yang sihat, maka saya ingin mencadangkan bahawa negeri mengambil suatu dasar yang lebih agresif dan lengkap atas kualiti alam sekitar. Negeri harus menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelbagai badan yang berkenaan atas kualiti alam sekitar dan mendesak penguatkuasa yang lebih keras. Organisasi-organisasi berorientasi khidmat dan sukarela juga boleh memainkan peranan mereka dalam meningkatkan kualiti alam sekitar dan memastikan bahawa usaha-usaha untuk pembangunan tidak mengakibatkan kemerosotannya.

Kita sekarang tinggal di satu zaman yang menarik dengan progres besar dibuat dalam sains dan teknologi. Janganlah kita cuba mencabar keamanan dan keharmonian negeri kita supaya kita boleh membawa Pulau Pinang ke arah teknologi yang tinggi dan progres sosio-ekonomi yang besar. Dengan perpaduan, keamanan dan perasaan muhibah barulah dapat kita menuju ke hadapan untuk menemui cabaran-cabaran esok. Keamanan dan perpaduan akan benar-benar tercapai sekiranya kita boleh menganggap diri kita sebagai rakyat Malaysia dan bukan hanya keturunan kita.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Tuan Speaker, saya bangun untuk membahas ucapan Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan 1989. Kita ada cuma \$42 juta lebih sahaja untuk program pembangunan bagi tahun 1989. Dari jumlah tersebut hanya \$5.4 juta akan diperuntukkan kepada Rancangan Rumah Kos Rendah.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri supaya merayu kepada Kerajaan Pusat agar dapat memberi peruntukan yang lebih kerana memandangkan keadaan ekonomi negara yang sekarang bertambah meningkat.

Melalui "Projek Ikhtiar" Kerajaan Negeri mempunyai peluang yang baik untuk mendapatkan tanah-tanah sebagai mengatasi masalah pembangunan tanah dan rumah di kawasan luar bandar. Jika kesempatan ini tidak diambil, orang yang miskin tidak akan berpeluang untuk mendapat bantuan.

Di Nibong Tebal, kita ada 90,000, 60% daripada mereka adalah terdiri daripada golongan petani. Dalam kumpulan ini yang termiskin terdiri daripada petani sawah. Lebih kurang 6,000 keluarga pesawah berpendapatan kurang daripada \$300.00 sebulan, manakala 700 keluarga pula berpendapatan serendah \$150.00 sebulan. Peluang untuk golongan ini memiliki rumah kos rendah dengan bayaran sebulan \$175.00 merupakan impian semata-mata.

"Projek ikhtiar" yang dilancarkan oleh Y.B. Encik Annuar Ibrahim, Menteri Pendidikan bermatlamat menolong golongan yang berpendapatan di bawah paras kemiskinan. Saya berharap dengan bantuan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian yang istimewa kepada kumpulan yang tidak bertanah dan berumah sendiri. Kebanyakan daripada mereka tinggal di tanah-tanah atas belas kasihan tuan tanah sahaja.

Saya ingin mengambil contoh orang-orang Melayu yang tinggal di Kampong Baru, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Datuk nenek atau ibu bapa mereka telah dipaksa berpindah dan tinggal di kampung tersebut dalam zaman darurat dahulu. Hingga kini masih banyak rumah penduduk di sini belum mendapat bekalan elektrik dan air terutamanya rumah-rumah yang tidak bernombor, tidak berpeluang menikmati kemudahan asas yang amat diperlukan itu.

Dalam pada itu, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Air yang telah mengadakan pili air di Simpang Estet dan Sempah Estet. Baru dapat. Sudah minta 2½ tahun baru dapat. Penduduk kawasan saya itu sangat menghargai perkhidmatan jabatan berkenaan. Untuk mengatasi atau memberi kemudahan kepada penduduk Kampong Baru, Simpang Ampat, saya memohon jasa baik Pihak Berkuasa Air lagi sekali untuk menambahkan dua buah pili air lagi di kampung tersebut.

Tuan Speaker, di luar bandar seperti Nibong Tebal, Kerajaan Negeri lebih mudah mengambil tanah jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri patutlah mengambil tanah untuk kemudahan 6,000 keluarga miskin. Ramai daripada mereka bersedia mendirikan rumah sendiri jika diberikan tanah. Justeru itu mereka akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian yang intensif untuk menanam pokok buah-buahan dan sayur-sayuran. Petani-petani miskin akan gembira jika diberikan sekurang-kurangnya ½ atau ½ ekar untuk menjadi satu projek hidup berdikari dan tidak seperti projek bersepadu di Sungai Chenaam yang menemui kegagalan.

Saya mengatakan demikian kerana Kerajaan Negeri telah memberikan tanah kepada petani-petani di Valdor untuk berkebun pada satu masa dahulu. Kini Kampung Valdor boleh menjadi kampung contoh untuk seluruh negara.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Dua atas simpati beliau terhadap para petani kerana membenarkan mereka menjelaskan harga tanah yang diduduki selama 60 tahun secara ansuran selama empat tahun. Saya berharap, jasa baik Yang Berhormat itu akan berterusan untuk mengatasi masalah para petani dengan kerjasama Ahli Yang Berhormat dari kawasan Seberang Jaya yang bekerja keras melaksanakan portfolio beliau. Penduduk Valdor dan Jawi amat menghargai jasa baik kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut.

Sekiranya Kerajaan dapat melaksanakan projek ini, bukan sahaja dapat mengatasi masalah perumahan malah dapat mewujudkan pekerjaan di luar bandar dan faedahnya akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada hasil buah-buahan tropika, sayur-sayuran tempatan menjelang

tahun 2000 bagi memenuhi keperluan penduduk Negeri Pulau Pinang yang dijangka meningkat kepada 2 juta orang.

Tuan Speaker, dari jumlah \$900,000.00 lebih yang telah diperuntukkan kepada Pejabat Haiwan untuk membeli binatang ternakan, saya telah difahamkan sejumlah \$200,000.00 akan diperuntukkan kepada "Skim Ternakan Berkelompok".

Saya berharap kepada pihak Pejabat Haiwan akan dapat menambahkan peruntukan yang akan diberi kepada setiap individu yang akan menjalankan projek tersebut. Dalam tinjauan saya, saya dapati ramai penternak yang lebih suka menternak secara bersendirian kerana mereka rasa lebih bebas dari cara berkongsi beramai seperti yang telah dijalankan sekarang. Saya berharap kawasan luar bandar Nibong Tebal akan terus maju dalam bidang pertanian terutama dalam bidang ternakan haiwan.

Tuan Speaker, pengumuman oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar beberapa hari yang lalu telah menyebabkan penduduk-penduduk di kawasan Valdor dan di Bukit Degong khususnya menjadi serba salah kerana besar kemungkinan kawasan Bukit Degong akan dijadikan tempat pembuangan sisa-sisa toksid selain daripada Sepang. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut telah membantah dengan sekeras-kerasnya supaya projek yang tersebut itu tidak akan dilaksanakan di kawasan itu.

Sebagai seorang yang bertanggungjawab, saya sangat-sangat mengambil berat tentang pengeluaran sisa-sisa toksid oleh industri-industri yang terdapat di negeri ini sebab di negeri ini kita mengeluarkan kira-kira 80,000 *cubic meters* sisa-sisa toksid setiap tahun. Ini banyak keluar dari Kawasan Prai. Sekarang kita susah sedikit. Inilah yang menjadi beban tanggungjawab bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat bahkan kepada Kerajaan Negeri juga.

Saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan saya penuh yakin dengan Kerajaan Negeri yang ada sekarang supaya projek tempat pembuangan sisa-sisa toksid yang mungkin dibina di Bukit Degong — bukan Valdor — di Bukit Degong itu dapat diadakan di tempat lain yang lebih sesuai dengan keadaan persekitarannya.

Kampung Valdor yang seluas 34 hektar dan penduduknya seramai 10,000 orang. Dalam jejari 2 batu merangkumi Kampung Lima Kongsi, Tiga Kongsi, Simpang Empat, Kepala Gajah, Padang Lalang, Simpang Empat Estet dan Tasek Chempedak mempunyai penduduk seramai 20,000 orang yang terdiri daripada tiga kaum yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Dalam lingkungan tersebut terdapat 4 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah. Penduduk di sini sebahagian besarnya terdiri daripada petani, penoreh getah, pekerja-pekerja ladang kelapa sawit dan pekebun buah-buahan. Projek industri ringan PERDA terletak hampir-hampir benar dengan tempat pembuangan sisa-sisa toksid yang mungkin dicadangkan. Saya difahamkan PERDA akan mengadakan perusahaan makanan seperti pisang, keropok dan seumpamanya.

Bahaya yang paling besar akan melibatkan kawasan pertanian yang luas (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, penjelasan! Boleh beri peluang. Satu saja!

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Satu sahaja? Ya. boleh.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya minta Yang Berhormat dari Sungai Bakap memberitahu Dewan yang mulia ini, bagaimana beliau tahu ada sisa toksid akan disimpan di Bukit Degong sedangkan Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin tidak tahu. Itu maklumat datang dari mana?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Ini kemungkinan sahaja. Saya pun tidak pasti. Kemungkinan! Saya tadi kata ada kemungkinan. O.K. Kawasan ini telah menghasilkan sejuta ekor ayam (*table birds*) — ayam untuk dimakan — sebulan untuk diekspot ke Singapura. Kentucky Fried Chicken telah menggunakan banyak ayam ternakan dari sini. Anak-anak ayam yang berumur sehari telah dihantar ke seluruh Malaysia dan Thailand serta berjuta-juta biji telur diekspot ke Singapura. Di kawasan sini pun ada menternak itik dan babi. Pendek kata, kawasan ini ialah kawasan yang menternak binatang-binatang dengan pesat sekali di seluruh Malaysia. Masalahnya, apakah

yang akan berlaku sekiranya tanah yang dipenuhi oleh sisa-sisa toksid yang dibuang itu bocor? Ini bukan sahaja akan mencemarkan kawasan ini, malah air di bawah tanah akan bergerak berbatu-batu jauhnya. Ini tanpa gempa bumi. Nasib baik negara kita tidak ada gempa bumi.

Kita perlu menyedari kemungkinan-kemungkinan dan perlu melakukan sesuatu sebelum terlewat dan menyesal kemudian tidak berguna lagi. Tidak berlaku dalam dunia ini dapat menjamin keselamatan tanah selepas 20 tahun apa yang dianggap selamat. Keselamatan tidak akan terjamin lagi daripada tidak dicemar oleh alam sekitar walaupun menggunakan teknologi yang sempurna. Demikianlah kata John dan Watson, Saintis Perunding Alam Sekitar. Pendek kata Tuan Speaker, dalam dunia ini tidak ada satu teknologi yang boleh membina *one secure land field*. *What is secure is no longer secure after 20 years*, izinkan saya.

Paling membimbangkan kita ialah generasi yang akan datang. Secara moral, kitalah yang bertanggungjawab terhadap kebahagiaan generasi yang akan datang perlu diutamakan melebihi faedah-faedah ekonomi. Sebagai sebuah negara demokrasi, pandangan dan perasaan rakyat harus dipertimbangkan sebelum sesuatu keputusan diambil.

Sebagai seorang ahli politik yang bertanggungjawab, saya tidak berniat mempolitikkan perkara ini untuk memperolehi publisiti atau bermotif memenangi pilihanraya tetapi menjadi tugas sebagai Wakil Rakyat untuk menyampaikan perasaan rakyat dan rasa kebimbangan mereka terhadap kesan-kesan yang merugikan generasi yang akan datang.

Penduduk di sini telah mengalami penderitaan dalam zaman darurat pada awal tahun lima puluhan. Kini dapat berbangga atas kejayaan mereka dalam bidang pertanian dan penternakan hasil dari titik peluh mereka untuk meningkatkan taraf hidup. Ketakutan mereka dari keganasan penganas komunis dalam tahun 50-an bertukar kepada ketakutan kepada buangan sisa-sisa toksid dalam tahun 90-an — kalau ada diletak di sana. Kalau tidak, ta'apalah.

“Tiada Kerajaan, tanpa mengira pengaruh kewangan, mempunyai hak mencagarkan untung nasib masa depan generasi kanak-kanak Afrika.”

Ini kata Presiden Nigeria, Ibrahim Baginda mengumumkan ini apabila mendapati sisa-sisa toksid mula masuk ke Nigeria dengan secara rasmi dan tidak rasmi. Kini organisasi Afrika Bersatu telah mencadangkan untuk mengambil langkah-langkah mengharamkan pembuangan sisa-sisa toksid di benua Afrika.

Malaysia mempunyai keluasan 135,000 batu persegi. Kita masih mempunyai kawasan yang luas dan pulau-pulau yang belum dihuni oleh manusia. Kita belum menghadapi kekurangan tanah untuk menempatkan pembuangan sisa-sisa toksid yang merbahaya ini.

Saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya sisa-sisa toksid ini ditempatkan di pulau atau di kawasan yang tidak berpenduduk. Dijangka penduduk dalam daerah Nibong Tebal akan meningkat dari 90,000 orang kepada 200,000 orang menjelang tahun 2000. Saya yakin, impian menjadikan Sungai Bakap sebagai bandar satelit akan menjadi kenyataan apabila rancangan pembuangan sisa-sisa toksid ini dipindahkan di tempat lain. Adalah mustahil dalam kehidupan ini tanpa logam. Walaupun begitu, sekiranya berlebihan boleh menimbulkan kesan negatif yang mendalam dalam kehidupan sel dalam tubuh.

Industri-industri elektronik adalah satu industri kimia. Pembuatan elektronik menggunakan beribu-ribu jenis kimia dan pada masa yang sama akan mengeluarkan bahan-bahan yang merbahaya seperti *mercury*, *cadmium*, *lead*, PCB dan banyak-lah. Tak payah ceritalah.

Saya memahami jumlah sisa-sisa toksid dari lebih kurang 300 kilang elektronik dari 12 Pusat Perdagangan Bebas di Malaysia dan Kerajaan Pusat menghadapi masalah besar untuk sisa-sisa toksid tetapi diharapkan tempatnya bukanlah di Bukit Degong. Kilang-kilang ini menampung lebih 100,000 orang pekerja, merangkumi lebih daripada 20% daripada tenaga pekerja seluruh Malaysia. Pendek kata, Malaysia telah menjadi pusat *transnational semi-conductor industry* yang terbesar di *South East Asia*.

Di Malaysia sahaja, lebih daripada 300 *cubic meters* sisa toksid dikeluarkan dalam tahun 1987. Saya juga memahami kebimbangan pihak Kerajaan menghadapi penempatan sisa-sisa toksid yang merbahaya ini.

Memandangkan rakyat yang akan menanggung berikutan dengan keputusan yang kita ambil sebarang akibat daripada pembuangan sisa-sisa toksid ini, perasaan rakyat haruslah dihormati.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan apakah yang telah terjadi di Amerika Syarikat. Seramai 400,000 orang rakyat Amerika Syarikat meninggal akibat kanser. Di antaranya 80,000 sehingga 150,000 orang terdedah kepada kimia toksid dan kanser hanya dapat dikesan antara 2 ke 40 tahun dari tarikh terdedahnya bahan-bahan yang mengakibatkan kanser sebelum munculnya kanser dalam tubuh manusia.

Barisan Nasional telah bertanya penduduk-penduduk di Valdor dan lain-lain tempat pada jam 8.30 malam, pada 4 Disember, 1988 di Balai Raya Valdor. Dewan yang sempit itu telah dipenuhi oleh lebih kurang 1,000 orang, mewakili parti-parti komponen Barisan Nasional. Keputusan sebulat suara telah diambil untuk merayu kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri agar memindahkan rancangan pembuangan sisa toksid ini ke tempat yang lebih sesuai.

Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan wang sejumlah \$650,000.00 untuk pembinaan sebuah Dewan Serbaguna di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara. Penduduk di kedua-dua kawasan ini telah menanti sekian lama untuk mendapat sebuah Dewan Serbaguna untuk kegiatan sosial. Saya berharap dengan kerjasama Tuan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, projek ini akan berjalan dengan lancar dan berjaya mendapat sebuah Dewan Serbaguna di Seberang Perai Selatan dengan segera.

Kita sering mencadangkan, membincang dan mendebatkan berhubung dengan rancangan-rancangan pembangunan untuk negara khasnya negeri ini di dalam Dewan yang mulia ini bagi faedah *community* yang terbesar, yang berkebolehan mempertikaikan sesuatu isu atau menentang dengan apa cara yang boleh atau menggunakan hak atau kuasa mengundi untuk menentukan Kerajaan.

Dalam melakukan semua ini, kerap kali kita lupakan sekumpulan *community* yang tidak tahu memproses atau mempertikaikan isu dan mereka itu tidak dibenarkan mengundi. Sebahagian besar daripada mereka mengalami sakit jiwa. Malang

sekali, mereka juga tersingkir daripada masyarakat, sebahagian tidak mempunyai perasaan takut atau malu.

Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan Kementerian Kesihatan, telah sedaya upaya memberi khidmat baik bagi mengurangkan penderitaan kumpulan *minority* yang kurang bernasib baik ini. Terdapat juga beberapa jabatan lain dan kumpulan tertentu telah mengambil berat terhadap mereka. Tetapi kita tidak harus meletakkan tanggungjawab ini ke atas bahu Kementerian Kesihatan semata-mata.

Tuan Speaker, sebagaimana yang diketahui, bilangan kumpulan ini akan meningkat, ditambah pula dengan kemasukan baru ke dalam wad-wad hospital. Sebahagian daripada kumpulan ini juga semakin ramai melakukan keributan di jalan-jalan dalam bandar. Kebanyakan mereka ini mengidap penyakit jiwa. Kita sering melihat mereka merayau-rayau. Kita juga pernah bercakap mengenai mereka tetapi kita belum pernah membuat sesuatu untuk membaiki atau mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Bernasib baik juga terdapat Persatuan Kesihatan Mental (*Mental Health Association*) Negeri Pulau Pinang bukan sahaja telah sudi tampil ke hadapan untuk menolong mengurangkan penderitaan kumpulan ini malah telah mencuba menyelesaikan masalah mereka.

Mereka telah cuba mewujudkan sebuah *Half-way House*. Rumah tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan seperti tempat tinggal untuk tinggal dalam tempoh ketiadaan rumah yang akan ditujui, sebuah bengkel, pusat penjagaan harian dan kemudahan-kemudahan rekreasi. Matlamatnya ialah menjadi sebagai khemah peralihan (*Transitional Camp*) kepada pesakit sembuh daripada mengidap sakit yang berat dan akan dibenarkan meninggalkan hospital dan keluarga pesakit belum bersedia menerima mereka. Menempatkan gelandangan yang terbiar di jalan-jalan untuk memberi rawatan dan meletakkan di bawah jagaan prikritik dari hospital-hospital, mengesan masyarakat dan mengembalikan mereka kepada kehidupan biasa. Tuan Speaker, saya difahamkan mereka memerlukan sekurang-kurangnya \$50,000.00 untuk menyelenggarakan tahunan rumah tersebut.

Mental Health Association telah mengatakan kesediaan mereka untuk memungut derma yang

diperlukan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan amal. Walaupun begitu, projek yang dirancang dalam bulan Ogos ini tidak dapat dilancarkan kerana ketiadaan tanah tapak untuk bangunan tersebut. Adalah diharapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bermurah hati memperuntukkan sebidang tanah untuk menyempurnakan kemampuan yang ditunjukkan atau diasaskan oleh jabatan-jabatan dan pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Saya yakin Kerajaan Negeri akan disanjung tinggi dan dihargai dengan membantu golongan yang sangat-sangat memerlukan bantuan tanpa bersuara ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, sebelum menyampaikan ucapan saya, saya ingin memberi sedikit *comment* tentang perbahasan usul pembangunan ini. Oleh kerana ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baru lepas tengahari, jadi ucapannya kita pun tidak ada masa untuk membaca. Jadi saya ingat ini adalah satu amalan yang tidak sesuai untuk Dewan yang mulia ini. Jadi saya bercadang jugalah lain kali mungkin selepas membentangkan usul pembangunan kita boleh tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga esok kita baru berbahas.

Tuan Speaker, dalam perbahasan usul pembangunan ini, saya ingin dapat tahu sikap dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap masalah pembangunan. Ini adalah oleh kerana pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan publisiti parti komponen Barisan Nasional telah mula lagi bercakap di merata-rata bahawa memilih calon pembangkang tidak akan diberi peruntukan pembangunan. Saya tidak khuatir propaganda ini, memandangkan fikiran pengundi telah cukup matang. Apa yang saya minta hanya dapat satu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk pengetahuan rakyat bagaimana beliau menghadapi parti-parti pembangkang di mana satu ketika ia pun memainkan peranan ini sahaja.

Tuan Speaker, saya memang sedar bahawa kawasan pilihanraya pembangkang dapat juga wang peruntukan pembangunan. Apa yang saya tidak faham ialah kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti pemerintah boleh tentukan kegunaan wang peruntukan itu manakala Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang tidak

boleh. Kenapa juga pegawai-pegawai Kerajaan boleh mengiringi Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pemerintah melawat ke kawasan mereka tetapi tidak sanggup berbuat sedemikian dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti pembangkang? Lebih-lebih lagi segala permohonan projek-projek kecil dari pihak pembangkang ditolak habis-habisan, manakala wang peruntukan sepatutnya diberi kepada rakyat itu digunakan untuk membekalkan alat-alat pejabat ADUN seperti ADUN Kawasan Datuk Keramat iaitu Tuan Speaker dan pejabat Barisan Nasional.

Tuan Speaker, semasa menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 29 Ogos yang lalu, Yang Berhormat dari Telok Kumbar katakan apa yang dia umum lebih awal bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak \$20 juta untuk menyelenggarakan jalan-jalan, parit-parit dan lorong-lorong belakang dan tidak ada mana-mana pihak juga merupakan satu anggaran sahaja dan Yang Berhormat dari Telok Kumbar tidak dapat memberi jawapan tentang soalan tambahan saya iaitu anggaran itu sebagai anggaran tahun apa? Haraplah saya, Yang Berhormat dari Telok Kumbar, bukan serupa dengan Yang Berhormat dari Bertam. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Telok Kumbar atau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dapat memberi bukti-bukti berkenaan dengan peruntukan tersebut semasa menggulung usul ini. Adakah peruntukan ini telah diperuntukkan? Jika ya, wang itu digunakan di mana? Berapakah telah digunakan di kawasan Barisan Nasional? Jika tidak, kenapa? (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan, boleh? Tidak ada sebut Bertamkah?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Apa fasal?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya kata saya berharap Yang Berhormat dari Telok Kumbar tidak serupa dengan Yang Berhormat dari Bertam oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah berjanji menyelesaikan satu perkara tetapi tidak diselesaikan. Itu sahaja.

Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Telok Kumbar juga memberitahu saya bahawa Kerajaan Negeri sudah menjalankan kajian secara menyeluruh mengenai keadaan lalu lintas di Pekan Bukit Mertajam. Saya mengalu-alukan kajian ini. Namun demikian, saya ingin tahu sama ada kajian ini sudah selesai pada masa sekarang. Jika ya, apakah cadangannya dan bilakah laporannya diumumkan? Tentang cadangan untuk mengadakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kulim, Jalan Murti, Jalan Aston, Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng dan satu lagi di persimpangan Jalan Arumugam Pillai dan Jalan Aston, adakah cadangan-cadangan ini telah diterima? Jika ya, bilakah projek (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila rujuk kepada Peraturan 46(5), tahukah?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
46?

Tuan Speaker:

46(5)! Apa dia kata di sana?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Minta Tuan Speaker baca tengok.

Tuan Speaker:

Baca! Baca!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
46(5)? Tuan Speaker boleh beri satu (gangguan).

Tuan Speaker:

You baca.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Tidak payah. Ini semua tidak payah.

Tuan Speaker:

Itu peraturan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Ya, saya tahu.

Tuan Speaker:

Tahu? *O.K.*, jalan!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Baik, terima kasih (gangguan).

Tuan Speaker:

Sebab itulah saya kata *you* mesti ikut Peraturan 46(5). *You* ikut tidak boleh hilang.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Siapa-siapa pun serupa juga. Tuan Speaker jangan hanya mahu (gangguan).

Tuan Speaker:

Tidak, tidak. Saya suruh ikut peraturan ini sahaja. *O.K.* teruskan!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

O.K. terima kasih. Jadi saya ingin tanya bilakah cadangan-cadangan ini akan dilaksanakan. Jika tidak, apakah cadangan alternatifnya?

Tuan Speaker, di samping itu saya hendak menambahkan satu lagi cadangan iaitu mengadakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Pasar, Jalan Cheok Sah, Jalan Bunga Raya untuk kemudahan dan perlicinan lalu lintas. Yang Berhormat Mak Mandin pula semasa menjawab pertanyaan saya pada 29 Ogos lalu, beliau berkata cadangan saya untuk mendirikan Mini Asia perlu diberi pertimbangan dan kajian yang terperinci sebelum sesuatu keputusan telah diambil.

Saya menerima sikap Kerajaan yang nampaknya serius ini untuk mendapat keadaan terbaru. Saya ada mengemukakan satu pertanyaan mengenai perkara ini dalam Mesyuarat Dewan kali ini, malangnya ianya juga ditolak oleh Tuan Speaker. Nyata sekali cadangan bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong asing ke Pulau Pinang ini akan memberi manfaat kepada negara kita dan rakyat Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, haraplah cadangan saya ini tidak digugur semata-mata disebabkan ianya datang dari pihak pembangkang.

Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, sejauh manakah cadangan ini ditimbang dan dikaji? Ia ditimbang dan dikaji oleh

Yang Berhormat Mak Mandin seorang atau oleh satu jabatan atau unit? Jika ia ditimbang atau dikaji oleh satu jabatan atau unit, apakah nama jabatan atau unit ini? Lagi pula, setakat ini berapa mesyuarat sudah diadakan untuk membincangkan cadangan ini dan apakah hasilnya? Saya percaya jawapannya bukanlah saya seorang ingin tahu tetapi orang-orang awam turut berminat ingin tahu cadangan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Siaapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, saya ingin membahaskan usul yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan berkenaan satu, dua masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang miskin, bukan sahaja dalam kawasan saya tetapi dalam mana-mana kawasan pun dalam Negeri Pulau Pinang.

Satu masalah ialah masalah perumahan, Tuan Speaker. Saya dapati daripada Yang Berhormat dari Bertam pada 12 haribulan, bila saya bertanya beliau apa yang kos paling rendah sekali harga rumah kos murah. Daripada jawapan beliau saya dapati sekurang-kurangnya harga tiap-tiap rumah ialah \$22,000.00 sampai \$25,000.00 sebuah rumah ataupun rumah pangsa. Tetapi saya ingin berucap di sini dalam negara kita ada banyak orang yang miskin yang pendapatannya rendah, barangkali pendapatan sebulan antara \$300.00 hingga \$500.00 dan mereka ada keluarga masing-masing yang beristeri dan mempunyai 5 hingga 6 orang anak. Jikalau kita ambil perhatian atas masalah mereka kita boleh dapati mereka tidak layak mendapat atau membeli rumah walaupun harga murah. Tetapi mereka masih lagi duduk di tempat-tempat bandaran seperti Butterworth, Seberang Jaya dan Seberang Perai Selatan dan juga dalam Pulau Pinang.

Di sini, Tuan Speaker, saya ingin bercakap. Walaupun Kerajaan Negeri ada satu polisi berkenaan dengan perumahan. Itu satu polisi yang mengatakan mereka membina rumah-rumah murah dan memberi rumah-rumah itu dalam pasaran untuk dibeli oleh orang ramai. Itu sahaja satu dasar yang kita nampak. Pada pandangan saya itu satu

polisi yang tidak cukup, tidak lengkap oleh kerana bukan Kerajaan saja boleh membina rumah-rumah kos murah, ada pihak swasta pun ada membina rumah-rumah murah begitu. Tetapi pihak Kerajaan ada satu tanggungjawab terhadap penduduk-penduduk iaitu mengadakan satu polisi untuk tujuan semua penduduk-penduduk walaupun orang yang kaya atau bertaraf *middle class* ataupun orang yang miskin mendapat rumah-rumah yang sesuai.

Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan satu kajian yang lengkap atas masalah-masalah perumahan yang dihadapi oleh orang-orang miskin dan mengisytiharkan satu dasar, satu polisi daripada mana semua orang boleh mendapat rumah oleh kerana Tuan Speaker, saya dapati kebanyakan orang duduk dalam *squatters area*, apabila kita pergi kepada mereka dan bertanya mereka — apa guna mereka duduk dalam kawasan yang begitu tidak indah dan kawasan yang buruk? Mereka kata mereka tidak layak membeli rumah-rumah walaupun rumah-rumah itu kos murah oleh kerana tidak mendapat rumah-rumah yang kurang daripada \$25,000.00 atau \$22,000.00 dan mereka tidak boleh mendapat rumah-rumah itu.

Walaupun kita harap penduduk-penduduk itu mesti mencuba mendapatkan rumah-rumah kos murah tetapi kita tidak boleh tinggalkan mereka dalam satu suasana yang buruk begitu. Jikalau kita pergi ke tempat mereka, kita dapati mereka bukan sahaja duduk dalam keadaan yang buruk tetapi mereka tidak dapat kemudahan-kemudahan seperti air dan juga api. Mereka juga menghadapi satu masalah yang saya boleh katakan di sini, satu masalah birokrasi daripada pihak-pihak yang terlibat. Berapa banyak kali Tuan Speaker, saya ada berjumpa pegawai-pegawai daripada Kerajaan Tempatan, meminta mereka memberikan nombor taksiran kepada tiap-tiap rumah dan alasan saya meminta nombor taksiran ialah satu, mesti tiap-tiap rumah diberi nombor taksiran untuk taksiran sahaja. Bukan katakan — orang itu tidak boleh diberi nombor taksiran oleh kerana penduduk itu atau rumah itu haram. Itu jawapan yang kita dapat daripada pihak Majlis Perbandaran.

Tuan Speaker, saya ingin berucap di sini masalah rumah itu haram ataupun tidak haram, bukannya masalah Majlis Perbandaran. Itu adalah masalah di antara pihak tuanpunya tanah dan tuanpunya rumah, bukan masalah pihak Majlis

Perbandaran. Jikalau kita membaca undang-undang ataupun *Local Government Act*, kita dapati tugas Majlis Perbandaran ialah satu tugas mengutip hasil atau *assessment* daripada tiap-tiap bangunan, tidak kira bangunan itu haram atau sah. Jikalau mereka dapat mengutip hasil-hasil daripada tiap-tiap rumah, jadi kita boleh adakan satu keadaan di mana Majlis Perbandaran ada terus membuat tugas mereka dan penduduk-penduduk walaupun rumah haram ataupun tidak haram boleh mendapat nombor taksiran untuk tiap-tiap rumah.

Ini saya cadangkan oleh kerana apabila mereka pergi kepada Pihak Berkuasa Air ataupun pihak Lembaga Letrik Negara meminta bekalan air ataupun api, pihak Lembaga Letrik Negara dan Pihak Berkuasa Negeri mula-mula bertanya mereka adakah nombor taksiran oleh kerana nombor taksiran adalah satu kriteria yang menunjukkan mereka ada membayar hasil. Jikalau mereka ada membayar hasil, daripada situ pihak Lembaga Letrik Negara dan Pihak Berkuasa Air bersedia memberi bekalan air dan bekalan api.

Oleh kerana itu saya mencadangkan di sini Tuan Speaker, masa akan datang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan satu sistem yang baik di mana semua pihak mengikut undang-undang dan juga memberi kemudahan-kemudahan kepada tiap-tiap penduduk. Jikalau kita boleh adakan satu sistem begitu, saya haraplah pada masa akan datang kita boleh nampak satu keadaan di mana tiap-tiap rumah, tiap-tiap penduduk boleh mendapat kemudahan-kemudahan yang perlu seperti air dan api. Mereka juga boleh mengadakan satu kehidupan yang baik.

Lagi satu masalah yang saya ingin kemukakan di sini ialah petugas Majlis Perbandaran. Walaupun kita dapati ada berapa banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk, khususnya di tempat apa yang kita panggil *squatters area*, Majlis Perbandaran tidak menjalankan tugas mereka. Tiap-tiap hari Tuan Speaker, ada masalah berkenaan dengan sampah sarap yang tidak dicuci, macam-macam. Walaupun Majlis Perbandaran ada ahli-ahli mereka yang dilantik, di *dominate* oleh parti-parti politik daripada pihak Barisan Nasional, mereka tidak membuat tugas mereka. Bila kita pergi berjumpa dengan penduduk-penduduk dan menanyakan mereka adakah mereka tahu siapakah Ahli Majlis Perbandaran yang menjaga kepentingan mereka, mereka tidak tahu juga. Ini oleh kerana pemilihan Ahli-ahli Majlis Perbandaran sudah menjadi satu hal politik di kalangan

Barisan Nasional dan mereka bukan membuat tugas mereka. Saya ingat di sini mereka sebagai suatu '*training ground*' untuk tujuan politik, untuk tujuan barangkali dapat kontrak, saya tidak tahu. Tetapi apa yang saya tahu mereka tidak membuat tugas mereka.

Oleh kerana itu masalah seperti sampah sarap, parit tidak dicuci dan sebagainya. Walaupun mesti dijaga oleh Ahli Majlis Perbandaran, mesti dihadapi oleh ADUN di mana-mana tempat juga dan ini kita hadapi selalu. Oleh kerana itu saya minta apabila kita ada aduan apa-apa daripada penduduk-penduduk dan bila kita kemukakan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, pegawai tersebut itu mesti turun dan tengok, adakah masalah-masalah itu benar atau tidak benar.

Di sini saya merayu kepada Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Pinang yang bertanggungjawab mengadakan satu sistem di tahun depan — kalau boleh — di mana beliau boleh pergi ke tempat masing-masing dan tengok sendiri adakah masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk itu benar atau tidak benar dan merayu kepada Pegawai-pegawai Majlis Perbandaran datang tengok masalah itu dan mengatasi masalah-masalah itu. Ini satu masalah.

Lagi satu perkara saya ingin kemukakan di sini Tuan Speaker ialah walaupun ada pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan agensi-agensi ataupun badan-badan yang tugasnya membuat rumah-rumah seperti UDA, apabila mereka ada satu cadangan untuk membina rumah kos murah, yang saya dapat tahu tidak ada satu perbincangan dengan penduduk-penduduk itu. Oleh kerana penduduk-penduduk itu diminta keluar daripada tempat itu dan kosongkan tempat itu untuk membina rumah pangsa menghadapi banyak masalah. Di sini saya boleh memberi satu contoh daripada penduduk-penduduk yang terlibat dalam rancangan-rancangan yang dijalankan oleh pihak UDA.

Pihak UDA ada membuat satu rancangan di Tanjong Tokong dan juga di Bagan Dalam, tetapi di Bagan Dalam tidak dilaksanakan lagi. Tetapi saya dapat tahu Tuan Speaker bila pihak UDA ada satu rancangan, mereka sendiri datang dan berjumpa dengan penduduk-penduduk dan terus mengatakan kepada penduduk-penduduk di situ bahawa di sini ada satu rancangan mahu buat rumah pangsa yang murah dan semua penduduk di situ mesti dikeluarkan dan memberi satu tempoh

barangkali 6 bulan, atau 5 bulan dan memaksa mereka keluar daripada tanah itu. Jikalau begitu orang-orang yang miskin duduk di tempat yang terlibat pun menghadapi satu masalah oleh kerana mereka tidak tahu satu tempat yang alternatif, yang boleh mereka pergi.

Juga kita dapati daripada Tanjong Tokong yang saya sendiri tahu, saya sendiri mengalami iaitu ada seorang penduduk yang telah banyak tahun bekerja sebagai nelayan. Beliau ada mengadu, saya adalah seorang nelayan dan inilah satu kerja yang saya tahu, saya tidak boleh pergi ke tempat-tempat lain. Tetapi pihak UDA paksa beliau beli satu rumah pangsa tingkat 6 atau tingkat 7 dan suruh beliau pergi ke rumah pangsa itu. Tetapi jawapan daripada orang yang terlibat itu, mangsa itu ialah saya seorang nelayan, mana boleh saya pergi duduk di rumah pangsa. Jikalau saya pergi duduk di rumah pangsa, saya tidak boleh menjalankan kerja saya. Itu satu jawapan yang baik tetapi itulah yang satu masalah. Masalah yang pihak UDA tidak mahu mengatasi dulu sebelum melaksanakan projek-projek dan kita hadapi masalah-masalah begitu juga di mana-mana tempat.

Saya ingin memberitahu di sini walaupun ini kita boleh katakan terpulang kepada pihak UDA tetapi Kerajaan Negeri pun kena bertanggungjawab. Kerajaan Negeri kena bertanggungjawab kerana tanah yang diambil oleh pihak UDA bukan diambil terus tetapi pihak Kerajaan Pulau Pinang yang ambillah tanah itu dan beri tanah itu kepada pihak UDA untuk membina rumah-rumah pangsa. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri mesti bertanggungjawab.

Saya merayu kepada pihak Kerajaan, khususnya Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bertam, apabila Kerajaan Negeri ataupun badan-badan yang lain mahu mengadakan satu rancangan untuk membina rumah pangsa di mana-mana tempat, janganlah pergi ugut terus penduduk-penduduk di situ, tetapi mengkaji masalah-masalah mereka dan mendapatkan satu jawapan ataupun satu rancangan yang baik untuk mengatasi masalah mereka dulu sebelum melaksanakan projek-projek perumahan.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan di sini walaupun ada masalah-masalah begitu yang ditimbulkan di beberapa tempat dalam Negeri Pulau Pinang-pihak Kerajaan ada satu dua Ahli menggambar satu gambaran yang cantik dan

Ahli Yang Berhormat daripada Batu Uban pun ada berkata Pulau Pinang ini pada satu masa akan datang akan jadi sebuah pulau yang cantik dan cemerlang dan juga kita dapati ucapan daripada kawan baik saya, iaitu Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Bakap. Walaupun begitu beliau pun menghadapi masalah-masalah yang banyak daripada penduduk-penduduk yang miskin. Ini mesti diatasi oleh pihak Kerajaan dan saya boleh berjanji di sini Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Bakap mengenai masalah yang dikemukakan, iaitu masalah sisa-sisa toksid. Saya pun tahu masalah itu dan saya harapkan dan saya boleh berjanji di sini, dalam persidangan ini juga kita boleh bekerjasama dan ambil satu keputusan yang baik dan saya minta kerjasama bukan sahaja pihak Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Bakap tetapi juga Ahli Yang Berhormat daripada lain-lain kawasan.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tuan Speaker, saya bangun menyokong usul yang baru dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi dan ingin mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Anggaran Pembangunan 1989 di Dewan yang mulia ini.

Kita maklum bahawa banyak projek pembangunan telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang dengan jayanya pada tahun-tahun yang lampau. Walaupun begitu, kita tetap dapat melihat banyak projek raksaksa, ada yang belum bermula dilaksanakan dan ada yang tertinggal, siap separuh sahaja. Umpamanya Jambatan Pulau Pinang walaupun telah siap terbina, tetapi masih ada sebahagian dari Jalan Udini terus ke Gat Lebu Macallum sampai ke KOMTAR itu belum siap terbina lagi. Bahagian jalan ini patutlah dilaksanakan supaya disiapkan dengan segera untuk faedah rakyat di negara kita. Boleh jadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu berhubung dengan Kerajaan Persekutuan untuk menyempurnakan projek tersebut dengan segeranya.

Kita tahu bahawa Lebuhraya Timur Barat dan Lebuhraya Selatan Utara itu pun belum dilaksanakan dengan sempurna lagi. Oleh itu saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang bolehlah berhubung dan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan supaya projek tersebut dapatlah dilaksanakan dengan memulakan kerjanya dari Butterworth ke Gurun, ke Baling dan ke Changkat Jering di Perak,

sebab bila siap terbinanya lebuhraya-lebuhraya tersebut, maka ianya tentulah akan mendatangkan banyak faedah untuk rakyat di negeri-negeri di rantau utara.

Jambatan Pulau Pinang telahpun siap terbina selama beberapa tahun dan telah memberi khidmat kepada rakyat lebih daripada tiga tahun. Sejak terbukanya jambatan ini untuk rakyat di negara kita, kenderaan-kenderaan di sebelah Pulau ini sudah bertambah banyak dan masalah lalulintas di sebelah Pulau ini pun menjadi semakin rumit, sebab terlalu banyak kenderaan masuk ke Pulau ini dan menyebabkan banyak masalah lalulintas berlaku di sini. Oleh yang demikian, saya bercadang bahawa Kerajaan Negeri membuat satu kajian mencari jalan bagaimana dapat mengatasi masalah lalulintas di Pulau dan bagaimana dapat mengurangkan bilangan kenderaan di sini, sebab bila lebuhraya Timur Barat dan lebuhraya Selatan Utara itu siap terbina, tentulah banyak kenderaan akan berulang-alik dari negeri-negeri lain ke Negeri Pulau Pinang. Jadi saya ingin bercadang bahawa satu jalan keluar ialah dengan mengadakan perkhidmatan bas ataupun dengan izin, *public transport* untuk orang ramai supaya mereka dapat berulang-alik dari Seberang ke KOMTAR di Tanjong di sini. Dengan itu, maka hubungan rakyat Pulau Pinang dan rakyat Seberang pun akan menjadi lebih erat dan mesra lagi dan dengan itu ianya akan membawakan lebih giat lagi aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi di antara Pulau dan Seberang.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka satu rancangan untuk jangka masa panjang dan akan membangunkan kawasan-kawasan khasnya di Seberang Perai bagi menghadapi cabaran-cabaran abad ke 21. Kita ketahui bahawa pada tahun 2000, bilangan penduduk Negeri Pulau Pinang akan menjadi dua kali ganda iaitu 2 juta orang nanti. Kerajaan Negeri akan menitikberatkan pembangunannya di Seberang dan dengan itu bilangan penduduk di Seberang akan melebihi 50%. Oleh itu, segala kemudahan asas yang diwujudkan akan menjadi dua kali ganda banyaknya di Seberang juga. Sekolah-sekolah, maktab-maktab, balai polis, hospital, jalan-jalan, taman-taman rekreasi, bekalan air dan elektrik dan lain-lain akan diperbanyakkan juga. Sebab itu, saya berpendapat dan saya rasa Hospital Besar (*General Hospital*) patutlah dipindahkan ke Seberang kerana ianya akan memberi khidmat yang lebih berkesan untuk rakyat di rantau utara.

Kalau Kerajaan tidak bermula dari sekarang untuk melaksanakan projek-projek itu nanti, sudah sampai masanya, ianya tidak akan dapat memenuhi keperluan bagi abad ke 21 kerana Pulau Pinang akan menjadi satu pusat pentadbiran bagi rantau ini. Untuk keperluan itu, Kerajaan Negeri patutlah berusaha mencari dan mengenalpasti satu tapak yang sesuai di Seberang Perai untuk dilaksanakan satu Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru untuk faedah rakyat di rantau utama ini. Sebab terletaknya lapangan terbang antarabangsa itu di Seberang Perai adalah lebih strategik bila Pulau Pinang menjadi satu pusat perdagangan dan pentadbiran bagi rantau di utara ini.

Tuan Speaker, kalau Kerajaan Negeri ingin memperbanyakkan projek pembangunan di sini, maka tanpa wang ringgit, negeri kita tidak mampu menjalankan semua projek itu. Oleh itu Kerajaan Negeri terpaksa harus melobby untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi mencapai tujuan tersebut. Kerajaan Negeri haruslah memperuntukkan rekod prestasinya kepada Kerajaan Persekutuan dengan alasan-alasan yang meyakinkan juga. Kita faham bahawa projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri itu kebanyakannya dapat disempurnakan dengan mengikut jadual dan projek-projek itu bila siap terbina, bukan membawakan faedah untuk rakyat Pulau Pinang sahaja, ianya akan berfaedah untuk rakyat di rantau utara juga. Oleh kerana pelabur-pelabur asing tidak tertarik melabur di Pulau Pinang sahaja, mereka itu datang melabur di negeri lain juga di rantau ini. Dari itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan dengan itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah sekurang-kurangnya mewujudkan lebih daripada 60,000 peluang pekerjaan. Dengan itu juga Kerajaan Persekutuan dapatlah mengutip pelbagai hasil cukai daripada rakyat Pulau Pinang dengan berjuta-juta ringgit.

Dengan alasan-alasan itu, Kerajaan Persekutuan patutlah mengembalikan sebahagian besar peruntukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan lagi Pulau Pinang dan rantau utara, sebab majunya Negeri Pulau Pinang dan rantau utara, maka Kerajaan Persekutuan akan nanti mengutip lebih banyak hasil cukai daripada rantau ini. Apatah lagi dari rekod lepas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dapat mengekalkan kredibilitinya iaitu ada pinjam, ada bayar, kerana Negeri Pulau Pinang ada pengalaman mengawal

ketat peruntukan kewangan bagi pembangunan yang dijalankan di sebab apa yang dikerjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memainkan peranannya yang berkesan bagi menolong negeri-negeri jiran itu maju juga.

Tuan Speaker, selain daripada apa yang tersebut di atas, saya ingin mencadangkan supaya reklamasi tanah yang sedang dijalankan di Batu Maung itu diteruskan supaya projek tersebut dapat disambungkan ke Pulau Jerejak. Dengan itu, saya harap satu jalan baru yang lebih besar dapat dijalankan untuk menggantikan jalan ban di Batu Maung itu dengan secepat mungkin untuk kepentingan rakyat di situ. Saya berharap satu jambatan dapat dibina juga untuk menyambungkan kawasan reklamasi tanah di Zon Perdagangan Bebas ke Pulau Jerejak supaya Pulau Jerejak nanti akan dibangunkan menjadi satu tempat tumpuan untuk pelancong-pelancong tempatan dan orang asing juga.

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan mulai dari sekarang Kerajaan Negeri merancang membangunkan satu jalan baru di sepanjang pantai yang mengelilingi Pulau Mutiara ini untuk keperluan abad ke 21 juta.

Tuan Speaker, saya menyokong usul ini sekali lagi.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh selama 15 minit untuk minuman.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.21 petang.

Dewan disambung semula pada jam 4.42 petang.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai):

Tuan Speaker, saya bangun sekali lagi untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan perbelanjaan sebanyak \$42,371,780.00 dalam Anggaran Pembangunan 1989.

Tuan Speaker, anggaran perbelanjaan bagi tahun 1989, jika dibandingkan dengan angka perbelanjaan bagi tahun 1988 iaitu sebanyak \$38,782,220.00 adalah satu anggaran perbelanjaan yang telah bertambah sebanyak \$3,589,560.00

atau tambahan sebanyak 9.25%. Sungguhpun jangkakan prestasi perbelanjaan bagi akhir tahun 1988 ini hanya 70%, tetapi kalau dibandingkan dengan prestasi sebanyak 53% bagi akhir tahun 1987 dan 42.2% bagi tahun 1986, ini telah menunjukkan kadar prestasi yang telah meningkat. Ini adalah satu petanda yang baik, satu petanda peningkatan prestasi yang telah membuktikan keikhlasan Kerajaan Negeri memulakan rancangan ke arah pembangunan Negeri Pulau Pinang menjelang abad ke-21.

Tuan Speaker, dengan tidak dapat Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri selama dua tahun berturut-turut, saya yakin Kerajaan Negeri mendesak Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri meminjamkan wang daripada sumber-sumber dari Bank Luar Negeri ataupun Bank Tempatan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan 111(2). Sambil itu juga Kerajaan Negeri didesak menubuhkan satu Bank Pembangunan seperti yang telah ditubuhkan di Negeri Sabah.

Tuan Speaker, dengan pinjaman yang terhad sebanyak \$4,000.00 dari Kerajaan Persekutuan dan \$1 juta dari cara langsung untuk rancangan perumahan dari sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah satu langkah positif dan bermakna. Saya mengalu-alukan binaan rumah-rumah kos rendah yang dirancang di 5 fasa yang berjumlah sebanyak 40,245 unit.

Masalah kekurangan rumah kos rendah ini, khususnya bagi rakyat golongan berpendapatan rendah sentiasa menjadi isu sosial dan politik yang agak serius. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri haruslah mempercepatkan segala rancangan pembinaan perumahan kos rendah yang telah lulus menyertai Program Khas Perumahan Kos Rendah dengan memberi segala bantuan, baik dari segi nasihat teknikal ataupun dari segi polisi atau melonggarkan beberapa syarat, supaya memudahkan pemaju-pemaju melaksanakan projek-projek tersebut.

Di kawasan Machang Bubok, beberapa tapak telahpun dikenalpastikan untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah tetapi hanya satu tapak di pinggir Perkampungan Permatang Tinggi yang telah mula kerjanya telahpun menjadi pertanyaan orang ramai adakah rancangan perumahan kos rendah di bawah Program Khas ini di atas lot 1377

dan 1181, Mukim 15, Seberang Perai Tengah oleh pemaju Team Four, dan yang di atas lot 1097, 1098 dan 1099, Mukim 15, Seberang Perai Tengah juga oleh pemaju Fadason Holdings Sdn. Bhd. benarkah, dan akan dibina? Kebimbangan orang ramai adalah akibat pihak pemaju dan agensinya yang telah mula membuat pendaftaran pembelian-nya tetapi sehingga sekarang pun masih belum kelihatan tanda-tanda permulaan projek yang tersebut itu.

Tuan Speaker, tunggakan sewa rumah-rumah kos rendah berjumlah \$7 juta masih terus meningkat jika dibandingkan dengan tunggakan yang berjumlah sebanyak \$5 juta bagi tahun 1986, satu peningkatan sebanyak 40%. Peruntukan dari sumber Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang dikhaskan untuk Program Perumahan Kos Rendah termasuk peruntukan untuk membaiki keadaan rumah-rumah yang sedia ada hanya sebanyak \$5,400,000.00, manakala tunggakan penghuni-penghuni rumah kos rendah ini telah melebihi sebanyak \$1,600,000.00 atau 29.6% dari peruntukan. Keadaan ini amat serius dan pihak Kerajaan Negeri hendaklah bersikap tegas dan mengambil tindakan dan langkah-langkah positif yang berkesan untuk mendapatkan balik tunggakan tersebut ini. Penghuni-penghuni rumah yang masih belum menjelaskan tunggakannya patut bersikap bertanggungjawab kepada masyarakat.

Sebagai rakyat yang telah mendapat manfaat daripada Kerajaan, adalah menjadi kewajipan sosial dan sivik mereka untuk menjelaskan tunggakan supaya pembayaran ini dapat dijadikan modal semula untuk pembinaan lebih banyak lagi rumah kos rendah dalam rancangan Kerajaan Negeri ataupun dijadikan wang pembaikan kemudahan di rancangan perumahan yang sedia ada. Kerajaan Negeri seharusnya perlu mengkaji semula sistem peruntukan rumah kos rendah, supaya rakyat yang kurang mampu memilikinya tidak diperuntukkan rumah kos rendah tetapi sebaliknya satu projek 'Tempat Perlindungan Perumahan' ataupun dengan izin, 'housing shelters' dilaksanakan bagi rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar pada pagi ini, tiada satu kawasan yang akan tidak menyatakan bahawa jalan-jalan di kawasannya baik. Saya juga ingin menyuarakan berkenaan keadaan jalan-jalan yang rosak di kawasan saya. Jalan-jalan ini menjadi rosak, adalah kerana adanya beberapa jabatan dan

agensi Kerajaan yang bersifat kurang bertanggungjawab. Bila projek-projek mereka siap, jalan-jalan yang telah dikorek itu tidak ditarkan semula, hanya ditambun dengan batu-batu kecil dan keadaannya adalah sangat merbahaya. Di antara jalan-jalan ini ialah Jalan Bukit Minyak dan Jalan Ladang Alma.

Lega juga mendengar Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar nyatakan pihak J.K.R. akan memberi perhatian yang lebih berat di Daerah Seberang Perai Tengah. Adalah diharapkan bahawa pihak Jabatan J.K.R. akan mengambil perhatian dan tindakan untuk membarumukakan Jalan Besar, Machang Bubok, Jalan Tunggal ke Kampong Bukit Teh, Jalan Megat Harun dan Jalan Muhibbah di kawasan Machang Bubok.

Berkenaan dengan jalan-jalan yang telah diperbuat dan membarumukakan baru-baru ini, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri, khususnya kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar yang telah pun menunaikan janjinya untuk diperkuat dan membarumukakan Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng, Jalan Kampong Baru dan sebahagian Jalan Kulim.

Tuan Speaker, di bawah Maksud P.107 yang sama juga, Butiran 39 berkenaan dengan bangunan-bangunan Kerajaan baru, ingin saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih juga kepada pihak Kerajaan Negeri kerana selepas beberapa tahun tergendala projek pembinaan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah ditunggu-tunggu itu akhirnya diperuntukkan sejumlah \$2.2 juta. Keadaan Bangunan Pejabat Daerah ini amat teruk. Satu bangunan agak sempit, berkurangan ruang pejabat dan terlalu usang. Bangunan ini telah didirikan masa penjajah orang puteh. Dengan adanya peruntukan ini, penduduk-penduduk di daerah Seberang Perai Tengah penuh keyakinan bahawa sebuah bangunan baru Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah akan siap dibina pada tahun hadapan.

Di bawah Maksud P.114 sebanyak \$398,040.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan Program Perhutanan Sosial termasuk memajukan pusat-pusat rekreasi hutan. Keadaan infrastruktur yang sedia ada di Hutan Lipur di Cherok To' Kun, Bukit Mertajam adalah terhad dan yang sedia ada, berada dalam keadaan yang teruk dan memerlukan pembaikan. Memandangkan ianya adalah pusat rekreasi hutan yang tunggal di Daerah Seberang Perai Tengah, saya sangat-

sangatlah mengharapkan pihak Jabatan Perhutanan akan memaju dan menyempurnakannya demi menjadikan Hutan Lipur di Cherok Tok Kun ini sebagai sebuah pusat pelancongan.

Tuan Speaker, adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan api kepada semua lapisan masyarakat menjelang tahun 1990. Namun demikian, matlamat ini tidak akan tercapai kerana keengganan setengah-setengah tuan tanah memberi kebenaran untuk laluan tiang lampu atau paip air di atas tanah mereka. Salah satu sebab yang menyusahkan perbekalan api dan air ini adalah ketiadaan nombor rumah. Kerajaan Negeri haruslah mendesak pihak yang berkenaan mengkaji semula tentang kehendaknya nombor rumah ataupun kebenaran tuan tanah sebagai satu syarat perbekalan api dan air.

Saya berterima kasih kepada Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang yang telah melaksanakan pembekalan air di kawasan Machang Bubok yang sudahpun hampir 905 mendapat bekalan ini. Beberapa tempat yang masih belum mendapat menikmati perbekalan air minum ini adalah di Kampong Junjong A, Kampong Junjong B, Kampong Junjong C, Kampong Berangan Sembilan, Bukit Teh, Kampong Permatang Keling dan Kampong Baru Alma. Saya berharap Pihak Berkuasa Air akan terus memperbunkan air ini di dalam peruntukan sejumlah \$7 juta itu.

Tuan Speaker, rasa lega mendengar Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan sejumlah \$1,256,000.00 yang begitu besar telah diperuntukkan untuk Program Pencegahan Banjir bagi melindungi semua kawasan khasnya kawasan di luar bandar seluas 1,750 hektar. Saya rasa segan hendak membangkitkan sekali lagi lagi masalah banjir yang kerap kali melanda di kawasan Cherok Tok Kun, Kampong Machang Bubok dan Kampong Baru Alma ini, tetapi memandangkan keadaan yang begitu serius masalah banjir di kawasan-kawasan tersebut, haruslah saya bangkitkan sekali lagi di Dewan yang mulia ini. Saya yakin dan berharap bahawa di bawah Projek Pencegahan Banjir ini, pihak Jabatan Parit dan Taliair haruslah memperbaiki penyaluran dan tebing sungai-sungai dengan cecucuk bakau ataupun dengan benteng gabian supaya laluan air sungai ini dapat mengalir dengan baiknya ke laut.

Pihak Majlis Perbandaran harus berjaga-jaga juga semasa meluluskan projek-projek kemajuan, khasnya di kawasan-kawasan di mana paras tanah

yang tidak sama tinggi bagi mengelakkan terjadinya banjir. Pihak Jabatan Parit dan Taliair dan M.P.S.P. haruslah bertindak bersama untuk menyelesaikan kejadian berlakunya banjir di kawasan Cherok Tok Kun, terutamanya berhampiran dengan Jabatan Pertanian Cherok Tok Kun termasuk tanah lot 73 & lot 74, Mukim 15, Seberang Perai Tengah.

Tuan Speaker, Rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan produktiviti dan memperhebatkan lagi usaha-usaha bagi meningkatkan produktiviti dan memperhebatkan lagi usaha-usaha bagi meningkatkan taraf hidup para petani, nelayan dan penternak di kawasan luar bandar akan mengatasi keadaan yang tidak seimbang antara yang berada dan yang kurang berada. Di kawasan Machang Bubok terdapat penduduk yang berbilang kaum yang kebanyakannya bekerja sendiri, umpamanya pekebun sayur, penoreh getah, penternak dan sebagainya. Di antaranya terdapat sekumpulan seramai lebih daripada 250 orang petani yang telah mengusahakan secara Operasi Pusat Pengumpulan Ladang dengan pengeluaran sebanyak 15,000 kilogram sayur-sayuran bagi tiap-tiap bulan di Kampong Bukit Teh. Walau demikian, mereka sentiasa menghadapi masalah, terutamanya kekurangan jentera pembajak. Memandangkan bahawa usaha ini merupakan salah satu projek yang amat berjaya, maka galakan yang merupakan bantuan secara subsidi baja, peralatan, khidmat nasihat mengenai teknik-teknik pertanian, pemasaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi harga hasil tanaman mereka ini hendaklah diberi.

Berkenaan dengan penternakan babi, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membeku segala permohonan dan pembaharuan lesen penternak babi ini. Majlis Perbandaran haruslah bekerjasama dengan pihak Jabatan Pertanian untuk menyumbang secara positif kepada pemakaian teknologi yang moden supaya dapat menambahkan pendapatan mereka dan menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan bukan cari jalan yang senang secara membekukan lesen mereka.

Kerajaan Negeri telah memberi milik semula bagi tanah-tanah yang telah tamat tempoh pajakan hakmiliknya di perkampungan baru. Tempoh pajakan hakmilik yang dilanjutkan itu ialah 60 tahun dan ini bererti rakyat yang memilikinya akan terus tinggal di perkampungan dengan kemudahan-kemudahan yang masih berkurangan dan infrastruktur yang telah usang. Kemudahan-kemudahan tanah lapang, pasar awam dan Dewan

Serbaguna adalah sangat memerlukan. Parit dan longkang tanah terkambus, parit simen pecah-pecah dan jalan-jalannya sempit dan berlopak-lopak dan rosak.

Kerajaan Negeri dalam rancangan menyusun semula kampung-kampung baru ini, haruslah mendesak Kerajaan Persekutuan supaya memberi peruntukan yang lebih besar supaya pembangunan kampung-kampung baru ini dapat dipulih semula dengan memberi nafas baru demi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di situ.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan keperluan kemudahan-kemudahan seperti tanah lapang, Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja dan sebagainya di rancangan perumahan. Jawapan yang diberi kepada soalan saya berkenaan dengan persediaan kemudahan ini di rancangan perumahan Taman Permata di Bukit Mertajam adalah kawasan seluas 16,337 kaki persegi.

Tuan Speaker, ingin saya nyatakan bahawa sejumlah 177 unit rumah telahpun siap bina dan pembelinya telah berpindah mendudukinya. Tetapi sebarang kemudahan yang disebutkan tadi yang dikatakan telah diluluskan di atas pelan tatasusunan yang masih belum diadakan lagi. Pembeli-pembeli perumahan ini telah menyumbang kepada persediaan kemudahan-kemudahan masa membuat pembelian. Mengapa mereka ini kena menanggung penderitaan akibat kelalaian pihak M.P.S.P. tidak memaksakan pihak pemaju menyediakan kemudahan ini masa pengeluaran "Sijil Pendudukan" atau O.C. Begitu juga keadaan di Taman Perwira di Permatang Tinggi. Rancangan perumahan ini telah terbengkalai. Berapa lama lagi mereka kena menunggu sehingga impian mereka itu akan berhasil. Pihak Majlis Perbandaran patut mengkaji semula polisinya supaya jika pemaju ini ingin memajukan sesuatu rancangan secara berperingkat-peringkat, kesediaan kemudahan itu perlu diadakan sebaik-baiknya fasa yang pertama itu disiapkan.

Memandangkan kadar pertumbuhan penduduk-penduduk begitu pesat dan pembangunan perumahan begitu giat diteruskan di kawasan Kampong Baru Bukit Mertajam, sebuah pasar awam di tengah-tengah kawasan tersebut itu hendaklah didirikan. Pada masa sekarang didapati pada tiap-tiap pagi ramai penjaja berkumpul dan mengadakan jualan secara bebas di tepi Jalan Kampong Baru, Bukit Mertajam. Penjaja-penjaja ini memberi kemudahan pasar dengan jualan

barangan harian kepada penduduk-penduduk yang datangnya dari beberapa rancangan perumahan, iaitu Taman 'B', Taman Alma, Taman Bandaraya, Taman Bukit Indah, Taman Sri Bukit, Taman Sentosa, Taman Bukit Mas, Taman Jaya, Taman Keenways dan banyak lagi kawasan termasuk Kampong Baru, Bukit Mertajam. Amat aneh tidak nampaknya satu pembinaan pasar awam telahpun dirancang di dalam kesemua rancangan perumahan yang tersebut tadi. Dengan adanya pengumpulan penjaja di pertengahan kawasan perumahan-perumahan ini, maka sudah nyatalah sebuah pasar awam perlu dirancangkan dan dibina di kawasan tersebut. Saya yakin dan berharap Kerajaan Negeri dapat membuat rancangan untuk mendirikan sebuah pasar awam di kawasan ini bagi memenuhi kehendak penduduk-penduduk di situ.

Tuan Speaker, sekali lagi saya menyokong usul yang dibentangkan. Sekian.

Tuan Speaker:

Siapa lagi? Kalau tiada, saya akan menjemput pencadang untuk menggulung.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Anggaran Pembangunan Tahun 1989 yang telahpun dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya menyokong di atas usul yang telahpun dibawa oleh Yang Amat Berhormat dan mengucapkan tahniah, khususnya kepada Yang Amat Berhormat dan juga seluruh pegawai-pegawai yang telahpun berjaya, pertamanya menjimatkan perbelanjaan pada tahun 1987, juga dijangka akan menjimatkan lagi perbelanjaan itu pada tahun 1988 ini. Lebih-lebih lagi dalam usahanya dapat pula mengeluarkan perbelanjaan itu tanpa punca-punca hasil dalam negeri sendiri. Saya yakin ini adalah dengan berkat kebijaksanaan Ketua Menteri sendiri disusuli pula dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan kita yang baru, yang saya lebih suka pada bulan Disember ini memanggil beliau "Taukeh Pesta".

Tuan Speaker, tadi saya mendengar dari pihak Ahli Kawasan Berapit mahu supaya pegawai-pegawai juga bersama dengan beliau sekiranya ada apa-apa masalah yang dibangkitkan dalam kawasan beliau dan saya teringat pada peringkat awal saya berada dalam Dewan ini, tahun 1986, beliau pernah menjemput saya untuk duduk bersama di

kerusi sebaris dengan beliau. Pada hari ini saya pula nak menjemput beliau supaya dapat, kalau boleh, berhijrah ke kerusi yang masih kosong, supaya pegawai-pegawai yang ada di belakang beliau dapat melihat muka beliau dan seterusnya dapat memainkan peranan bersama untuk melaksanakan pembangunan di kawasan Berapit. Kalau boleh, sila ke hadapan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu, sama ada maksudnya hanya Yang Berhormat Ahli dari parti pemerintah mendapat hak istimewa saja. Tapi kita tidak dapat hak istimewa itu.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Bukan begitu, sebab saudara, Yang Berhormat dari Berapit memberi belakang kepada pegawai-pegawai. Bila memberi belakang ini, kepada orang-orang Melayu adalah satu perkara yang kurang sopan. Jadi lebih baik berpandangan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat itu mencadang supaya semua pegawai-pegawai itu duduk di sana? (ketawa). Itu boleh selesaikan masalah.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail):

Saya tidak payah mencadang. Saya cuma minta, kalau boleh. Kalau setuju silakan, kalau tidak setuju tinggalkan di situ saja.

Tuan Speaker, saya suka menyingkap di bawah Maksud Pembangunan 101, terutamanya dalam butiran (1) — Pengambilan Tanah. Saya merasakan sudah sampai masanya apa sahaja pembangunan yang hendak dilaksanakan itu mestilah tidak kita kira di mana kawasannya dan harus kita mengambil peranan yang berat, terutamanya kepada kawasan-kawasan luarbandar yang masih dahagakan kepada pembangunan. Saya hendak menyatakan di sini beberapa kawasan dan juga beberapa kemudahan-kemudahan yang masih diperlukan di kawasan luarbandar dan satu-satunya bagi faedah yang boleh memberi pembangunan rekreasi, terutama kepada tenaga-tenaga muda. Salah satu yang saya hendak timbulkan di sini, di kawasan saya sendiri, ialah permohonan kepada pengambilan tanah untuk membina padang bola.

Satu-satunya adalah di Kuala Muda yang telah lama diminta tetapi sampai ke peringkat ini kita belum mendapat kemudahan tersebut. Terdapat juga dua buah sekolah, iaitu Padang Sekolah Pulau Mertajam dan Permatang Janggus. Kita masih tidak mempunyai kawasan yang boleh digunakan oleh pihak sekolah bagi kegunaan padang.

Satu lagi ialah tapak mesjid. Saya telahpun didatangi oleh pihak J.K.K.K. untuk mendapatkan satu tapak di kawasan Permatang Krian dan ini juga dibuat permohonan dan mengharap sangat pihak yang berkenaan dapat membuat sesuatu yang boleh membantu kepada pihak-pihak yang tertentu ini.

Tadi pun kita dengar pihak Yang Amat Berhormat telah menyatakan juga dalam aspek pembangunan masyarakat yang mana satu peruntukan telahpun diberi bagi kita membina infrastruktur-infrastruktur di luar bandar. Maka saya sekali lagi juga ingin merayu kepada pihak yang berkenaan, terutama kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sebagai mengulangi satu perkara yang telahpun sama-sama disemak pada jangka masa setahun yang lepas iaitu di kawasan Pekan Kuala Muda terdapat sebuah longkang yang agak dalam dan longkang ini pula selalu sahaja dibanjiri kerana mendapat tekanan daripada arus laut apakala berlaku tiupan angin barat. Hasil daripada kedudukan longkang yang penuh sesak dengan air dan juga kadang-kadang sampah sarap menyebabkan berlakunya ternakan, bukan sahaja kepada ikan, tetapi juga kepada nyamuk. Pada akhir-akhir ini saya telahpun mendapat satu berita beberapa kanak-kanak telah jatuh menerusi longkang ini dan terpaksa dihajit kaki, mulut dan di mana sahaja tempat yang berlaku kecederaan, dan saya berharap, tindakan yang segera perlu diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Satu perkara lagi ialah mengenai penyusunan semula kampung. Saya telah difahamkan bahawa Kampong Pasir Gebu Tepi Laut yang telahpun dibuat permohonan oleh seramai 100 orang penduduk untuk mendapat hakmilik tanah di situ semenjak dua tahun yang lepas dan telah dibangkitkan untuk mendapat hakmilik pada tahun itu. Tetapi saya tidak tahu dan tidak pasti apakah masalah yang masih dihadapi sekarang. Saya rasa inilah satu-satu kaedah yang boleh, bukan sahaja memberi pembangunan dalam masyarakat, tetapi hasilnya nanti juga akan dapat dinikmati bersama oleh rakyat dan kita juga akan mendapat hasil pulangan daripada hakmilik tanah itu sendiri.

Maka ini juga saya memerlukan perhatian dari pihak yang berkenaan.

Tuan Speaker, dalam Butiran 39, saya juga memerhatikan ada kerja-kerja menambak tanah yang hendak dilakukan pada 1989 ini dan saya tidak tahu sama ada pihak yang berkenaan dengan kerja-kerja menambak tanah ini juga memberi perhatian kepada kawasan-kawasan di Seberang Perai. Saya ingin melaporkan bahawa di kawasan Penaga sudah terdapat satu *stretch* tanah ataupun satu banjaran tanah di tepi laut, tepi pantai sepanjang lebihkurang 3 kilometer, di antara pekan Penaga hinggalah ke rumah nelayan Kuala Muda. Dengan jarak daripada pantai ke laut lebihkurang $\frac{1}{2}$ batu boleh kita gunakan sebagai tapak untuk kita menambak juga tanah-tanah, dan saya kira kalau berlakunya begitu, maka bertambah jugalah ruang tanah yang kita idam-idamkan, terutamanya kepada segala bentuk pembangunan, sama ada untuk pembangunan perumahan, pembangunan untuk perniagaan, mahupun pembangunan untuk pelancongan.

Bersabit dengan itu juga di pantai Pasir Gebu Tepi Laut, saya kira akan menjadi satu kawasan pada ketika ini dikunjungi oleh orang ramai daripada masyarakat setempat di kawasan Penaga itu untuk melaksanakan program-program rekreasi persendirian dan ini harus diambil perhatian, terutamanya dalam kita nak membangunkan pelancongan. Selain daripada tapak itu saya juga merasakan ada tapak yang telahpun kita kenalpasti yang ada hubungannya dengan Negeri Kedah, iaitu Permatang Bendahari sepertimana yang pernah saya nyatakan di dalam Dewan ini tempoh hari.

Tuan Speaker, tadi saya dengar daripada pihak wakil Batu Uban mahu segelintir daripada tanah-tanah pertanian, terutama tanah tanaman padi, mahu ditukar kepada bentuk akuakultur yang lebih memberi manfaat kononnya kepada masyarakat setempat. Tetapi saya dengan rendah hatinya memohon kepada pihak Kerajaan, dalam kawasan Penaga, saya merasakan untuk menukar tanah itu kepada satu bentuk yang lain daripada bentuk asal tanah pertanian padi, saya kira tidak mungkin kerana hasil yang diterima pada ketika ini memang lumayan sekali. Cuma yang menjadi masalah kepada keadaan setempat ini ialah di dalam dua faktor. Satunya kawasan ini sentiasa dilanda banjir disebabkan kawasan itu berada di tebing Sungai Muda dan keduanya disebabkan dengan serangan-serangan musuh. Itu bukan faktor

yang merugikan atau yang tidak mendatangkan hasil, tetapi faktor yang merugikan hasil dan kalau digantikan dengan akuakultur sekalipun itu juga saya yakin boleh diserang atau dilanda banjir dan musuh-musuh kepada bentuk-bentuk akuakultur itu sendiri. Maka dengan ini juga saya menegaskan supaya kawasan itu biarlah kita kekalkan sebagai kawasan tanaman padi dan pihak kita merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan agar meneruskan perjuangan untuk menentukan kawasan pertanian itu dapat dikekalkan dan diberi perhatian untuk mengelakkan kedudukan-kedudukan yang tidak diingini, terutamanya dari segi dilanda banjir dan juga daripada serangan-serangan musuh.

Bersabit dengan banjir ini saya hendak juga mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada pegawai-pegawai dan juga kakitangan Kerajaan, juga orang ramai, sama ada daripada peringkat ahli-ahli politik mahupun orang-orang perseorangan yang telahpun memberi kerjasama untuk menderma sama ada berupa moral atau material kepada semua mangsa-mangsa banjir yang telahpun dilanda banjir tidak berapa lama dahulu, dan hasil daripada kutipan-kutipan, saya rasa sudahpun dapat menampung sedikit sebanyak melalui Pengerusi, Jawatankuasa Malapetaka Banjir, Seberang Perai Utara. Saya mengharapkan sangat apa sahaja bentuk bantuan dapatlah disalurkan kepada mereka-mereka yang memerlukan bantuan tersebut. Dalam hal inilah saya juga merayu, terutamanya kepada Jabatan Parit dan Taliair yang telahpun membuat liputan daripada peringkat atas Sungai Muda sampai ke muara Kuala Muda untuk memberi laporan yang jelas nanti, supaya satu peruntukan yang menyerupai dengan peruntukan bagi mencegah hakisan pantai di muara sungai di Mak Mandin akan dapat ditentukan supaya berlaku di kawasan-kawasan yang berada di tebing-tebing Sungai Muda itu sendiri.

Tuan Speaker, saya juga perlu memberi ucapan terima kasih, terutamanya kepada J.K.R. yang pada satu ketika merasa sukar untuk mengatasi masalah yang saya hadapi, terutamanya untuk menentukan jalan yang begitu teruk daripada Bumbung Lima ke Rantau Panjang yang saya anggapkan sebagai satu jalan yang tidak bertuan atau kalau orang kampung yang pernah datang melaporkan kepada saya menyatakan itu sebagai 'pelesit' tidak ada tuan.

Jadi akhir-akhir ini saya dengar daripada

pihak J.K.R. sendiri telahpun disusun satu strategi untuk mengambil jalan ini dan kelmarin pun saya dengar daripada pihak Pengerusi Jawatankuasa J.K.R. sendiri satu peruntukan bernilai \$600,000.00 telahpun diberi ke atas pembangunan jalan ini yang akan dilaksanakan pada tahun 1989 nanti. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan sangat kepada pihak J.K.R. masih ada pembangunan yang masih memerlukan perhatian yang begitu jitu. Satu-satunya adalah pembangunan Jambatan Sungai Tembus yang sudahpun ditender ataupun ditawarkan di peringkat yang kedua, dan dijangka siap pada awal tahun 1990. Begitu panjang masa, tetapi saya bimbang, kalau tidak mendapat perhatian yang begitu baik, lambat laun peringkat yang kedua ini juga akan menghadapi masalah yang sama, masalah *termination*. Jadi diharap pihak J.K.R. akan memberi sebegitu baik perhatian nanti.

Yang paling menyusahkan saya pada ketika ini, apabila 5 buah sekolah yang sudahpun ditender juga di peringkat yang kedua, sejak dua tahun yang lalu masih tidak dapat dimasuki dan saya juga menjangka pada tahun 1989 ini, sekolah ini juga masih tidak dapat digunakan dan ini telahpun memberi kecemasan sedikit kepada pihak pentadbiran sekolah-sekolah di Kuala Muda, Pulau Mertajam, Permatang Jangus, Permatang Sintok dan Pasir Gebu. Pihak pentadbiran sekolah sendiri ada penyusunan, kerana dijangkakan sekolah-sekolah ini akan siap pada bulan Ogos yang lalu tetapi sampai ke akhir-akhir ini sebelum tamat tahun inipun didapati pembangunan itu masih ketinggalan. Dijangka di antara 10% hingga 20% sahaja lagi yang belum siap padahal tarikh tamatnya sudahpun berlalu dan yang berlalu itu saya kira boleh, kalau hendak dilanjutkan kepada tambahan masa. Yang menyedihkan ialah kontraktor tidak ada. Kontraktor sudah cabut. Ini yang menyebabkan kita rasa satu pemerhatian yang tegas perlu diambil terhadap kontraktor ini dan kalau boleh pembangunan itu hendaklah disiapkan pada awal tahun hadapan.

Tuan Speaker, di dalam Maksud Pembangunan 109 — Haiwan — Saya dapati untuk rancangan ternakan ayam dan itek peruntukannya telahpun diperkurangkan, padahal di segi permohonan kita masih mempunyai petani-petani, nelayan-nelayan yang dahagakan peruntukan ini bagi menampung pendapatan harian mereka. Jadi saya mahu tahu mengapakah peruntukan itu dikurangkan, dan bagaimanakah pula perancangan

kita untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat luarbandar terutamanya apabila mereka berminat benar untuk mengikuti rancangan ternakan ayam dan itek ini?

Tuan Speaker, saya lagi sekali memberi ucapan terima kasih kepada Majlis Hal-Ehwal Agama Islam yang telah banyak memainkan peranan. Pertamanya yang telahpun memberi sedikit peruntukan lebih kurang \$20,000.00 untuk menampung pembangunan semula sebuah surau di Padang Tembusu yang telahpun dilanda ribut pada bulan April yang lalu dan bangunan itu telahpun siap. Bagi pihak J.K.K.K. dan juga masyarakat Padang Tembusu telahpun membuat kenduri baru-baru ini. Iaitu dua malam yang lepas, dan memberi ucapan terima kasih, melalui saya kepada Majlis Agama yang telahpun memperuntukkan peruntukan tersebut.

Begitu juga pada tahun ini di kawasan Kuala Muda, dua buah Sekolah Agama Rakyat yang bernilai \$50,000.00 sebuah telah dibangunkan di Kuala Muda sudah siap dan di Penaga sedang dalam pembangunan dan ini juga mendapat perhatian daripada masyarakat setempat melalui J.K.K.K. Mereka juga mengucapkan ribuan terima kasih.

Walaupun bagaimanapun, saya masih ada beberapa permohonan. Satu-satunya yang telahpun ada di tangan saya ialah permohonan daripada Kampung Guar Kepah supaya membangunkan juga sebuah Sekolah Agama Rakyat. Sepertimana yang telahpun dilafazkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita pada hari Isnin yang lalu bahawa peruntukan yang sedemikian rupa juga telah diberi menerusi Majlis Hal-Ehwal Agama Islam bagi melihat kedudukan, terutama kepada orang Islam ini supaya mendapat manfaat kepada bentuk-bentuk dakwah yang boleh dibawa, bukan sahaja kepada peringkat orang-orang dewasa tetapi juga kepada peringkat generasi muda yang baru di dalam lingkungan umur kalau Sekolah Agama Rakyat itu biasanya diduduki oleh murid-murid sekolah rendah. Saya kira ini adalah satu petanda yang sihat bagi kita meneruskan dan menegakkan syiar Islam di dalam negara kita ini memandangkan Agama Islam itu sendiri adalah agama rasmi negara kita.

Tuan Speaker, menerusi pembangunan pelancongan juga saya merasakan apa yang telahpun

dinyatakan oleh pihak Pengerusi, Jawatankuasa Pelancongan sendiri, pertambahan kepada pelancong-pelancong yang masuk ke negeri kita ini adalah berpunca bukan sahaja di atas sifat semula jadi Pulau Pinang itu sendiri, tetapi adalah disebabkan kita, di peringkat Kerajaan, telah banyak menyediakan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang memberi keyakinan kepada pelancong-pelancong luar negeri dan juga di dalam negeri, untuk datang berisyitirihat dan menikmati kemudahan dan kenikmatan itu sendiri. Pagi tadi pun semasa saya berada di dalam kereta menunggu feri datang, saya sempat untuk membuat satu perangkaan statistik di mana di dalam tempoh 15 minit berada di feri itu, saya melihat orang turun naik menerusi jejambatan ataupun jejantas yang ada di situ. Saya dapati dan saya kenalpasti sebagai orang luar — ini dalam fikiran saya — yang naik ke feri dalam tempoh 15 minit itu 58 orang, manakala yang keluar dari feri untuk turun ke stesyen bas saya dapati 23 orang. Jadi dari perbandingan itu sendiri saya jangka memang pelancong-pelancong gemar sangat untuk datang ke Pulau Pinang ini. Maka sebab itulah saya juga nak mengucapkan tahniah kepada Pengerusi, Jawatankuasa Pelancongan dan juga kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah memainkan peranan yang begitu jitu untuk menarik perhatian pelancong-pelancong supaya datang ke Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, melalui Maksud Pembangunan 116 — Kebun Bunga — saya dapati rancangan memperluas dan memperbaiki kemudahan di Kebun Bunga itu, ada baiknya. Cuma yang saya kira akan menjejaskan ialah kepada satu kem — Kem Coronation yang ada di situ. Saya telahpun didatangi oleh pihak-pihak yang tertentu iaitu pihak *Commissioner* Pengakap yang pada ketika ini terlalu resah menanti sama ada kawasan itu hendak diperluaskan dengan kemudahan-kemudahan yang sudahpun dirangkakan oleh pihak Kebun Bunga, dan juga menanti ke mana mereka akan ditempatkan. Jadi dalam hal ini saya merayulah kepada Jawatankuasa Kebun Bunga sendiri supaya tapak perkhemahan yang sedia ada itu kalau boleh kita kekalkan. Apa salahnya kalau kita nak memperbagaikan kemudahan, sama ada dengan cara *botany* ataupun *cultural* kebunannya asalkan yang hendak datang untuk melaksanakan perkhemahan itu kita beri syarat-syarat tertentu supaya jangan merosakkan tanaman-tanaman yang ada di situ. Sekiranya kita tidak dapat melaksanakan peraturan-peraturan ini, maka saya meletakkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Kebun Bunga

itu supaya menentukan satu tempat yang baru supaya tapak perkhemahan itu dapat dikunjungi oleh pihak-pihak yang memerlukan suasana perkhemahannya nanti.

Tuan Speaker, dengan itu juga saya menyokong usul yang telahpun dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan 1989.

Tuan Speaker:

Siapa ingin mengambil bahagian? Yang Berhormat, jangan malu! (ketawa). Saya nampak Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota bangun.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya tidak bangun pun.

Walau bagaimanapun saya akan mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Dewan ini diminta meluluskan belanjawan sebanyak \$42,371,780.00 untuk Belanjawan Pembangunan.

Tuan Speaker, sebelum saya teruskan kepada ucapan saya mengenai pembangunan, saya akan memberi satu isu, iaitu satu masalah. Saya amat keliru oleh kerana pagi ini apabila Yang Berhormat Ahli dari Sungai Pinang menggulung, memberitahu Dewan ini, ada *strata titles* yang dikeluarkan kepada penduduk-penduduk rumah pangsa tetapi pada hari Isnin apabila menjawab soalan yang dibangkitkan oleh seorang Ahli, beliau telah memberitahu kepada Dewan ini tidak ada permohonan untuk mendapatkan *strata titles*, yang diterima oleh Kerajaan dan jika ada terima permohonan untuk *strata titles*, Kerajaan mesti keluarkan *strata titles*. Tetapi pada pagi ini saya dengar beliau telah memberi satu senarai di mana *strata titles* telah dipohon atau dikeluarkan. Oleh sebab itu saya rasa Ahli dari Sungai Dua patut memberi satu penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Speaker, pergolakan politik di antara UMNO *team A* dan *B* serta pergaduhan di antara parti Gerakan dan M.C.A. akan menjejaskan usaha Kerajaan dalam pembangunan negeri ini. Ketidaksetabilan yang melanda negara ini dan mengurangkan keyakinan rakyat terhadap pucuk pimpinan dan juga keyakinan pelabur asing terhadap masalah pelaburan. Masalah politik dalam parti UMNO dan Gerakan yang menjadi tulang belakang Kerajaan

Negeri telah melemahkan azam bekerjasama di antara parti komponen Barisan Nasional. Saya berharap rakyat biasa tidak akan menjadi mangsa akibat pergaduhan di antara pemimpin-pemimpin politik itu.

Tuan Speaker, baru-baru ini saya dengar dari sumber yang boleh dipercayai bahawa 4 orang ADUN dari Gerakan akan melompat (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Penjelasan. ADUN mana tolong sebutkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

ADUN dari Pulau Pinang dari parti Gerakan akan lompat (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Sebutkan ADUN yang mana yang nak melompat itu?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tidak tahu, ada khabar angin. Khabar ini telah menggoncangkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Negeri kita.

Tuan Speaker, saya juga akan memberikan satu masalah mengenai J.K.K.K. Di bawah Maksud P.101 Butiran 6, di mana Yang Berhormat telah menyebut sejumlah \$1.5 juta telah diperuntukkan untuk Projek Pembangunan Masyarakat bagi menjalankan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur-infrastruktur kepada penduduk luarbandar. Ketua Menteri juga menyeru Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau J.K.K.K. akan diminta untuk mengenalpasti perkhidmatan infrastruktur yang penting yang diperlukan oleh rakyat di kawasan-kawasan luarbandar.

Tuan Speaker, di sini saya ingin membangkitkan isu mengenai J.K.K.K. Saya tidak tahu sama ada Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa J.K.K.K. digunakan oleh parti politik seperti UMNO sebagai satu tangan UMNO di kawasan-kawasan luarbandar sahaja. Mengapa saya bangkitkan isu itu oleh kerana saya ada menerima aduan

dari penduduk-penduduk luarbandar di mana surat yang ditulis oleh penduduk-penduduk luarbandar ke Pejabat Kerajaan untuk memohon untuk mendapat kemudahan dan dijawab oleh UMNO atas *letter head* UMNO. Itu aduan yang telah saya dapat dan saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh mengkaji dan jikalau begitu, saya harap Yang Amat Berhormat sebagai pemimpin Kerajaan Pulau Pinang akan mengambil tindakan terhadap perkara ini oleh kerana kejadian ini tidak sihat untuk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Penjelasan. Boleh buktikan kepada saya mengatakan bahawa J.K.K.K. di seluruh Negeri Pulau Pinang digunakan oleh UMNO?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bukan kata seluruh — tetapi ada, ada J.K.K.K. oleh kerana aduan diberi kepada saya dan saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyiasat.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Boleh bagi kebenaran bercakap sedikit lagi?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Yang kata ada J.K.K.K. itu kenyataan kamu nak tunjuk bukti. Sebelum itu kamu kata J.K.K.K. dikuasai oleh UMNO. Jangan silap cakap.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan, saya tidak cakap J.K.K.K. dikuasai oleh UMNO. Apa yang saya sebutkan tadi J.K.K.K. diguna oleh UMNO. Boleh *check* rekod.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Jadi bermaksud seluruh J.K.K.K.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan seluruh — ada.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Buktikan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini bukan masalah. Ada masalah yang ada J.K.K.K. di Pulau Pinang. Di luarbandar ada digunakan oleh UMNO oleh kerana satu surat yang ditulis kepada pejabat Kerajaan dijawab oleh UMNO di atas *letter head* UMNO. Macam mana? Pejabat itu menyerahkan *letter* ke bahagian UMNO kah? Bolehkah jawab? Mengapa surat yang ditulis kepada pejabat telah *direply* oleh UMNO?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh menyiasat perkara ini dan harap ini tidak berlaku di (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Mana bukti?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mahu bukti? Boleh, jikalau Y.A.B. Menteri mahu bukti saya boleh kasi, bila-bila pun boleh kasi. Mahu penjelasan? Saya ingat Ketua Menteri mahu penjelasan, dia tak mahu? Sekarang dia pergi siasat (ketawa).

Tuan Speaker, juga ada lagi satu perkara yang saya akan bangkit di atas belanjawan pembangunan ini. Di ucapan Y.A.B. Ketua Menteri tadi, beliau telah memberi alasan bahawa kegagalan pembangunan negeri kita adalah berpunca daripada kemelesetan ekonomi negara dan juga atas alasan bahawa peruntukan telah tidak diterima dari Kerajaan Pusat di mana pemberian

tambahan hasil tidak dihantar kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, di sini saya ingin mahu nasihat Y.A.B. janganlah gunakan alasan kemelesetan ekonomi untuk menyembunyi kegagalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Oleh kerana dari angka-angka yang ada sebenarnya 19 tahun yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri Dr. Lim sendiri di tahun 1969 sampai hari ini, tiap-tiap tahun, anggaran pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tidak dicapai, jikalau dibandingkan purata semua, hanya 50% sahaja. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu kita semua di sini 9 tahun ini adalah alasan kemelesetan ekonomi? Saya yakin memang tidak, oleh kerana kemelesetan ekonomi baru 2, 3 tahun kebelakangan ini sahaja tetapi dari angka yang sebenarnya saya ingat adalah kelemahan dipelaksanaan dan pentadbiran Kerajaan Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya beri sedikit contoh sahaja. Dalam tahun 1976 anggaran pembangunan adalah \$80.5 juta yang dianggarkan. Tetapi pada akhir tahun, peruntukan yang sebenar digunakan adalah \$9.2 juta iaitu 11.5%. Ini adalah dalam satu tahun, lain tahun ada. Ini tahun yang teruk sekali. Tetapi pada puratanya hanya 50% yang boleh digunakan. Saya harap Yang Amat Berhormat boleh mengaku bahawa bukan 'alasan kemelesetan ekonomi dunia yang boleh kita capai pembangunan kita tetapi pelaksanaan *capacity* dan kelemahan Kerajaan dan juga mengurangkan hasil yang kita tidak ada mengakibatkan negeri kita tidak boleh mencapai ekonomi di mana rakyat boleh nikmati.

Tuan Speaker, mengikut Ketua Menteri juga keadaan kemelesetan ekonomi turut menjejaskan usaha Kerajaan dalam pembangunan perumahan. Prestasi Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi amatlah mendukacitakan. Nampaknya anggaran perbelanjaan bagi rancangan perumahan semakin merosot dari satu tahun ke satu tahun. Pihak Kerajaan telah menganggarkan \$100 juta bagi maksud pembangunan perumahan kos rendah dalam tempoh 5 tahun iaitu tahun 1981 hingga 1985 dan juga \$100 juta untuk tempoh tahun 1986 hingga 1990. Tetapi malangnya perbelanjaan sebenar bagi tempoh ini hanya mencapai kadar separuh anggaran sahaja bagi tahun 1981 sehingga 1985. Bagi tahun 1986 hingga tahun 1990 Kerajaan nampaknya kurang mementingkan pembangunan perumahan rumah

kerana anggarannya semakin kurang.

Adakah Kerajaan tidak sedar bahawa hanya dua dari enam projek perumahan penswastaan yang ditawarkan adalah berjalan mengikut jadual yang ditetapkan? Kerajaan Negeri telah gagal untuk memenuhi janji-janji pilihanraya tahun 1986 untuk membina 18,000 unit perumahan murah bagi tiga tahun yang berikut iaitu tahun 1986 hingga tahun 1988.

Strategik telah menunjukkan bahawa beribu-ribu pemohon telah kecewa kerana bekalan tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Kerajaan Negeri tidak dapat memenuhi walaupun 10% dari permintaan di dalam negeri ini setakat hari ini. Ia cuma dapat memperuntukkan sebanyak 3,274 unit walaupun 49,233 orang yang telah memohon untuk mendapat unit kos perumahan rendah yang dibina oleh swasta. Setakat 31 Oktober tahun ini tidak ada satu projek perumahan pun dapat disiapkan. Semuanya projek di dalam peringkat yang dibina tetapi belum satu pun disiapkan sampai tahap ini. Sudah akhir tahun 1988 yang patut 18,000 unit akan dibina.

Tuan Speaker, selain dari itu juga ada 60,000 pemohon yang telah menunggu, bertahun-tahun untuk mendapat rumah murah yang dibina oleh Kerajaan. Mengikut statistik Bahagian Perumahan, pihak Kerajaan tidak lagi terlibat di dalam pembinaan rumah kos rendah kecuali 127 unit di Berapit, Bukit Mertajam dan 216 unit di Permatang Damar Laut. Nampaknya pihak Kerajaan tidak minat langsung memahami kesukaran rakyat untuk mendapat rumah murah dengan tidak memulakan pembinaan rumah murah. Kerajaan telah menggugurkan tanggungjawab asasnya dan jika begitu apakah gunanya ada seorang Exco Perumahan? Saya berharap Kerajaan dapat mengkaji semula perkara ini dan terus membina rumah yang mencukupi kepada rakyat yang tidak mampu membeli rumah-rumah yang dibina oleh swasta oleh kerana ada banyak penduduk-penduduk di Pulau Pinang yang tidak mampu membeli \$25,000.00 walaupun kos perumahan murah. Oleh sebab itu saya harap Kerajaan boleh terus mencari hasil-hasil dan wang untuk membina lebih perumahan kos rendah dan peruntukan kepada golongan ini yang tidak mampu untuk membeli perumahan yang disediakan oleh pihak swasta.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah gagal menunaikan tanggungjawab untuk memenuhi ke-

perluan asas rakyat. Oleh kerana bekalan tidak dapat menampung permintaan sampai ada khabar angin bahawa ada setengah-setengah si pemohon telah memberi rasuah kepada pegawai-pegawai. Ini khabar-khabar angin sahaja, serta ahli politik untuk mendapat peruntukan perumahan. Saya percaya khabar angin barangkali berasas memandangkan kekurangan rumah kos rendah di Pulau Pinang yang disediakan oleh Kerajaan. Saya berharap Kerajaan Negeri tidak akan membiarkan amalan yang tidak sihat dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyekat penyelewengan, jika ada, dalam pentadbiran perumahan itu.

Tuan Speaker, juga mengenai perkara rumah kos rendah. Di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri petang tadi beliau mengatakan bahawa terdapat sebilangan penghuni skim perumahan Kerajaan yang mengabaikan tanggungjawab sosial dan sivik mereka dalam membuat pembayaran balik ansuran bulanan mereka. Tunggakan mereka kepada Kerajaan Negeri berjumlah \$7 juta.

Tuan Speaker, di sini saya suka membuat satu teguran bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak boleh menyalahkan sepenuhnya ke atas penghuni-penghuni. Ini adalah sebab peruntukan rumah-rumah kos rendah ini kepada penghuni adalah dengan cara yang tidak kena. Ada rumah-rumah yang telah diperuntukkan sewenang-wenangnya kepada orang awam yang gaji bulanan di bawah kelayakan seperti \$300.00 sampai \$400.00 sebulan, semata-mata atas perkiraan politik dan perkauman. Bagaimana boleh kita mengharapkan penghuni-penghuni ini membuat bayaran ansuran apabila awal-awal lagi semasa diperuntukkan rumah ini kepada mereka? Pihak Kerajaan telah sedar bahawa mereka ini tidak mempunyai kemampuan untuk membuat bayaran balik ansuran ini. Saya harap, Kerajaan atau Ahli Exco yang bertanggungjawab ke atas perumahan akan membuat satu siasatan terhadap perkara ini dan jikalau benar ada orang-orang yang benar-benar tidak mampu membayar ansuran, saya harap beliau boleh melanjutkan masa atau mengurangkan ansuran untuk membantu mereka oleh kerana jikalau Kerajaan memaksa atau menggunakan dari segi undang-undang, saya ingat dia orang pun tidak boleh bayar juga. Jadi di sini saya harap Kerajaan boleh menimbang semula mengenai perkara ini.

Tuan Speaker, dalam melaksanakan sebarang projek pembangunan, Kerajaan mesti memastikan bahawa tidak diperas dan dirampas tempat kedia-

man. Projek KOMTAR adalah satu contoh di mana penduduk-penduduk di sana telah dihalau dengan tindakan keras dan terpaksa tinggal rumah halaman mereka. Saya mesti membangkitkan perkara KOMTAR ini, oleh kerana walaupun *Podium block* telah siap tetapi ada lagi Fasa 2, 3 yang terlibat dalam kawasan saya di mana Jalan Magazine, Gladstone, Teik Soon Street yang ada beratus orang yang sekarang bimbang, di mana mereka semua akan *disettle* atau bila akan dihalau keluar dari rumah itu. Ini ada satu kebimbangan oleh penduduk-penduduk di sana dan saya harap Kerajaan boleh mengambil berat terhadap perkara ini oleh kerana sepanjang beberapa tahun *relocation* penghuni-penghuni ini tidak boleh diselesaikan lagi. Ada orang yang diberi notis untuk membeli rumah PDC. Ada yang ditawarkan kepada menyewakan rumah pangsa PDC di Macallum Street dan lain-lain tawaran. Tetapi, terdapat banyak penduduk-penduduk yang tidak mampu untuk membeli atau menyewa rumah pangsa itu. Oleh kerana itu, saya harap Kerajaan boleh mengikut UDA. Saya juga menyerukan pihak Kerajaan Negeri untuk mengikut teladan Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA yang memberi pampasan yang adil iaitu satu unit rumah diganti dengan satu rumah pangsa kepada masyarakat Tanjong Tokong. Dalam projek ini, pembangunan KOMTAR, pihak Kerajaan juga boleh memberi rumah yang percuma kepada orang yang terpaksa dipindah. Apa sebab saya membangkitkan isu mengenai ini? Oleh kerana alasan yang diberi oleh UDA di mana UDA boleh menawarkan — satu ganti satu — oleh kerana tanah yang akan dibangunkan adalah diberi kepada UDA dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan *token* sahaja. Oleh itu jelas UDA, beliau boleh menawarkan satu rumah untuk menukar satu unit (gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Penjelasan!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Tuan Speaker, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Prai kata projek UDA di Tanjong Tokong itu tak begitu adil dan penduduk-penduduk di Tanjong Tokong kena terpaksa pindah ke rumah pangsa di Tanjong Tokong dan sekarang Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Kota kata Kerajaan Negeri pula, PDC tak patut, di Tanjong Tokong banyak patut. Apa ini DAP bilang? (ketawa).

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, dengan izin, bolehkah saya menjawab soalan itu? Masalah yang ditimbulkan oleh saya ialah lain daripada apa yang dikatakan oleh rakan saya di sini, apa yang saya ucap ialah walaupun ada memberi satu pampasan ataupun memaksa penduduk mengambil satu unit rumah pangsa, kadang-kadang ada orang yang tidak mahu rumah pangsa itu. Oleh kerana mereka ada kerja yang tidak sesuai untuk naik dan turun dari tingkat atas di rumah pangsa itu. Itu yang saya kata satu masalah oleh kerana saya katakan macam dulu — apabila satu badan hendak membina rumah mestilah mengkaji masalah-masalah penduduk dahulu — sama ada mereka mahu rumah pangsa atau pun mereka mahu wang pampasan ataupun mahu tanah. Itu mesti kena periksa dahulu sebelum bina rumah pangsa. Itu yang saya kata.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Abbas):

Tuan Speaker, penjelasan, boleh?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Abbas):

Saya dengar khabar-khabar angin, sebelum ahli-ahli pembangkang masuk ke Dewan, mereka hisap dadah dan mabuk dulu, betulkan?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Siapa? Sayakah? Siapa itu?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Abbas):

Tak tahu, khabar-khabar angin.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini khabar-khabar angin saja?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Abbas):

Ya, khabar-khabar angin saja, mabuk dan hisap dadah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Khabar-khabar angin saja?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Mabuk tuak sekali!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, dalam perkara ini, PDC boleh buat begitu juga oleh kerana rumah pangsa dibina oleh PDC di tapak Macallum Street Ghaut adalah di tanah yang percuma. Mengapa saya cakapkan tanah itu percuma? Oleh kerana tanah di Macallum Street Ghaut adalah tanah untuk membuang sampah oleh M.P.P.P.P. dan digunakan oleh Kerajaan untuk mengadakan tapak Pesta di sini dan rakyat di Pulau Pinang ada membantu untuk mengharden tanah itu. Saya ingat tanah ini percuma juga oleh kerana PDC boleh menawarkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek KOMTAR untuk menawarkan satu unit untuk satu rumah. Ataupun kurangkan 50% seperti yang ditawarkan oleh UDA kepada sesiapa yang terlibat dalam projek Tanjong Tokong. Saya harap Y.A.B. Ketua Menteri, juga Pengerusi PDC boleh mengambil berat tentang perkara ini oleh kerana penduduk-penduduk di sini dalam kebimbangan.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya

ingin bangkitkan, ialah saya juga ingin menyeru pihak Kerajaan untuk mengkaji dengan mendalam cadangan memindah sebuah pasar dan kompleks makan ke kawasan Macallum Street Ghaut dan Jalan Bakau sana — satu kawasan perumahan yang padat. Sistem jalan di kawasan itu mesti dinaikkan taraf untuk menampung jumlah lalu lintas yang dijangkakan bertambah selepas pindahan itu berlaku. Saya juga menyeru Kerajaan untuk memperingkatkan kemudahan infrastruktur bagi kawasan itu. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang lebih teratur dan sistematik dan bukan hanya bergantung kepada tindakan *Ad-hoc* sahaja. Pemindahan ke tempat ini dengan beberapa projek yang saya sebut tadi dengan tidak ada infrastruktur yang *parallel* seperti jalan hanya adalah melanjutkan masalah itu ke tempat baru ini dan bukan menyelesaikan masalah.

Tuan Speaker, bersangkutan dengan perkara ini iaitu satu projek mengenai projek pembinaan jalan tepi pantai yang dirancang oleh pihak Kerajaan. Tuan Speaker, Menteri Kerjaya Datuk Samy Vellu, baru-baru ini dalam Dewan Rakyat telah mengutuk Kerajaan Pulau Pinang kerana tidak mahu melepaskan tanah tebusguna bagi projek ini dan oleh kerana itu Kerajaan Pusat tidak akan membinakan jalan tepi pantai itu. Oleh kerana itu keadaan kewangan negeri tidak mengizinkan kita membinakan jalan itu. Saya harap pihak Kerajaan harus bekerjasama atau menyelesaikan masalah yang ada dengan Menteri Kerja Raya dan menaruh Jabatan Kerja Raya membina jalan itu, oleh kerana jalan itu adalah amat penting.

Tuan Speaker, pihak Kerajaan sering menuduh pihak pembangkang mengulang-ulangkan isu KOMTAR. Kami bukan hendak bermain-main perkara ini tetapi kami rasa ada perlunya membongkarkan apa-apa penyelewengan dalam pentadbiran Kerajaan.

Untuk makluman Dewan, pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih \$200 juta bagi membangunkan projek KOMTAR. Jumlah ini akan meningkat kerana Kerajaan masih mahu memajukan fasa-fasa yang lain. Tuan Speaker, wang yang dibelanjakan ke atas KOMTAR adalah hampir 40% jika dibandingkan dengan jumlah wang peruntukan bangunan di negeri ini di lima tahun kebelakangan ini. Ini adalah keterlaluan. Tumpuan Kerajaan ini adalah berat sebelah kerana banyak sektor lain yang perlu diberi perhatian. Sekiranya Kerajaan menyalurkan wang pem-

bangunan yang begitu banyak kepada KOMTAR, lain-lain sektor akan dianaktirikan. Lagipun dalam usaha pembangunan semula bandar, pihak Kerajaan hanya mementingkan projek KOMTAR saja sedangkan banyak kawasan di pusat bandar perlu diberi perhatian yang sewajarnya, yang selama ini diabaikan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, Kerajaan telah menyedari dan turut memberi tumpuan dan peruntukan kepada bidang pelancongan. Selama ini Kerajaan tidak memberi peruntukan bagi memajukan industri pelancongan dan membiarkan sektor swasta untuk memainkan peranan itu. Ketua Menteri kata bahawa Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai banyak sumber-sumber alam semulajadi. Saya mengingatkan Kerajaan bahawa Pulau Pinang mempunyai penarikan pelancongan yang sungguh banyak dan Kerajaan harus memajukannya bagi mempertingkatkan sektor ini. Baru tahun 1986 Kerajaan mula memperuntukkan \$4,390,000.00 untuk jangka 5 tahun daripada tahun 1986 sampai tahun 1990 bagi sektor pelancongan. Tetapi sampai hari ini tidak dicetakkan di buku belanjawan penggunaan peruntukannya, walaupun dalam ucapan belanjawan, Ketua Menteri telah menyebut ada \$1.6 juta diperuntukkan pada tahun 1989. Peruntukan ini memang tidak cukup, jikalau digunakan bagi menyediakan lebih banyak infrastruktur dan tempat yang menarik untuk pelancong.

Dari segi pelancongan, usaha Kerajaan adalah berat sebelah, di mana Province Wellesley atau Seberang Perai tidak terdapat banyak tempat-tempat pelancongan. Jikalau pelancong datang ke negeri kita, apa yang kita boleh buat cuma mengambil pelancong itu terus melalui Jambatan Pulau Pinang dan sekarang barangkali boleh pergi ke Seberang Jaya untuk ke *Bird Park* — habis itu terus pergi ke *ferry* balik saja. Tak ada apa-apa kemudahan-kemudahan pelancongan yang ada di Seberang Perai. Oleh kerana itu saya harap Ahli Exco (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Di Chai Leng Park banyak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Memang. Itu mini apa pun saya tak tahu.

Tuan Speaker, (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pasir, lepas semalam Persidangan dari sini, dia pergi ke Chai Leng Park, tak tahu buat apa? (ketawa).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Dua-dualah itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Ada pasar ikan di situ, *on the way back*, *stoplah* beli ikan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya nampak kamu pergi (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Adakah begitu? Nampak saja?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Itu khabar angin.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, akhirnya saya berharap Ahli bertanggungjawab ke atas pelancongan memberi pertimbangan ke atas pelancongan oleh kerana pelancongan adalah satu sektor yang mana negeri kita terdapat banyak tempat yang menarik. Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Exco dan juga Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan berat kepada perkara ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga besok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.13 petang.